



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

PENGGAL KELIMA

MESYUARAT PERTAMA

Shah Alam, 23 Mac 2012 (Jumaat)

Mesyuarat dimulakan pada jam 9.30 pagi

YANG HADIR

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali
Y.B. Tuan Ng Suee Lim
Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar
Y.B. Tuan Lee Kim Sin
Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei
Y.B. Tuan Lau Weng San
Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
Y.B. Tuan Yap Lum Chin
Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay
Y.B. Tuan Philip Tan Choon Swee
Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz
Y.B. Tuan Amirudin bin Shari
Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam
Y.B. Puan Lee Ying Ha
Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan
Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
Y.B. Tuan Dr. Mohamed Khir bin Toyo, PJK.
Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK.

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro,
DPMS.,ASA.

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA.

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK.

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK.

Y.B. Dato' Marsum bin Paing,
DPMS., SSA., ASA.

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal,
SSAP., DIMP.

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus,
KMN., SIS., ASDK.

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,
DMSM., JP., AMS.

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,
DPSM., AMS.

Y.B. Tuan Yap Ee Wah

Y.B. Tuan Wong Koon Mun,
JMN., SMS., PJK.

Y.B. Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak
SMS., PPN.

Y.B. Tuan Ismail bin Sani,
SMS., PJK.

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin

Y.B. Puan Gan Pei Nei

Y.B. Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK.

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK.

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DPMS., DIMP., SMS.

TURUT HADIR

(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959)

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Md. Saref bin Salleh
Bentara

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman
Encik Redzuan bin Adam
Penolong Bentara

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid
Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
Pelapor Perbahasan

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Mesyuarat Kali Kelima 23 Mac 2012 bagi Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

TUAN SPEAKER: Teluk Datuk

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK: GERAN SELANGORKU

36. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah program-program dan aktiviti yang akan dilaksanakan di bawah geran ini?
- b) Bagaimana dan bilakah ia akan dilaksanakan?

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB Teluk Datuk menanyakan soalan mengenai geran Selangorku yang saya pernah bantangkan untuk kelulusan Dewan pada bulan November tahun lepas sebagai salah satu daripada program yang kita nyatakan dalam Belanjawan Negeri Selangor 2012. Geran Selangorku berjumlah RM300 juta yang mana hasil peningkatan pendapatan-pendapatan dari Menteri Besar *Incorporated* yang mana kita telah berikan kembali kepada rakyat melalui geran-geran seperti 17 program. Program-program itu termasuk pengenalan gaji minima, Program Pembasmian Rasuah dan Penyelewengan, Program Pemerkasaan Wanita, Program Dari Kebajikan Kepada Pekerja-pekerja, Program Keusahawanan Muda dan seterusnya sehingga Penggerak Pembangunan Luar Bandar. Untuk usaha ketelusan, program-program ini juga di paparkan dalam laman web supaya dapat dipantau perlaksanaannya dan buat masa ini program ini sudah berjalan tetapi permohonan untuk program ini juga berterusan, ertinya Ahli-ahli Dewan Negeri dan juga persatuan-persatuan dan juga kumpulan NGO telah berminat untuk menyertai program-program ini dan ianya dipilih tentang penggunaannya terutama dari segi jumlah peruntukan yang ada. Untuk ini satu Jawatankuasa Pemandu telah ditubuhkan dan dibahagi kepada dua bahagian. Satu bahagian ialah program-program

berhubung dengan infrastruktur iaitu prasarana termasuk membaiki jalan, parit dan juga membaiki bangunan-bangunan. Ini bukan membuat, membaiki sahaja dan kedua ialah apa yang dipanggil bukan mengenai prasarana iaitu termasuk program perkasa wanita, program belia dan program-program usahawan dan seterusnya. Sebagai contoh kita dah mulakan beberapa kerja prasarana. Maknanya di bahagian MBSA kita membuat Jalan Kunci Air, Jalan Berangan, Jalan Kundang sebagai contoh. Ini pun kita masukkan dalam web MBSA di Seri Andalas ialah menurap Jalan Lorong Haji Yusof ke Taman Amir Safika. Jalan Kebun 30 Shah Alam, MPK membaiki Jalan di Kampung Meru kemudian MPAJ semuanya sudah mula kita mulakan. Kita juga akan jemput Ahli-ahli Dewan yang berkenaan supaya dapat memantau pelaksanaan ini. Dan program-program ini mula dijalankan.

Bahagian yang kedua ialah dan yang kedua ialah mengenai program-program bukan infrastruktur, jawatankuasanya mula pada minggu hadapan, kita terdapat berpuluh permohonan jadi oleh sebab itu mereka akan pilih mana yang sesuai kemudian boleh dapat tentukan mana yang nak dilaksanakan.

TUAN SPEAKER: Morib

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPAA
Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SADOM
(MORIB)**

TAJUK: SKIM PEMILIKAN TANAH KERAJAAN

37. Kerajaan bercadang melaksanakan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan dengan mengenal pasti pendudukan atas tanah TOL (Temporary Accupancy License) lebih dari 10 tahun untuk diberi hak milik kekal.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah keluasan tanah TOL yang layak diberikan hak milik di seluruh negeri Selangor mengikut daerah dan adakah ianya termasuk kawasan rizab kiri dan kanan JPS atau JKR?
- b) Berapakah jumlah mereka yang bakal menerima manfaat ini?
- c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang mengenakan kadar premium tanah yang rendah untuk mereka yang ditawarkan?

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih YB dari Morib. Dato' Speaker, Morib meminta penjelasan tentang skim pemilikan tanah kerajaan. Kita mendapati begitu ramai penduduk-penduduk di Selangor masih lagi menumpang di atas tanah TOL. Yang lebih kita kenal kita anggap mereka ialah sebagai peneroka. Dan setengah daripada mereka telah duduk di sana lebih daripada 10 tahun. Jadi oleh sebab itu Kerajaan Negeri berpendapat ada baiknya kita buat keputusan untuk jika sesuai

keadaannya dan juga jika di selidik dengan betul kita adakan satu usaha supaya mereka ini berpeluang untuk memiliki tapak rumah tersebut dan tapak rumah tersebut yang kita akan diselidik oleh Pejabat Daerah termasuk Pegawai Daerah dan pegawai-pegawainya dan jika betul kita akan berikan kelulusan supaya mereka dapat miliki tanah tersebut dan borang yang paling penting dalam usaha ini ialah dipanggil Borang 5A. Apabila Borang 5A ini dikeluarkan bererti orang yang menduduki tanah tersebut sudah mempunyai hak untuk memiliki tanah tapi biasanya apabila Borang 5A ini dikeluarkan, kerajaan menentukan premium pembayaran tersebut. Premium bayaran tersebut mengikut Selangor *Land Rules* apa dipanggil Undang-undang Pemilikan Tanah Selangor, Selangor *Land Rules* dan Selangor *Land Rules* menegaskan bahawa mesti premium itu mestilah berasaskan dengan harga pasaran semasa. Dan 25% daripada itu dikenakan sebagai premium. Jadi kita juga mendapati walaupun mereka-mereka penduduk kita di Selangor duduk di Selangor dikatakan peneroka tetapi mereka menduduki tanah-tanah besarnya ialah di pinggir bandar. Oleh kerana mereka duduk di pinggir bandar, nilai tanah mereka itu sangat tinggi dan jika diikuti dengan harga pasaran sudah tentulah mereka sangat sukar untuk membayarnya. Jadi satu skim tambahan yang kita berikan iaitu hanya dengan pembayaran RM1,000 sahaja mereka boleh diberikan geran hak milik tersebut dan ini sudah kita mula hebahkan dan pelaksanaan ini telah kita lakukan.

Untuk lesen pendudukan sementara, kerajaan meluluskan lebih daripada 5,063 lesen pendudukan sementara. Sehingga Januari 2012 dengan keluasan 6,695.35 ekar walau bagaimanapun kelulusan untuk pemberimilikan tanah TOL yang layak diberi milik itu dalam bidang hak Berkuasa Negeri. Jadi kadar premium yang dikemukakan untuk rumah kediaman mengikut formula $\frac{1}{2} \times \frac{1}{100} \times \text{nilai tanah} \times 99$ tahun yang telah saya jelaskan tadi. Jadi kita dalam program ini saya berharap usaha ini mesti dihebahkan dan semua yang menduduki tapak itu diberi peluang ataupun diberi kesempatan untuk memiliki tanah-tanah tersebut dan kita panjangkan usaha ini bukan sahaja ke kampung tapi ia juga kawasan-kawasan seperti di kampung dari Tionghua dan juga India yang mana program ini berterusan.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker, Bangi berterima kasihlah kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah meluluskan dua kelompok tanah kepada satu di Jalan Reko di belakang pada Taman Saroja lebih kurang 30 lot dan satu lagi di Pekan Bangi ya, 30 lot lebih kurang jugalah. Di Seroja ni kita dah *interview* sejak saya ingat satu tahun setengah dan di Pekan Bangi ni belum lagi di *interview*, jadi lambat sangatlah, kita kerajaan nak habis tempoh sepatutnya sebelum habis tempoh ni luluskanlah supaya imej kita tu ialah dipandang rakyat baguslah kalau nanti selepas pilihan raya tak lulus juga rugi kitalah dari segi apa ni imej dan sebagainya. Apa masalah yang terlampau lama sangat di Pejabat Daerah Hulu Langat. Terima kasih.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Saya tidak boleh menerangkan kes yang tertentu tapi biasanya yang dilakukan oleh pejabat daerah ia mengenal pasti satu kawasan satu kampung di tak buat, sebelum ini sebelum program kita ini ia dilakukan dengan pakai tapak-tapak, jadi biasanya hasilnya dalam satu kampung boleh jadi ada tak sampai sepuluh peratus yang dapat geran yang lain itu masih menunggu peluang untuk memohon geran. Tapi saya berpendapat cara itu tidak betul, kita mesti buat secara menyeluruh tak kira siapa tapi dia nak duduk situ dia boleh dapat. Masa sebelum ini dia dipilih-pilih jadi terdapat saya rasa ketidakadilan dari perkara tersebut. Kedua, dia juga mesti mengambil rekod pemilikan, rekod pemilikan itu supaya kita dapat benar-benar pantau dan salah satu daripada perkara yang berlaku, walau pun dia ada rumah di situ tapi dia bukan duduk di situ. Dia di sewakan dan pada kita orang yang menyewa itu yang sepatutnya dapat tanah tersebut. Tapi boleh jadi orang yang menyewa itu pun bukan orang tempatan. Jadi oleh sebab itu terdapat kita mesti betulkan perkara itu. Saya telah meminta pejabat-pejabat daerah membuat saya carta masa yang di buat, carta maknanya ada carta masa dan saya rasa kita nak beri KPI atau pun di situ tidak lebih dari dua bulan untuk penyelesaian tersebut. Kalau tak boleh dia akan hantar apa hasil daripada yang di buat itu supaya kita tentukan apa masalah dan berikan kelulusan. Itu yang saya minta supaya tidak ada fail itu disimpan. Kedua kita juga meminta ketua kampung dan juga penghulu supaya menyertai usaha ini dan termasuk ADUN supaya mereka bersama-sama dapat memahami bagaimana kelulusan ini diberi. Tapi untuk kelulusan satu kawasan satu kampung. Kalau hanya sepuluh daripada seratus saya rasa ini tidak memberikan kita peluang untuk mengemaskinikan pemilikan tanah. Jadi saya akan ambil kes yang di sebut oleh Bangi supaya saya dapat tahu dan boleh di bincangkan dalam STANDCO Tanah apa masalah yang menyebabkan kelewatan yang begitu lama.

TUAN SPEAKER: Meru.

Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN: Tuan Speaker, soalan No. 38.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PELABURAN

38. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah pelaburan masuk luar negara yang diperolehi tahun 2011.
- b) Apakah kekangan yang dihadapi oleh pelabur luar negara?
- c) Sila senaraikan lawatan kerja keluar negara dari Januari 2010 hingga Januari 2012:
 1. Lawatan yang terlibat YAB MB & YB EXCO.

2. Senaraikan terperinci nama & jawatan mereka yang mengiri lawatan YAB MB & YB EXCO serta kos lawatan.

Y.B PUAN TERESA KOK SUH SIM: Terima kasih, Yang Berhormat Meru, saya akan menjawab soalan Yang Berhormat bersama dengan soalan 152 soalan daripada Yang Berhormat Sekinchan dan soalan 177 daripada Yang Berhormat Lembah Jaya.

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2011 sebanyak 263 projek perkilangan telah diluluskan oleh MIDA atau MITI di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan dengan jumlah RM8.4 bilion. Sebanyak RM4.5 bilion adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM4.23 bilion adalah daripada pelaburan asing. Sebanyak 20,750 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan.

Berkenaan dengan soalan Sekinchan. Jumlah pelaburan yang diperolehi oleh Selangor sepanjang tahun 2011 secara perbandingan dengan tahun 2010 dan 2009 adalah seperti berikut:

- Pada tahun 2009 jumlah projek pelaburan perkilangan ialah 278, peluang pekerjaan 22,753 dan jumlah pelaburan adalah RM6.75 bilion.
- Pada tahun 2010 jumlah projek pelaburan perkilangan ialah 325 dan jumlah peluang pekerjaan adalah 27,865 manakala jumlah modal pelaburan adalah RM10.64 bilion.
- Pada tahun 2011 jumlah projek pelaburan perkilangan ialah 263, jumlah peluang pekerjaan adalah 20,750 dan jumlah modal pelaburan adalah RM8.74 bilion.

Sekinchan juga tanya tentang pelaburan di negeri Selangor berbanding dengan negeri lain pada tahun 2011. Bagi tahun 2011 negeri Selangor menduduki tempat kedua dari segi nilai pelaburan dengan 263 projek yang diluluskan dengan RM8.74 bilion selepas negeri Pulau Pinang yang mencatat pelaburan bernilai RM9.1 bilion daripada 109 projek. Dari segi bilangan projek, negeri Selangor masih terus mendahului negeri-negeri lain.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Lembah Jaya bagi tempoh Januari hingga Disember 2011 sebanyak 263 projek perkilangan telah diluluskan oleh MIDA dan MITI di negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM8.74 bilion. Jadi di antara industri pembuatan yang diterima yang dilaburkan di negeri Selangor. Industri pembuatan peralatan kenderaan merupakan industri yang mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi iaitu RM2 bilion daripada 52 projek perkilangan yang di luluskan. Ini diikuti dengan industri pembuatan barangan elektrik dan elektronik sebanyak RM1.42 bilion daripada 27 projek dan industri pembuatan barangan makanan mencatatkan jumlah pelaburan ketiga tertinggi iaitu sebanyak RM1.32 bilion daripada 17 projek yang diluluskan.

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2011 sebanyak 171 projek merupakan projek baru yang diluluskan di negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM4.38 bilion. Sebanyak 12,887 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan. Berkenaan dengan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelabur sama ada luar negara atau tempatan untuk melabur di negeri Selangor adalah seperti berikut iaitu :

- 1) Kekurangan sumber tenaga kerja tempatan. Kerajaan mensyaratkan mana-mana syarikat untuk memberi keutamaan dalam pengambilan kerja tempatan terlebih dahulu sebelum timbangan kelulusan untuk pengambilan pekerja asing di luluskan. Namun begitu banyak syarikat menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerja tempatan kerana pekerja tempatan tidak berminat untuk kerja di sektor perkilangan.
- 2) Kos awal pelaburan yang tinggi di negeri Selangor berbanding negeri-negeri lain seperti harga tanah yang tinggi, kos sambungan utiliti dan lain-lain kos yang berkaitan.
- 3) Penyelenggaraan kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan perindustrian seperti jalan berlubang, lampu jalan yang tidak berfungsi, longkang yang rosak, kebersihan dan keindahan kawasan perindustrian, tanda arah jalan kawasan industri.
- 4) Vandalisme dan kecurian kemudahan infra yang disediakan di kawasan perindustrian. Seperti kabel telefon, besi penutup longkang, pagar longkang, peralatan utiliti dan sebagainya.
- 5) Desakan pembangunan kawasan perumahan dan penduduk setempat menyebabkan pihak industri terpaksa berpindah ke kawasan lain dan ;
- 6) Kekurangan kawasan perindustrian yang baru yang strategik.

Perancangan secara komprehensif dan langkah-langkah yang positif telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha untuk menarik pelabur asing secara konsisten membuat pelaburan ke negeri Selangor adalah seperti:

- 1) Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
- 2) Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan di semua peringkat termasuk peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- 3) Penubuhan Jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Negeri Selangor

- 4) Penubuhan *Industrial Park Management Committee* (IPMC) di setiap kawasan perindustrian di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
- 5) Menaik taraf infrastruktur di kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Sains *Park*.
- 6) Mempercepatkan proses permohonan seperti permohonan Sijil Layak Menduduki, permohonan kelulusan pelan bangunan dan lain-lain melalui yang diperlukan oleh pihak industri pelabur menerusi *one stop centre* yang di tubuhkan di setiap PBT dan konsep mesra pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai pemasalah yang dihadapi oleh pihak industri dan pelabur di negeri Selangor.

Di sini berkenaan dengan soalan di tanya oleh Yang Berhormat Meru tentang lawatan kerja keluar negara dari Januari 2010 hingga Januari 2012 di sini kerana terdapat hampir dua puluh muka surat jadi saya tidak dapat membacanya tapi kesemuanya jawapan saya akan dihantar kepada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Hulu Bernam, tidak hadir. Bukit Antarabangsa tidak hadir. Paya Jaras.

Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR: Tuan Speaker soalan No. 41.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

TAJUK : TANAH ASRAMA YAYASAN SELANGOR

41. Kerajaan Negeri melalui Yayasan Selangor tetap mahu meneruskan projek pembangunan di atas tanah Asrama Tun Dr Ismail dan Toh Puan Norashikin.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah Kerajaan Negeri tidak prihatin dengan nasib anak-anak penghuni asrama dan bagaimanakah penempatan mereka bagi meneruskan pelajaran?
- b) Apakah bentuk pembangunan baru yang akan dibangunkan di atas tanah tersebut?
- c) Syarikat manakah yang diberikan projek pembangunan tersebut?

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat daripada Paya Jaras, Dato; Speaker membangkitkan soalan tentang tanah Asrama Yayasan Selangor

di atas tanah Asrama Tun Dr. Ismail dan Toh Puan Norasikin. Semasa perbincangan kita untuk menentukan strategi masa depan peranan Yayasan Selangor sebagai satu institusi yang mana boleh membesarkan lagi peluang untuk anak-anak dari luar bandar, anak-anak Melayu dari luar bandar supaya dapat menyertai pelajaran mereka di bandar dan di kawasan-kawasan yang sesuai untuk mereka belajar. Jadi kajian ini kita buat selama beberapa tahun supaya menengok apakah kemajuan yang boleh kita teruskan lagi. Apa yang kita dapati pada tahun-tahun awalan telah menunjukkan bahawa penempatan murid-murid kita dan anak-anak kita di Kuala Lumpur sebagai pusat pendidikan adalah sangat sesuai kerana mereka-mereka yang mana belum ada peluang untuk memasuki sekolah-sekolah seperti Victoria Institution, St. John, dan sekolah-sekolah yang mana dapat membolehkan anak-anak kita atau pun pelajar-pelajar yang kita pilih itu supaya mereka dapat bersama-sama dengan pelajar-pelajar lain dan hasilnya menunjukkan mereka bukan sahaja akan dapat satu pembelajaran tetapi lulus dengan keadaan yang membanggakan dan dapat meneruskan usaha mereka. Tapi dalam tahun-tahun selepas tahun 2000 kita telah melihat beberapa keputusan dari Kementerian Pelajaran yang mana keputusan itu.

Pertama mengehadkan penempatan murid-murid ini ke sekolah-sekolah yang kita tentukan, kerana mereka dapati peluang juga di bagi kepada masyarakat di bandar jadi maknanya kalau dulu kita menempatkan lebih daripada 20 pelajar, kali ini kita hanya boleh menempatkan tak sampai 5 pelajar;

dan kedua, mereka mencadangkan kita luaskan tempat-tempat penempatan tersebut termasuk sampai ke Assunta, sekolah-sekolah di kawasan-kawasan jauh daripada Kuala Lumpur, walaupun mereka duduk di asrama di Kampung Pandan dan di sana dan mereka juga mencadangkan juga menempatkan anak-anak kita ini di sekolah-sekolah berasrama di kawasan-kawasan dipanggil sekolah bestari jadi maknanya bertempat dan 2 keputusan yang kita dapati, satu keputusan tidak semestinya kita sekarang keputusan yang baik di dapati di sekolah-sekolah maknanya yang berada di Kuala Lumpur dan keputusan-keputusan pelajar-pelajar Yayasan Selangor yang lebih baik rupanya sudah mula kita dapati daripada Sabak Bernam, Kuala Kubu Baharu, dan seterusnya maknanya sekolah-sekolah ini sekolah-sekolah di luar bandar juga mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan pelajar-pelajar yang boleh mendapat kelulusan-kelulusan peperiksaan yang baik, itu satu.

Kedua kita juga dapati dengan menempatkan mereka di sekolah-sekolah di asrama-asrama yang berada di Kampung Pandan dan seterusnya dan mereka juga terpaksa juga diangkut sampai ke sekolah-sekolah yang agak jauh, masa perjalanan mereka ke sekolah-sekolah daripada Kampung Pandan ke Assunta, di Petaling Jaya melebihi 3 jam ataupun hampir 4 jam sehari, jadi kalau di kira dia pergi pagi balik petang dan malam mereka berada di dalam bas lebih daripada 1 jam, jadi kita dapati juga menyebabkan pelajar-pelajar itu agak letih dan boleh jadi lelah dari segi perkara tersebut, jadi kita nampak penempatan kita tidak efisien dan salah satu daripada usaha yang kita lakukan ialah berjumpa dengan sekolah-sekolah tersebut supaya kita dapat menyewa penempatan di sebelah sekolah bukan di bawa naik bas, turun naik berhari-hari dan dalam keadaan yang tidak memuaskan.

Jadi kedua kosnya juga bertambah, saya meminta pengurusan untuk mengkaji, kita hanya dapat menolong tidak lebih daripada 1,500 pelajar, jadi saya mempersoalkan ini sebab kita sudah begitu lama, mengapa kita tidak cuba tingkatkan dua kali ganda apakah? yang patut kita lakukan untuk meningkatkan jumlah pelajar lebih ramai lagi kerana penduduk sudah bertambah dan peluang mesti juga diberikan kepada begitu ramai masyarakat luar bandar yang perlu mendapat sokongan daripadanya.

Kajian menunjukkan kita hanya kalau benar-benar nak lakukan perkara tersebut membina asrama kita sendiri dan adanya juga kajian menunjukkan kita buat sekolah berasrama kita sendiri seperti yang dibuat oleh beberapa syarikat swasta seperti kolej di Melaka dan juga di Bernam Jaya sebagai contoh, bagaimana kita sendiri yang menguruskan kesemuanya dan boleh menempatkan lebih daripada 1,000 pelajar dalam asrama yang kita dan sekolah yang kita bina. *Okay.*

Untuk itu, cara pembinaannya ialah menggunakan harta-harta yang kita ada dan di nilai ataupun dirancang berasaskan konsep *Gross Development Value* maknanya kita rancang baru kita buat usaha penempatan dan juga pembangunan dan ini akan apa yang dipanggil *unlock the value of the asset* tapi di samping mempunyai dana yang cukup untuk pembangunan, dan program ini mesti dibuat dalam jangka panjang bukan dalam masa 1 atau 2 tahun tetapi kita juga mengambil kira beberapa tahun yang supaya ini *target* kita akan melipatgandakan pelajar-pelajar yang boleh masuk dan mendapat perkhidmatan daripada kita.

Ini telah dibuat dan kita juga mengadakan perbincangan-perbincangan walaupun reaksi berbeza ada yang masih mahu tinggal di asrama ada yang masih mahu meneruskan duduk di sini sehingga tamat dan saya telah minta apa-apa pembangunan dibuat tidak menyusahkan orang yang ada sekarang, tetapi untuk membuat perancangan masa depan, walau pun saya dapati masa perbincangan itu tidak diterangkan dengan jelas tentang strategi kita, walaupun strategi kita telah menyatakan kita akan tiap-tiap tanah dimiliki, hartanah dimiliki oleh Yayasan Selangor ini dibuat berasaskan perancangan yang kita buat bukan cara yang dibuat sebelum ini iaitu tanah itu dikelolakan oleh pemaju yang lain, saya telah mencadangkan ini bererti kita tidak boleh melihat nilai yang sebenar apa yang berlaku apabila ada tanah kita, kita minta perancang yang kita boleh bayar perancang itu dengan harga yang berpatutan tak sampai 20,000 dia boleh melihat bagaimana kalau kita pemilik tanah itu boleh membangunkan tanah tersebut, kalau secara kompetitif pula, kita boleh gandingkan 3 *planner* untuk tunjukkan kita cara-cara merancang lepas itu kita ada panel yang orang berpengalaman untuk melihat pembangunan tersebut, lepas itu baru kita fikirkan tentang pembangunan.

Saya lihat perkara ini kalau perkara ini dibuat sebelum ini, nilainya akan lebih tinggi daripada yang sekarang, ada sekarang kita telah menunjukkan bahawa nilainya sangat besar, jadi oleh sebab itu apabila kita berunding dengan sesiapa yang menjadi nak ingin memajukan kita sudah tahu *value of the asset*, yang ini kita tidak lakukan sebelum itu, jadi kita berharap tentang perusahaan dan kebijakan pemaju yang ingin memajukannya. Jadi kita tidak tahu *the real value* dan perkara ini sudah mula saya

lakukan dan hasil daripada kajian tersebut kalau kita *unlog the value* dan kita boleh adakan penerangan pada masa ini *unlock the value* kita mempunyai cukup dana untuk membiayai lebih daripada 2,000 pelajar-pelajar dan selain daripada itu, kita juga boleh membina *a full place institution* apa yang dipanggil *education institution* yang mana kita boleh dapat biayai dan antara cadangan yang dibuat oleh pengurusan ialah sekolah berasrama penuh di tanah Yayasan Selangor yang berada di Bestari Jaya daerah Kuala Selangor bersebelahan dengan Universiti Selangor dan di sana dan itu antara cadangan ini dan ia berupaya untuk menempatkan lebih daripada 1,000 pelajar dan ini akan kita paparkan supaya dapat ibu bapa melihat bagaimana perkembangan yang kita lakukan.

Jadi soalan yang menyatakan tidak prihatin dengan nasib anak-anak tidak ada itu soalan tak timbul, tapi walau bagaimanapun saya rasa yang perlu kita lihat ialah bagaimana perancangan kita masa depan dan menggunakan aset-aset tersebut, saya tiap-tiap tahun saya mengadakan apa yang dipanggil *Annual General Meeting* yang mana untuk Yayasan Selangor yang mana saya dan rakan-rakan membentangkan perancangan-perancangan tersebut dan ini kita lakukan, jadi kita tidak pernah lakukan sebelum ini, tapi saya lakukan sekarang, dan kita sebagai kita jemput mereka-mereka yang menjadi ahli untuk hadir bertanya dan melihat bagaimana perkembangan pembangunan yang kita lakukan dan akaun Yayasan Selangor akan dibentangkan yang sudah di audit sudah tentu dibentangkan dan kita membincangkan masa depan perancangan kita untuk Yayasan Selangor.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR: Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kerana jawapan yang agak lebar dan perancangan yang akan dibuat atau dimajukan ditapak tersebut, cuma saya ingin..

TUAN SPEAKER: Soalannya, soalannya.

Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR: Soalannya, soalan No. 3, mengatakan bahawa minta sesiapa sahaja yang ingin memajukan tanah tersebut dengan perancangan tertentu, cuma nilai, sepatutnya kita sudah tahu berapakah nilai hartanah yang sedia ada, kemudian kalau kita dapat begitu kita tidak akan rugi seperti RM500 juta dan beberapa juta lagi sebab ini satu perancangan yang jauh, kerana ini adalah kepentingan Yayasan Selangor, Kerajaan Negeri dan juga rakyat kita, seterusnya saya nak tahu berapakah? nilai yang sedia ada tanah tersebut supaya kita dapat memahami dan supaya dapat didengar oleh semua yang ada dalam dewan ini. Terima kasih.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Saya akan suruh Yayasan Selangor buatkan pembelaan hari Isnin tentang perancangan-perancangan yang mereka telah buat untuk kawasan-kawasan tertentu, ini perancangan ialah baru perancangan bukan keputusan,

perancangan makna beberapa apa yang dikatakan berapa cadangan-cadangan kita akan tunjukkan cadangan-cadangan tersebut dalam cadangan-cadangan termasuk apa yang di kata nilai Paya Jaras bangkitkan maknanya *gross development value is all ready there* maknanya *Gross Development Value* itu ada dan apabila kita meminta orang-orang memberikan cadangan, kita sudah memberi asas tersebut saya lihat ini secara rambang bukan saya tidak ada data-data yang berada dekat saya, tapi hari Isnin boleh kita pameran dan nilai yang ada sekarang melebihi RM500 juta tapi itu terpulang kepada apa yang dipanggil *development ratio* dan seterusnya tapi kita boleh-boleh tunjukkan apa yang kita lakukan. Saya bersama dengan Yang Berhormat dari segi menentukan nilai yang baik. Seperti dulu kita tidak buat macam ini, saya tunjukkan bagaimana cara kita membuatnya dengan baik dan betul. Itu kita *and it's professionally done*. Jadi dengan cara itu kita boleh dapat memantau dan mendapat hasil yang terbaik dan tak ada siapa yang boleh melobi untuk mendapat ini, untuk dapat nilai yang diskaun, tak ada. Kita dapat nilai yang betul sebab duit ini hanyalah untuk pendidikan anak-anak kampung kita yang mengharapkan pertolongan daripada kita dan saya rasa kita mesti tingkatkan akhirnya jumlah peluang-peluang untuk mereka itu lebih ramai lebih baik untuk kita.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih, Tuan Speaker. Kita di Selangor ni ada Yayasan Selangor. Tujuannya nak mendidik anak-anak kita pada peringkat menengah. Kita ada Jabatan Agama Islam. Kita kurang sekolah menengah. Anak-anak yang lahir, yang dapat *muntaq* hanya 5% yang dapat masuk sekolah menengah yang terbaik. Kemudian kita ada EXCO Pendidikan. Tidak kah wajar ini disatukan untuk kepentingan anak-anak kita di sekolah menengah. Kita kurang sekolah menengah yang dulu ada 23 kita dah serah kepada Kerajaan Persekutuan. Mengapa tidak umpama yang baik kita melalui Yayasan Selangor, yang baik melalui jabatan agama dan lain-lain kita satukan dengan komitmen yang tinggi untuk mendirikan sekolah-sekolah terbaik bagi sekolah menengah di negeri Selangor ni. Tapak-tapak misalnya saya fikir banyak ya tetapi tidak didirikan sekolah itu, yang sekolah menengah daripada JAIS maflah saya katakan ertinya tidak begitu betul-betul

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat soalan. Soalan terus.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Soalan saya makna tidakkah wajar kita dirikan sekolah menengah atas nama Kerajaan Negeri bukan tak perlu nama pejabat agama, tak perlu nama yayasan. Ini anak kita hantar ke situ yang terbaik dan kita mesti komitmen tinggi bukan setakat apa dia ni tanah apa dia ni perlu datang di Tun Dr. Ismail dan itu sahaja tapi kita pilih tanah-tanah terbaik dan tanah-tanah di kawasan-kawasan terbaik barangkali juga di tiap-tiap daerah kita dirikan Sekolah Menengah terbaik untuk anak-anak kita terbaik dengan kita menyediakan guru dan *facilities* yang terbaik kita pilih untuk hantar ke situ. Dengan keadaan berpecah sekarang ini ertinya masing-masing ertinya yang jabatan agama menengahnya lebih kurang, umpamanya

integrasinya bagus tetapi perjalanan, *facilities*, guru dan sebagainya masalah. Begitu juga barangkali yang kita nak buat asrama tu kalau kita satukan komitmen tinggi dan kita ada saluran, universiti kita ada kita ada KUIS dan sebagainya salurkan kepada sekolah terbaik itu dan hantarkan tanpa mengenali yang ini sekolah agama, ini di bawah yayasan barangkali semua anak bukan Melayu sahaja semua boleh lalu situ, kita didik terbaik dan hantar sekolah menengah terbaik dan saluran untuk ke universiti baik yang milik negeri dan yang milik apa dia ni persekutuan atau luar negeri dan sebagainya. Jadi tidak berpecah-pecah seperti sekarang. Saya ingat komitmen dan pendekatan perlu, ertinya terbaik yang harus diambil oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sebabnya boleh ringkas ni.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat, hari Jumaat yang mulia ni saya jawab juga lah soalan, jawapan, soalan Yang Berhormat tu. Yang sebenarnya kehendak kita lebih besar daripada keupayaan kita itu. Saya hendak terangkan daripada kiraan saya kalau kita membiayai sekolah-sekolah menengah sahaja maknanya kita memerlukan peruntukan yang sangat besar. Itu-itu mesti kita terima hakikatnya. Jadi kalau kita, walau bagaimanapun saya cuba menyelesaikan sebahagian daripada perkara tersebut. Cadangan untuk menyatukan supaya kita adakan Sekolah Menengah Integrasi, berbeza dengan sekolah-sekolah menengah itu boleh dilakukan tetapi dia hanya menyelesaikan masalah 1,000 daripada 30,000 permohonan. Bukan-bukan satu itu. Ada kalanya kita boleh jadi tak lihat 1,000 tapi saya tidak hendak berbincang tentang masalah yang besar begitu tapi sekurang-kurangnya kita tahu hadnya tapi pada saya sekolah yang terbaik mesti kita adakan sebagai sebuah negeri yang maju kita mesti tapi jawapannya kita hanya menyelesaikan tak sampai daripada 5%. 5% sahaja. Itu pun, kalau lebih pada itu kita punya belanja tidak mencukupi. *Maintenance operating cost* tu, hah itu sebab saya.....

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker, saya nak tarikan macam di Terengganu, maaflah disebut berterusan sudah 10 tahun jadi negeri terbaik di dalam bidang pendidikan. Keputusan SPM, STPM, PMR terbaik. Ini sebagai satu contoh negeri yang agak jauh ketinggalan daripada Selangor tetapi maju dalam bidang pendidikan mengapa kita tidak apa dia ni mengambil contoh dan membuat pendekatan yang lebih baik daripada itu supaya Selangor maju. Maju juga dalam pendidikan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, dah melencong daripada soalan asalnya. Ya, sila.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Saya juga melihat apa yang dipanggil *reserve* Terengganu dia negatif. Hah! Itu saya nak terangkan tapi walau bagaimanapun nasib dia baik, dia ada duit minyak kalau tidak *reservanya*. Jadi maknanya penggunaan dana tu tidak lebih banyak daripada yang walau bagaimanapun tujuan Bangi sangat murni. Maknanya marilah kita mencuba menyediakan sekolah-sekolah supaya anak-anak kita dapat peluang untuk mendapat sekolah pengajaran yang terbaik daripada luar bandar

dimasukkan ke dalam satu institusi yang mana kita latih dan semuanya. Kita sudah mula membuat saya tahu banyak program-program yang kita buat tapi kalau kita nak katakan kita balik semula kepada polisi awal Kerajaan Negeri Selangor yang mana kan Sekolah Agama, Sekolah Rendah Agama lepas tu Sekolah Menengah kemudian ke Universiti. Saya ingat buat masa ini, buat masa ini belanjanya tidak dengan hasil yang kita dapat sekarang tidak mencukupi. Jadi kita kena buat berperingkat-peringkat sehingga kita sampai ke suatu peringkat yang mana kita boleh *self containment* sebab jawapannya kalau betul nak laku. Ibu bapa juga mesti memberikan sumbangan kepada pelaksanaan tersebut. Saya ingat buat masa ini cadangan itu saya ingat tidak boleh kita utarakan kerana kita memandangkan banyak masyarakat kita pendapatan per kapitanya agak rendah. Itulah masyarakat yang perlu kita tolong dan kita tidak boleh bebankan mereka. Kalau kita bebankan mereka tidak akan masuk ke sekolah-sekolah yang kita sediakan.

TUAN SPEAKER: Kota Alam Shah.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya No. 42.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK: PUSAT KEBUDAYAAN CINA DAN INDIA

42. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah sehingga ke hari ini Kerajaan Negeri Selangor masih belum membuka Pusat Kebudayaan Cina dan India, walaupun terdapat banyak permintaan daripada orang ramai?
- b) Sekiranya Pusat Kebudayaan ini dibuka kelak, apakah masalah-masalah yang bakal dihadapi oleh Kerajaan Negeri Selangor pada masa hadapan?
- c) Di manakah lokasi-lokasi sebenar Pusat Kebudayaan Cina dan India ini dijangka akan dibuka kelak?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih kepada Kota Alam Shah. Menjawab soalan menyatakan bahawa kenapakah masih belum kerajaan membuka pusat Kebudayaan Cina dan India, ingin saya memperjelaskan di sini bahawa Kerajaan Negeri Selangor tetap komited untuk melaksanakan program ini walau bagaimanapun Kerajaan sekarang ini telah pun meneliti bagaimanakah pelaksanaan ini perlu dibangunkan kerana selaras dengan Projek Pembangunan Sungai Klang yang telah diumumkan oleh YAB. Menteri Besar kita pada dasarnya Kerajaan Negeri telah mempertimbangkan untuk bukan sahaja membuka Pusat Kebudayaan Cina malah kita ingin melaksanakan pusat kebudayaan

yang lebih komprehensif yang merangkumi Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India. Oleh itu, soalan yang dikaitkan ataupun ditanyakan saya ingin menyatakan di sini, di dalam melaksanakan agenda bagi mengukuhkan kebudayaan di negeri Selangor, Kerajaan Negeri juga perlu memastikan pelaksanaan projek ini dengan teliti sebelum ia dilaksanakan. Maksudnya kita mengambil kira keputusan yang lepas yang telah dibuat sebelum 2008 tetapi kita integrasikan dengan perancangan yang sedia ada untuk kita bangunkan bersekali, bila kita bangunkan Sungai Klang itu kita bangunkan keseluruhan Sungai Klang dan kita ambil kira supaya Pusat Bandar di sekitar Pusat Bandar Sungai Klang itu juga akan menjadikan Pusat Kebudayaan ketiga-tiga kaum itu, *insya-Allah*.

Malah ada juga rancangan untuk memasukkan elemen kebudayaan Orang Asli di situ tetapi apa pun ini saya ingin mengatakan bahawa ini adalah untuk memastikan projek ini benar-benar berjaya dan akan memberi manfaat kepada rakyat bagi menjadikan projek ini projek yang lestari. Saya ingin mengatakan bahawa untuk membangunkan Pusat Kebudayaan ini beberapa elemen perlu diambil kira dalam pembangunan ini iaitu seperti konsepnya yang mestilah sesuai, aktiviti kebudayaan, kawasan persekitaran yang kita ambil kira serta kesan ekonomi dan sosial yang perlu ditetapkan atau dimasukkan di dalam perancangan. Jadi pelaksanaan projek ini masih lagi di dalam perbincangan Ahli-ahli MMKN dan juga kita juga mengambil pandangan pihak profesional untuk dimasukkan di dalam perkara ini. Begitu juga saya masih ingat, Bangi bertanya tentang perkara ini tahun lepas pandangan daripada Bangi untuk apakah ianya perlu di sekalian ataupun dasingkan juga kita ambil kira dalam pandangan ini.

Menjawab pada soalan yang kedua, apakah masalah-masalah besar yang akan dihadapi jika dibuka kelak Pusat Kebudayaan ini? Jadi ingin saya menyatakan di sini Kerajaan Negeri bersama-sama agensi yang terlibat sedang mengenal pasti cabaran-cabaran yang bakal di hadapi bagi pelaksanaan projek ini di peringkat awal sejajar dengan lokasi ketiga-tiga pusat kebudayaan yang bakal di tempatkan di kawasan pusat bandar terutama sekali cabaran dalam menangani isu pengambilan tanah terutamanya yang tidak melibatkan tanah kerajaan. Kerajaan Negeri sentiasa akan memastikan supaya cabaran-cabaran dalam menangani isu ini dapat ditangani dengan baik dengan tidak mengetepikan hak-hak rakyat sepanjang pelaksanaan projek ini. Jadi cabaran yang besar di sini ada tiga cabaran iaitu untuk memastikan sambutan orang ramai selain daripada isu tanah tadi, untuk memastikan sambutan orang ramai sama ada pelancongan daripada dalam dan luar negara. Yang keduanya, untuk memastikan penyelenggaraan dan pengoperasian yang baik bagi ianya dilestarikan ataupun kita tidak mahu lagi ya projek-projek yang dilaksanakan akan datang merupakan projek yang sekali lepas itu tidak ada penyelenggaraan yang baik dan akhirnya ianya tidak lestari. Yang ketiganya, ianya akan menjadi sebagai *icon* atau mercu tanda negeri Selangor jadi pastinya projek ini perlu mengambil sedikit masa untuk memastikan ia dapat kekal dan mendapat sambutan yang baik oleh semua pihak.

Soalan ketiga yang dikemukakan oleh Kota Alam Shah iaitu di manakah lokasi-lokasi sebenar Pusat Kebudayaan ini? Jadi saya telah pun menjelaskan pada awal tadi tetapi ingin saya katakan di sini bahawa penelitian Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri telah mengambil kira untuk mencadangkan cadangan ini supaya ianya boleh dilaksanakan

bersekali dengan pembangunan Sungai Klang. Jadi ada, kita tengah meneliti sama ada ianya dalam tapak-tapak yang berbeza. Cadangan-cadangan lokasi yang dicadangkan seperti di tapak Sungai Binjai, tapak Kampung Kuantan ataupun Pusat Bandar yang berhampiran dengan Balai Polis ataupun di Kampung Pandan ataupun di Kampung Jawa Bukit Jati, itu diambil kira di dalam mengenal pasti lokasi itu tetapi saya ingin menyatakan di sini ini baru peringkat cadangan, *insya-Allah* bila ianya telah diselesaikan pastinya kita akan memaklumkan sebenarnya apakah keputusan yang telah diambil oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya, Sungai Pelek.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan tambahan saya, adakah Kerajaan Negeri kalau projek pembersihan Sungai Klang itu gagal maksudnya projek Pusat Kebudayaan Cina dan India ini gagal. Mengikut apa yang saya faham dan jawapan daripada Batu Tiga itu sehingga sekarang lokasi masih tak ada, berapa perbelanjaan tak ada, bila nak *start* tak ada. Sudah 4 tahun lebih kalau pilihan raya datang sudah lepas tempoh itu, jadi ada tak kalau Sungai Klang itu projek tidak jalan maksudnya Pusat Kebudayaan Cina dan India pun tak jalan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Saya rasa, Sungai Pelek tidak faham penjelasan yang telah saya lakukan. Saya mengatakan bahawa perancangan Pusat Kebudayaan ini mengambil kira perancangan Sungai Klang, pembangunan Sungai Klang. Saya tidak kata pembangunan Sungai Klang itu gagal. Kita masih lagi berbincang, boleh dikatakan saban bulan kita berbincang tentang perancangan Sungai Klang ini dan *prediction* ataupun jangkaan yang Sungai Pelek katakan itu bagi saya meleset. Saya juga telah umumkan lokasi-lokasi yang kita katakan jangkaan yang akan dilaksanakan ataupun akan diterima pelaksanaan perancangan kebudayaan tadi. Iaitu di Sungai Binjai, di Kampung Kuantan, di pusat bandar berhampiran dengan polis, di Kampung Pandan dan juga di Kampung Jawa. Dan saya rasa apa yang ditanya oleh Sungai Pelek itu sebenarnya ingin mengatakan apakah projek Sungai Klang itu berjaya atau tidak ataupun *prediction* ianya gagal, pada saya tidak. Walaupun katalah apa pun berlaku kepada projek Sungai Klang, komitmen, saya ulang, komitmen kerajaan Pakatan Rakyat ingin melaksanakan pusat kebudayaan ini, *Insya-Allah* diteruskan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Lembah Jaya.

Y.B. TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Tuan Speaker, soalan No. 43.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: BANTUAN BLUEPRINT

43. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapa mengambil masa terlalu lama untuk mendapatkan jawapan dan kelulusan sedangkan permohonan telah dibuat melalui Pejabat Daerah?

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih kepada Lembah Jaya atas soalan bantuan *blueprint* yang kita lakukan di dalam negeri. Program *blueprint* ini ialah satu-satu program untuk pembasmian kemiskinan di dalam negeri Selangor di mana kita belanja tiap-tiap tahun bajetkan untuk dekat RM1 juta. Perbezaan di antara program *blueprint* ini dengan program-program lain yang mana kita nampak sebagai program mikro kredit dan sebagainya ialah di dalam program ini bahan-bahan yang diminta oleh aduan-aduan yang kita dapat, bahan-bahan ini dibagi sebagai *outright grant* kepada penduduk-penduduk di dalam negeri Selangor yang minta untuk program ini. Bantuan yang telah diberikan sekarang ialah 1,139 orang telah pun menerima bahan-bahan yang mereka minta dan juga pada tahun 2008 sampailah tahun 2011 bilangan pemohonnya meningkat tiap-tiap tahun dan jumlahnya ialah dekat 6,320 bilangan yang memohon. Yang berjaya mendapatkan penerimaan bahan-bahan ini ialah dekat 1,139 yang menerima bantuan *blueprint* sampai 2011 dari 2008. Prosesnya memang, prosesnya dia jangka panjang sikit sebab kita dapatkan borang-borang dari akar umbi oleh ketua kampung melalui pejabat daerah juga *direct* kepada Pejabat UPEN dan sebagainya. Lepas disemakkan, borang-borang ini lengkap mereka akan dipanggil untuk temu duga, *interview* dan juga pegawai-pegawai UPEN akan turun padang. So, kalau kita ada mohon dekat 1 ribu dan 2 ribu semua ini telah dijumpai oleh pegawai-pegawai UPEN. Dan ini akan ambil masa sedikit sampai permohonan masuk dan kita dapat berikan bantuan *blueprint* ini. Dan akhir sekali yang nama-nama yang datang kepada mesyuarat STANDCO di mana kita tetapkan yang mohon-mohon mendapatkan apa yang diminta oleh mereka. Lepas diluluskan mereka ini kita jangka akan ambil dekat 60 hari untuk diberikan bahan-bahan itu. Dalam tahun yang dapat kita ada sedikit masalah dan tahun ini kita telah pun tukar cara pemberian bantuan ini dan sekarang ini akan diperoleh oleh UPEN di Pejabat SUK sendiri pada tahun 2012 ini.

TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya No. 44.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK: KECURIAN PASIR

44. Kerajaan Negeri pernah memperkenalkan insentif kepada JKKK yang berjaya memantau dan melaporkan kes-kes kecurian pasir.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan statistik kes kecurian pasir di Selangor mengikut Daerah?
- b) Adakah insentif yang diperkenalkan membantu mengawal aktiviti kecurian pasir?
- b) Berapa jumlah insentif yang telah diberikan dan siapakah penerimanya?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker, Yang Berhormat Dengkil membuat soalan spesifik mengenai kecurian pasir dan dengan ingin mengetahui tentang insentif kepada JKKK yang berjaya memantau dan melaporkan kes-kes kecurian pasir. Daripada perangkaan yang terkini yang kita kumpulkan terdapat 14 lokasi yang mana telah kita terima daripada JKKK iaitu di Petaling 1, Gombak 2, Sepang 1, di Kuala Langat ada 5, di Hulu Langat ada 4, di Hulu Selangor ada 1, 14.

Dan pada tahun 2010 kita bersetuju agar ganjaran RM5,000 diberikan kepada mana-mana individu ataupun pasukan yang berjaya merampas barang atau jentera yang terlibat dengan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah. Kemudian kita juga memutuskan supaya, iaitu EXCO memutuskan supaya ganjaran sebanyak RM5,000 hingga RM20,000 diberikan kepada Pejabat Tanah Daerah yang melakukan tindakan perampasan tanah untuk pelanggaran syarat di bawah Seksyen 128 Kanun Tanah Negara 1965 bagi tanah yang bermilik yang terlibat dengan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah. Sepanjang tahun 2011, tahun lepas sejumlah RM475,100 telah diberi kepada anggota dan kakitangan Pejabat Tanah/Daerah dan Pejabat Tanah Galian Selangor sebagai insentif dalam usaha membanteras aktiviti kecurian pasir. Ganjaran tersebut juga diberikan kepada anggota Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kerja Raya Selangor yang membantu dalam operasi penguatkuasaan. Pecahan-pecahannya ialah jumlah ganjaran barang rampasan, Pejabat Daerah Hulu Selangor dapat RM15,000, Pejabat Daerah Kuala Langat RM35,000, Pejabat Daerah Hulu Langat RM35,000, Pejabat Tanah Kuala Selangor RM2,500 sahaja, Pejabat Tanah Galian Selangor, PTG di Kuala Lumpur RM97,600. Jumlah ganjaran untuk rampasan di Sepang RM200,000.00, di Kuala Langat RM90,000.00. Jumlahnya RM290,000.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Tuan Speaker, soalan No.45.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PELAN TINDAKAN PERUMAHAN KOMUNITI (BEKAS SETINGGAN)

45. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah strategi menangani masalah perumahan komuniti bekas setinggan (ruang letak kereta, lif, kebersihan dll) yang tinggal di pangsapuri kos rendah?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Terima kasih kepada Taman Medan. *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Sebenarnya tidak ada wujudnya perumahan khusus untuk komuniti mereka yang daripada bekas setinggan ataupun peneroka bandar oleh kerana kebanyakan perumahan kos rendah ataupun pangsapuri kos rendah ini dicampurkan sama ada mereka daripada setinggan ataupun mereka-mereka peneroka-peneroka bandar ataupun pembeli-pembeli daripada pasaran yang terbuka. Walau bagaimanapun kita ataupun Kerajaan Negeri telah melihat akan masalah-masalah yang dihadapi oleh penghuni-penghuni perumahan-perumahan kos rendah dan strategi kita untuk menangani masalah yang dihadapi oleh mereka adalah dua.

Yang pertamanya adalah dari segi material ataupun infrastruktur ataupun dari segi spiritual. Dari segi infrastruktur kita telah ada apa yang dipanggil sebagai program ceria ataupun Skim Bantuan Baik Pulih Bangunan atau *Caring Government For Residence Improvement Aids* ataupun ceria yang bertujuan untuk memperbaiki infrastruktur-infrastruktur ataupun peralatan-peralatan ataupun perkhidmatan-perkhidmatan yang rosak di kawasan tersebut ataupun perumahan tersebut. Ini dilakukan melalui Skim Kongsi di antara Kerajaan Negeri dan juga penduduk. Di mana penduduk membayar 20% dan Kerajaan Negeri akan menanggung sebanyak 80%. Sementara 20% yang ditanggung oleh penduduk itu tidak perlu dibayar sekali gus tapi boleh dibayar secara ansuran. Kenapa Kerajaan Negeri menetapkan supaya penduduk perlu membayar 20%? Kalau ikut logiknya Kerajaan Negeri boleh menanggung kesemua kos baik pulih. Tetapi kenapa ini dilakukan adalah kerana Kerajaan Negeri mahu penduduk merasakan bahawa peralatan atau perkara yang diperbaiki atau perkhidmatan baru yang disediakan itu adalah juga duit mereka. Apabila mereka merasakan bahawa ini barang daripada mereka, mereka mengeluarkan duit. Walaupun sedikit kita mengharapkan supaya mereka akan merasakan bahawa ataupun mereka akan merasa tanggungjawab untuk menjaga perkara-perkara yang telah di baik pulih. Itulah kenapa yang kita mengadakan skim ini dan kenapa skim ini diadakan berdasarkan perkongsian kos seperti mana yang saya laporkan semalam bahawa sebanyak RM9 juta telah diperuntukkan di dalam tabung ini di mana RM2 juta telah diperuntukkan pada tahun lepas dan RM7.7 juta untuk tahun ini dan oleh kerana ianya tabung, sekiranya peruntukan ini berkurangan, ia akan ditambah.

Soalan yang berkaitan dengan apakah perkara-perkara yang telah diperbaiki? Saya ingin menyatakan secara terperinci tentang kerja-kerja, jenis kerja-kerja baik pulih yang telah diluluskan atau yang telah dilaksanakan yang telah siap. Yang pertamanya adalah jenis baik pulih tangki air sebanyak 5 kawasan, lif baik pulih lif 16 kawasan, baik pulih bumbung 24 kawasan, salur air ataupun *gutter* 2 kawasan, pemetung 1 kawasan, pagar 2 kawasan, mengecat 11 kawasan, jalan 1 kawasan. Longkang 2 kawasan, *arm rail* dan *landing slap* di tangga 1 kawasan, kotak pendawaian elektrik 1 kawasan, sistem pencegahan kebakaran 1 kawasan, taman permainan 1 kawasan dan paip sani tari 1

kawasan. Menjadikan jumlah besarnya adalah 69 kawasan. Itu dari segi infrastruktur. Perkara yang kedua adalah kita hendak membina balik komuniti tersebut supaya komuniti tersebut dapat merasakan tanggungjawab ataupun komuniti tersebut dapat membantu diri mereka sendiri, mewujudkan semangat gotong-royong. Dan ini kita lakukan dengan satu kempen yang besar yang dinamakan sebagai Kempen Pangsapuri Ku Bersih, Ceria dan Harmoni. Di mana Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor sebagai *lead* jabatan yang mengetuainya dan juga jabatan-jabatan lain akan mengadakan banyak atau beberapa program setiap berkala di kawasan-kawasan perumahan bertingkat kos rendah ini. Juga kita telah melancarkan apa yang dipanggil sebagai Kempen Anti Vandalisme di mana kita melihat bahawa kalau kita ada program ceria, kalau kita baik pulih sekali pun tetapi kalau ianya dirosakkan maka tidak ada guna program ini. Maka itu sebab telah dilancarkan Kempen Anti Vandalisme dan telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan ia sedang berjalan sekarang. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya, Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah mengadakan program ataupun Skim Ceria ini namun soalan saya, bagaimana ya? Sebab tumpuannya adalah kepada bangunan tersebut sendiri. Tapi bagaimana dengan kawasan-kawasan taman yang tidak disediakan di kawasan *flat-flat* kos rendah tersebut yang telah mengakibatkan banyak masalah-masalah sosial yang berkaitan dengannya?

Itu yang pertama. Yang keduanya, ruang tempat kereta yang disarankan juga tidak memenuhi keperluan yang ada di *flat-flat* kos rendah tersebut.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Terima kasih kepada Yang Berhormat Taman Medan. Soalan pertama dari segi taman-taman, memang kalau kita lihat bahawa di bawah ceria ini kita telah mendapat permohonan untuk membaiki taman permainan dan telah kita sediakan satu kawasan telah kita luluskan untuk membaiki pulih taman permainan. Tapi masalah yang kita hadapi adalah apabila minta taman permainan yang baru. Atau minta taman permainan kerana tidak ada tempat lagi di mana *flat* itu mungkin telah dibina dengan pembangunan yang rapat di sekeliling itu tetapi tidak dapat kita hendak tambah, tambah permainan pun tak boleh sebab tak ada, tak ada kawasan lagi. Jadi hari ini kita kena melihat bukan kepada perumahan kos rendah itu sahaja tetapi kita kena melihat keseluruhan rancangan tempatan, keseluruhan kawasan tersebut dan kawasan di sekeliling. Bagaimana kita nak memastikan kita dapat menambah taman permainan dan saya melihat bahawa di antara masalah di kawasan perumahan ini adalah oleh kerana ramainya remaja-remaja yang tidak ada tempat, tidak ada tempat untuk orang kata bukan nak *release tension* lah dengan izin, tapi beriadah dan sebagainya. Mungkin kalau tidak ada taman permainan kita boleh cuba wujudkan contohnya pusat-pusat aktiviti yang lain. Kita boleh wujudkan *gym* atau kita wujudkan tempat bersukan yang memerlukan kawasan

yang kecil bukan kawasan yang besar contohnya untuk main pingpong dan sebagainya, tak boleh main bola, tak bolehlah. Jadi inilah *alternative*, pertama kita wujudkan pusat aktiviti di mana pusat aktiviti ini akan menyediakan permainan-permainan atau alat-alat bersukan dalam kawasan yang kecil. Ataupun yang kedua kita melihat keseluruhan melalui rancangan tempatan ataupun rancangan khas kecil sesuatu kawasan untuk kita sediakan kawasan permainan yang bukan mungkin bukan khusus untuk perumahan tersebut sahaja tetapi untuk dikongsi bersama kawasan-kawasan di sekeliling sebab ada juga cadangan yang saya tengah mengkaji bahawa projek kita hendak mewujudkan apa yang dipanggil sebagai dinding *creativity wall* dengan izin. Di mana kita tahu mungkin kanak-kanak di sana dan pelajar-pelajar remaja di sana yang mempunyai tertekan dan sebagainya, mereka nak *release* ataupun mereka nak *release* dengan izin, jadi kita ada *creativity wall* untuk mereka tulislah apa nak tulis tapi kita *control* lah, janganlah tulisan yang tidak, tidak, tidak sepatutnya. Jadi ni satu caralah di mana kita nak menyelesaikan masalah di mana tidak ada tidak ada kawasan berekreasi, riadah dan juga supaya ada sesuatu yang boleh terutamanya remaja untuk melakukan kerja-kerjalah, kerja-kerja riadah. Perkara kedua adalah dari segi tempat letak kereta. Kita tahu bahawa dulu garis panduan yang dulu bahawa satu tempat letak kereta untuk dua unit rumah, itu yang dulu. Satu tempat letak kereta dua unit rumah. Ini telah dibina dalam keadaan sedemikian. Sekarang ini mungkin sekarang satu tempat letak kereta untuk satu rumah kena ada dua tempat letak kereta. Ini yang berlaku secara, secara, secara realitinyalah. Tapi bermakna bahawa kita agak susahlah, kita nak menyediakan tempat letak kereta yang tambahan sebab kawasan yang terhad. Tetapi mungkinlah kita boleh tengok dari segi rancangan tempatan secara keseluruhan mungkin ada tempat letak kereta yang berbayar daripada mereka meletakkan kereta di tepi jalan mungkin ada tempat letak kereta yang lain mungkin bukan di kawasan yang tersebut tapi di kawasan di keliling. Yang ni saya rasa pihak perancanganlah saya akan unjurkan atau ajukan kedua-dua soalan ini sama ada dari kawasan permainan yang tidak cukup atau tempat letak kereta yang tidak cukup tapi sekarang ini kita telah mengubah akan garis panduan ini. Terima kasih.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya, Taman Templer

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Terima kasih, Y.B. Dato' Speaker. Saya ingin bertanya kepada Y.B. Exco kerana kalau mengikut jawapan yang diberikan hampir 69 projek telah pun dilaksanakan dalam Pelan Tindakan Perumahan Komuniti. Pertanyaan saya apakah kriteria pemilihan kerana setakat ni contohnya di kawasan Templer itu sendiri tak nampak satu pun pengecatan semula pangsapuri ataupun pembuatan pagar ataupun sebagaimana yang dikatakan oleh Y.B tadi. Jadi apakah kriteria yang digunakan untuk memilih kawasan-kawasan untuk pelan tindakan ini. Adakah kawasan-kawasan yang dimenangi oleh Barisan ini di ketepikan ataupun ada kriteria lain untuk pemilihan. Terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Terima kasih. Saya nak jawab soalan pertamalah. Tuduhan tu....Tiga minggu lepas saya merasmikan cat semula Pangsapuri

Julia di sebelah Bukit Botak. Saya rasa Pangsapuri Julia tu dalam kawasan Taman Templer, betul. Jadi tak betullah bahawa tak ada projek hanya di Taman Templer. Tapi kriteria...

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: YB, maksud saya bukan perasmian. Tapi perasmian tapi kerja tak jalan lagi...belum jalan. Jadi saya pun selalu turun, rasmi saja, kadang bila Y.B. turun saya tahu Y.B. selalu turun tapi lebih bendera daripada orang pun. Tapi tulah saya nak tanya jawapan saya, soalan saya adalah bilakah akan dilaksanakan. Adakah sebelum satu hari atau dua hari sebelum pilihan raya ataupun macam mana, tu sahaja, terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Benda tu dah *start* dah, dah bermula. Saya rasa Y.B kena selalulah turun padang. Patutnya apabila saya merasmikan tu kita sama-sama turun padang. Pembangkang dengan kerajaan sama-sama sebab ini untuk kepentingan rakyat, tak perlu kita politikkan. Tapi kita *fair*, kita adil, kita adil bermakna kita cuba kita punya *target* adalah seratus kawasan pangsapuri sama ada kos rendah atau sederhana rendah yang akan dibaikpulih dalam masa sampai 31 Disember ini. Bermakna kita dari segi untuk memilih kawasan kitakita berdasarkan kalau ada permohonan kita akan terima. Permohonan tu adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria contohnya yang saya telah.....kita telah nyatakan bahawa yang paling tinggi sekali kriteria ada *live*, kalau *live*, itu letak di atas. Lepas tu bumbung, lepas tu cat tangki air. Jadi bermakna kita tidak ada...kita tidak ada sebarang kriteria yang melibatkan politik. Jadi bermakna bahawa kita nak capai seratus tak kiralah berapa daripada kawasan mana kita akan pilih. Jadi bermakna saya juga ingin menyeru kepada ahli-ahli Dewan kalau ada perkara yang disegerakan datang berjumpa dengan saya. Tidak masalah, kita akan cuba bantu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Dusun Tua

Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 46

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT
DARIPADA Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK: ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT (FOIA)

46. Dewan Negeri telah meluluskan Enakmen Kebebasan Maklumat (FOIA) yang memberi ruang kepada rakyat untuk mengakses maklumat kerajaan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri susulan kelulusan enakmen tersebut?
- b) Adakah Kerajaan Negeri sudah melantik mereka yang terlibat dalam soal pengurusan maklumat di peringkat jabatan dan PBT?

- c) Berapakah jumlah peruntukan yang akan digunakan untuk pelaksanaan FOIA?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2011 iaitu Enakmen 8/2011 telah diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor pada 1 April 2011 yang lalu. Perkenan Diraja bagi Enakmen ini telah diperolehi pada 12 Ogos, 2011 manakala tarikh penyiaran dalam warta adalah pada 25 Ogos, 2011. Pada waktu ini Kerajaan Negeri sedang dalam proses menguatkuasakan enakmen ini sebagaimana peruntukan Seksyen 1(2) Enakmen yang menyatakan bahawa enakmen ini akan mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh DYMM Sultan melalui pemberitahuan dalam warta. Kerajaan Negeri juga telah mengambil tindakan untuk membincangkan dan seterusnya membuat keputusan berhubung pelantikan Pegawai Maklumat di bawah Seksyen 3 enakmen ini di semua Jabatan, Agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Badan-badan lain. Keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Ke-6 2012 pada 15 Februari, 2012 yang telah disahkan oleh MMKN Ke-7 2012, pada 22 Februari, 2012 berhubung perkara ini adalah seperti berikut:

- 1) Pegawai Maklumat hendaklah dilantik di kalangan pegawai berstatus tetap daripada perjawatan sedia ada di jabatan ataupun agensi Kerajaan Negeri.
- 2) Pegawai yang dilantik akan diwartakan melalui Warta Kerajaan, dan
- 3) Semua pegawai yang dilantik perlu menjalani kursus pemahaman enakmen yang akan dilaksanakan oleh Pejabat Undang-undang Negeri Selangor.

Pelantikan Pegawai Maklumat setiap jabatan dan agensi sedang dilaksanakan. Antara jabatan-jabatan yang terlibat terdapat 42 jumlahnya adalah seperti sebagai contohnya: Pejabat DYMM Sultan Selangor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Perbendaharaan Negeri Selangor, semua PBT-PBT dan juga Badan-badan Berkanun. Jadi ada *list* yang penuh tapi saya tidak akan bacakan kerana memang di sini ada banyaklah, 42. Sejurus selepas berkuatkuasanya enakmen ini kelak nama-nama pegawai yang akan memegang jawatan di Jabatan seperti jadual di atas akan dibawa ke Mesyuarat MMKN untuk tujuan pelantikan sebagai Pegawai Maklumat dan seterusnya pelantikan tersebut akan diwartakan. Perlaksanaan enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2011 pada dalam peringkat ini tidak akan melibatkan pertambahan perjawatan baru ataupun pengambilan kakitangan tambahan dan ia bermakna tiada kos tambahan dari segi pembayaran emolument pada pegawai baru yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Namun begitu, memandangkan pelantikan sebagai Pegawai Maklumat ini secara langsung mengakibatkan pertambahan tanggungjawab yang berat sebagaimana yang diperincikan dalam enakmen tersebut di samping tanggungjawab sedia ada ke atas para pegawai yang dilantik Kerajaan Negeri melalui MMKN 6/2012 pada 15 Februari, 2012 yang lalu telah memutuskan untuk memberi insentif berupa elaun khas sebanyak RM500 sebulan kepada semua Pegawai Maklumat dengan menggunakan peruntukkan jabatan masing-masing. Berhubung perkara ini Pejabat Kewangan Negeri telah diminta untuk menyediakan peruntukkan tambahan berjumlah seratus enam puluh

dua ribu setahun yang diperlukan bagi menampung bayaran elaun khas ini di setiap agensi di bawah pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor kecuali pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan. Saya bagi yang ni, Dusun Tua dahulu.

Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI: Terima kasih, Tuan Speaker. Dusun Tua mengucapkan terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Y.B. EXCO. Jadi sepertimana yang kita sedia maklum Enakmen Kebebasan Maklumat ini pada prinsipnya ada yang perkara yang bertentangan dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan. Jadi soalan saya adakah Kerajaan Negeri ada mengambil kira aspek pertentangan ini dalam menentukan penglibatan wakil-wakil ataupun pegawai-pegawai daripada Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan enakmen ini, terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih, Dusun Tua. Apa yang didakwa oleh Y.B. Dusun Tua iaitu Enakmen ini menentang Perlembagaan Persekutuan saya rasa adalah tidak betul. Kalau memang betul setakat ini Kerajaan Persekutuan sudah failkan kes di Mahkamah. Tetapi setakat ini mereka masih melihat ataupun *observe* apa yang kita sedang buat tentang isu-isu yang berkaitan tentang enakmen ataupun Undang-undang Kebebasan Maklumat dengan izin, *Freedom Of Information Act*. Jadi, kita telah berdebat dalam Dewan ini panjang lebar saya rasa tahun lepas. Masa itu Dusun Tua pun ada mengambil bahagian kalau saya tidak silap. Jadi setakat ini memang tak ada, tak ada soalan pun ataupun tak ada *consent*lah yang dimaklumkan oleh Kerajaan Persekutuan, saya rasa enakmen ini dengan izin *good to go*. Apa yang kita sedang usaha pada masa ini adalah satu pelantikan seperti saya telah maklum kepada Dewan yang mulia ini. Keduanya, bukan sahaja kita perlu, apa, lantik pegawai sahaja, itu boleh jalan. Bukan senang seperti itu, tapi kita juga perlu melatih Pegawai-pegawai Maklumat untuk memahami enakmen ini, kaedah-kaedah yang terkandung dalam enakmen ini. Latihan itu juga, kita juga akan melatih pegawai-pegawai untuk melaksanakan SOP (*Standard Operating Procedure*), enakmen bagaimana nak bertemu ataupun berdepan dengan penduduk ataupun sesiapa yang ingin menggunakan enakmen ini. Saya ingin menjemput Y.B. Dusun Tua dengan rakan-rakan Y.B. untuk mengguna peluang ini untuk mendapat maklumat di peringkat Kerajaan Negeri. Ini bukan hanya untuk Pakatan Rakyat atau apa-apa tetapi ini adalah penting, penting untuk semua orang bukan sahaja di negeri Selangor tapi ini negeri Selangor merupakan peneraju ya...dalam bidang ini. Saya harap gunakanlah ini. Kalau saya dengar dua tiga hari ini Y.B. dari pembangkang mengatakan ada masalah ini masalah itu tapi tak ada fakta jadi gunakan inilah, cuba, *try it first....aa...try it first*. Kalau Kerajaan Persekutuan nak halang....ha...pihak pembangkang untuk menggunakan enakmen ini kita semua akan mempertahankan hak Pembangkang untuk menggunakan maklumat ini.

TUAN SPEAKER: Soalan sudah tamat. Aturan mesyuarat seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Mesyuarat seterusnya penerangan oleh Yang Berhormat Kuang.

TUAN SPEAKER: Kuang.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Terima kasih Speaker, semalam saya terlibat dalam perbahasan maka itu ada perkara yang saya lihat nak saya perbetulkan iaitu ada ayat mungkin ADUN Sungai Pinang yang merupakan salah seorang Ahli Jawatankuasa Tanah Daerah Klang tahu perkara ini. Perkara ini saya lihat bahawa tidak wujud Ahli Jawatankuasa Tanah Daerah Klang walaupun saya ada perkataan mungkin namun saya setuju menarik semula perkataan mungkin ADUN Sungai Pinang salah seorang AJK Tanah Daerah Klang tahu perkara ini saya tarik semula. Perkara kedua ialah Pengerusi SELCAT masih lagi pertahankan beliau. Oleh kerana Pengerusi SELCAT merupakan Speaker maka saya setuju menarik perkataan Pengerusi itu. Terima kasih Speaker.

TUAN SPEAKER: Setiausaha.

III. USUL

Usul Menyembah Ucapan Terima Kasih Serta Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan mesyuarat seterusnya, sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER: Ya, saya persilakan Sungai Pelek untuk menyambung perbahasan. Panjang lagi tak sebab semalam saya tengok dah dekat satu jam ucap.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Terima kasih Tuan Speaker. Selamat pagi, Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia. Sungai Pelek ni agak tinggi sikit la tapi dalam perbahasan tu cuma satu jam berbanding dengan Sekinchan ni di walaupun dia rendah tapi satu setengah jam.

TUAN SPEAKER: Jangan cabar la.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Tak saya Cuma nak apa saja, *mukadimah* saja. Walau bagaimanapun, terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang ini kepada saya. Untuk menjawab soalan semalam yang Sekinchan kemukakan nombor satu ialah kenapa tak boleh wujud sekolah yang di kawasan kepesatan tumbuhan penduduk khususnya bandar. Nombor satu, kerajaan kita selalu memindah sekolah-sekolah yang kurang daripada 10 orang, 3 orang, 2 orang daripada tempat-tempat yang kurang pelajar tu ke bandar. Jadi ini salah satu cara sekolah kerajaan Barisan Nasional supaya tidak menutup Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di dalam Malaysia ini. Jadi ini adalah salah satu cara sekolah itu daripada negeri yang lain pindah ke sekolah di

negeri Selangor sebagai contoh Sekolah Harcroft di Puchong adalah sebuah sekolah yang dipindah daripada negeri Perak ke Puchong. Selain daripada itu saya ingin maklumkan bahawa SJK(C) sejak apabila Penasihat Ekonomi Negeri Selangor menjadi Menteri Pelajaran jumlah Sekolah JK(C) di Malaysia adalah 1,281 buah dan jumlahnya meningkat sehingga sekarang adalah 1,291 buah. Barisan Nasional tidak menutup pun sebuah Sekolah SJK(C) di Malaysia ini. Jadi selain daripada apa yang dibangkitkan oleh Sekinchan saya teringat pada tahun 1987 apabila Penasihat Ekonomi Negeri Selangor menjawat jawatan Menteri Pelajaran ada sedikit masalah yang rasa saya masa tu dia laksanakan itu sehingga sekarangnyanya parah kepada masyarakat Cina. Nombor satu Akta Pelajaran 61(2) kuasa Menteri Pendidikan boleh tutup sekolah-sekolah Cina bila-bila masa. Satu, nombor dua dasar yang beliau sebagai Menteri Pelajaran menghantar guru-guru ke sekolah Cina, guru-guru yang tak layak yang tidak tahu Bahasa Mandarin ke sekolah SJK(C) juga heboh pada tahun 1987 dan kalau tak silap sayalah demonstrasi kita buat di Tokong Kien Ho Parti MCA, DAP semua kita pergi ke sana untuk demonstrasi supaya pasal akta ini ditarik balik tetapi walau bagaimanapun tidak ditarik balik. Walau pun demikian, hari ini saya sekurang-kurangnya nampak sedikit sebanyak perubahan apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menjadi Dato' Seri Mohamad Najib menjadi Menteri, Perdana Menteri Malaysia kurang-kurang ada juga perubahan. Satu, tapak kepunyaan SK yang diperolehi oleh Kementerian Pelajaran diluluskan untuk tapak SJK(C) jika perlu. Maksudnya kawasan yang pesat penduduk masyarakat Cina boleh dapat tapak SK untuk ditukar kepada SJK(C) dan mengadakan sekolah tersebut. Sebagai contoh Sungai Long adalah salah satu contoh. Jadi saya ingin balik kepada perbahasan saya, Tuan Speaker, perbahasan saya yang seterusnya ialah peruntukan tahunan bagi DUN, ADUN-ADUN di negeri Selangor. Sungai Pelek empat tahun lebih memang tak dapat pun satu sen daripada Kerajaan Negeri, tak apa lah, itu memang yang satu perkara yang rasa saya orang Cina kata Kantonis cakap (ayat dalam Bahasa Cina) maksudnya kalau makan ikan masin tu kena tahan dahaga tu lah. Jadi 4 tahun ni tak pernah pun Sungai Pelek dapat satu sen daripada Kerajaan Negeri Selangor.

Y.B. PUAN LEE YING HA: Minta laluan.

TUAN SPEAKER : Ya, Teratai.

Y.B. PUAN LEE YING HA: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Sungai Pelek. Sungai Pelek sendiri pun ada RM 200 ribu setahun untuk diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat apakah duit itu, di manakah duit itu sudah digunakan. Kalau kata dia ada satu sen tidak diperuntukkan oleh kerajaan. Kalau Kerajaan Negeri ada RM500 ribu saya pun pernah pergi program bersama dengan ADUN Sungai Pelek, itu adalah sumbangan daripada kerajaan Selangor, Sungai Pelek ada sendiri hadir baru-baru ini Tahun Baru Cina di Sepang, sekolah Sepang kita ada bersama di sana, jadi itulah duit kerajaan Selangor.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Ada, saya tidak mempertikaikan Kerajaan Negeri memberikan peruntukan kepada ADUN Pakatan Rakyat dan Kerajaan Barisan Nasional memberikan peruntukan kepada rakan-rakan daripada Barisan Nasional itu adalah

untuk membantu masyarakat tempatan, pengundi tempatan, penduduk tempatan supaya dapat menjalankan program. Saya ingat, saya ingat apabila program Tahun Baru Cina, Yang Berhormat Teratai sebagai ibu angkat Sungai Pelek dengan saya bersama-sama masuk dalam program tu, saya ingat. Saya tak pertikaikan duit itu tak bagi kepada saya, cuma saya nak tahu macam mana perbelanjaan duit atau peruntukan parti pembangkang, parti Pakatan Rakyat di semua kawasan negeri Selangor. Saya pernah meminta penyata perbelanjaan sejak 2008 sehingga 2011, saya dapat setahun sahaja penyata perbelanjaan ADUN Dewan Undangan Negeri di kawasan Sungai Pelek, baik Penyelarasnya, baik bapa angkatnya, baik ibu angkatnya pada tahun 2008. Penyata itu saja yang saya dapat dan saya kemudiannya pada tahun yang kedua saya minta. Sehingga sekarang *start* bermulanya 2009 hingga 2011 tidak pernah dapat lagi. Rasa saya kita semua sedia maklum apabila Kerajaan Pakatan Rakyat mentadbir negeri Selangor ini pada 8 Mac 2008 saya masih ada keratan akhbar yang mengatakan bahawa segala perbelanjaan ADUN Pakatan Rakyat termasuk EXCO Kerajaan Negeri akan dipaparkan di laman web tetapi hingga hari ni saya tak nampak lagi la. Jadi kenapa tak boleh memberi penyata perbelanjaan kepada DUN Sungai Pelek atau kepada masyarakat umum supaya mereka tahu apa yang telah diguna pakai RM500 ribu tu atau RM600 ribu tu. Itu cuma satu permintaan kalau Kerajaan Negeri Selangor selalu dikatakan mengatakan sendiri ini telus, bertanggung jawapan apa salahnya. Rasa saya tak salah cuma tunjuk kepada siapa yang perlu, seperti Sungai Pelek, sabar,sabar, seperti Sungai Pelek ini. Jadi saya bukan mempertikaikan saya daripada Barisan Nasional tidak dapat peruntukan. Tuan Speaker.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Seri Setia bangun, macam mana Sungai Pelek?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Saya tak tanya lagi Sungai Pelek, boleh?

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Sila.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih Sungai Pelek. Saya cuma nak mengajak sebab Sungai Pelek kata nak tahu tentang perbelanjaan dan sebagainya. Bolehkah Sungai Pelek walaupun jika rakan-rakan dari pembangkang lain tidak sokong tapi menyokong Enakmen Kebebasan Maklumat sebagai salah satu cara mengetahui perbelanjaan Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Rasa saya ini tidak kena mengena la, tak kena pun dengan yang ini. Apa yang saya minta daripada Kerajaan tak boleh dapat *and then* sebut fasal topik yang lain pula. Saya nak tanya, di DUN Sungai Pelek kita nampak semasa perayaan-perayaan, ibu angkat daripada Teratai ni memang banyak sangat gantung semua *banner* tu, saya tak tahu, *banner-banner* yang digantung dekat sepanjang jalan dekat tiang lampu tu adakah itu sebahagian daripada peruntukan ADUN atau ibu angkat di DUN Sungai Pelek,saya tak tahu. Berapa jumlah harga perbelanjaan untuk setiap perayaan hanya untuk mengadakan *banner* atau sepanduk dan lain-lain lagi. Jadi saya minta penjelasan daripada pihak Kerajaan supaya boleh memberi penjelasan

kepada Sungai Pelek peruntukan RM500 ribu selain daripada program-program atau beri kepada NGO-NGO yang menjalankan aktiviti itu, ada tak untuk pakai untuk yang ini. Tuan Speaker, saya ingin masuk sedikit balik ke kawasan saya fasal hak milik individu, Taman Murni Sepang. Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah di bawah pengerusi Yang Berhormat Sekinchan telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa pada 17 Februari 2011 pada tahun lepas dan keputusannya pun sudah bercadang kepada Kerajaan Negeri. Jadi dalam keputusan itu agar Kerajaan Negeri cadangan itu Kerajaan Negeri dapat memberikan geran atau hak milik individu kepada pemilih Taman Murni Sepang. Sungai Pelek difahamkan bahawa kutipan RM400 sebagai permulaan dan selepas itu RM216.00 kutipan kedua sehingga ke hari ini sudah hampir 6 bulan kutipan itu dikutip oleh Kerajaan Negeri tetapi masih belum ada apa-apa jawapan untuk mengeluarkan geran individu ini. Saya ingin bertanya juga jumlah 244 buah rumah kedai di Taman Murni ini berapakah pemilih yang sudah bayar dan berapakah pemilih yang masih belum bayar. Jika ada pemilih yang banyak belum bayar tu macam mana Kerajaan Negeri kita boleh membantu mereka untuk mendapatkan geran individu ini. Tuan Speaker, sering kali saya mendengar Parti Pakatan Rakyat mengatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional hanya tahu mengutip cukai daripada negeri Selangor. Bagi saya adalah sedikit-sedikit pandangan daripada Sungai Pelek untuk berkongsi sama selain daripada Kerajaan Barisan Nasional atau Kerajaan Pusat tahu mengutip cukai daripada penduduk di Negeri Selangor ini sekurang-kurangnya adalah sedikit sebanyak balasannya kepada penduduk-penduduk di Negeri Selangor. Apa yang saya sebut fasal BR1M semalam adalah sebagai satu contoh yang ada dan hari ini saya ingin sebut juga mengemukakan beberapa contoh di dalam Dewan ini.

Satu, subsidi minyak petrol. Dalam tahun 2011 sebanyak RM15.3 bilion Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan subsidi ini. Ini termasuk juga penduduk-penduduk di negeri Selangor yang mengisi minyak di *Petrol Station* dan saya rasa saya ini sekurang-kurang adalah sebagai satu contoh kepada ADUN Pakatan Rakyat mengatakan bahawa Kerajaan Persekutuan hanya tahu mengutip cukai sahaja. Selain daripada itu peruntukan Pengajian Tinggi RM200 kupon tu, dan peruntukan hadiah kepada pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah RM100,000 dan termasuk menghapuskan yuran sekolah-sekolah. Inilah sebahagian daripada Kerajaan Persekutuan yang melaksanakan. Rasa saya, ADUN Pakatan Rakyat pun ada kereta yang besar. Rasa saya ADUN Pakatan Rakyat ada anak-anak yang belajar di sekolah menengah, sekolah rendah, di IPTA, di IPTS, semua, semua kita menikmati subsidi-subsidi atau hadiah-hadiah daripada Kerajaan Persekutuan. Jadi, saya ingin berkongsi sama apa yang dibuat tu kalau betul pujilah sedikit, kalau tak betul tu, ah! Nak cakap apa, cakaplah. Cuma, saya selalu dengar, memang sakit telinga. Tahu kutip cukai tak tahu bagi sedikit apa tu, balas budi kepada penduduk di negeri Selangor. Jadi, sekian sahaja Tuan Speaker perbahasan saya dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih Tuan Speaker.

Y.B. TUAN SPEAKER: Ya, Bukit Antarabangsa. Sila.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam reformasi. Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya juga ingin menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor yang telah berkenan merasmikan upacara pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Ke Dua Belas. Sebelum saya meneruskan perbahasan izinkan saya bagi pihak Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat tuan Speaker yang telah mempengerusikan Sidang Dewan Negeri ini selama lima penggal Persidangan Dewan Negeri dengan tegas, adil dan saksama. Tuan Speaker telah menjalankan tanggungjawab dengan mengambil langkah-langkah reformasi dan pembaharuan demi mempertingkatkan martabat dan memelihara kewibawaan Dewan yang mulia ini. Langkah-langkah progresif yang diambil termasuk siaran langsung Sidang Dewan Negeri, Pendengaran Awam SELCAT, penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas dan Penerbitan Jurnal. Yang Berhormat Tuan Speaker juga tekun meneliti dan menghalusi cadangan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Dewan melalui satu enakmen yang dikenali sebagai SELESA dengan tujuan yang murni dan mengikut amalan yang terbaik atau dengan izin *The Best Practices* di Negara-negara *Commonwealth*. Yang Berhormat Tuan Speaker, titah Tuanku menyentuh banyak persoalan ummah. Tetapi kesemuanya berkisar kepada peringatan dan nasihat Tuanku bahawa Ahli-ahli Dewan Negeri tidak terlepas dari tanggungjawab untuk mengangkat agenda rakyat, dan memacu pertumbuhan ekonomi bagi menjamin kesejahteraan seluruh rakyat negeri Selangor. Saya yakin, sesi soal jawab dan perbahasan yang matang mampu menjawab segala tohmahan dan serangan yang tidak bertanggungjawab. Justeru itu atas peringatan dan nasihat Tuanku maka tidak perlulah kita datang dan tampil dalam Dewan yang mulia ini untuk mendabik dada. Akulah yang berkelulusan tinggi. Aku mempunyai PhD, aku bekas pegawai tinggi kerajaan. Aku tahu segala-galanya. Kelulusan aku boleh melepasi bumbung rumah hingga ke langit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ooh, Ooi.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Akulah juara raja-raja Melayu. Kalau dengar perbahasan seperti ini memang hebat. Apatah lagi disusuli dengan watak memberikan motivasi bukannya perbahasan. Tetapi bila ada kuasa buat apa. Ada pihak yang cuba menyinggung dengan membuat dakyah apabila parti Pakatan Rakyat menerajui Putrajaya. *Alhamdulillah*, sekurang-kurangnya akhirnya mereka mengakui dalam masa terdekat kami akan sampai ke Putrajaya.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, minta, minta laluanlah. Yang Berhormat, saya hanya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Speaker ah! Adakah Yang Berhormat setuju kalau ada kuasa, kalau kita gunakan kuasa matlamatnya kita akan dipecat?

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Taman Templer. Saya hendak masuk bab itu tetapi dia mencetuskan keadaan suruh saya masuk dahulu. Cuma saya hendak habiskan para ini sebelum saya menjawab persoalan Yang Berhormat Taman Templer. Ada pihak yang menyinggung kita dengan dakyah bahawa apabila pakatan

menerajui Putrajaya. Kita akan menukar pemerintah raja berperlembagaan kepada sistem republik. Ini adalah satu fitnah yang cukup jahat yang bertentangan dengan akidah seorang Islam.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Apa buktinya Pakatan Rakyat akan menukar sistem raja berperlembagaan kepada republik. Berikan bukti. Ini Dewan yang mulia tidak boleh datang ke sini dengan emosi kerana tak dapat menjadi Menteri Besar.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Tampil dalam dewan bawa bukti. Sebaik sahaja berlaku tsunami politik pada tahun 2008 Pakatan Rakyat telah mengulangi ikrar melalui deklarasi khas yang ditandatangani oleh tiga pemimpin tertinggi Pakatan Rakyat iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Yang Berhormat Saudara Lim Kit Siang dan Yang Berhormat Dato' Seri Abdul Hadi Awang pada 8 September 2008. Pagi ini saya tampil dengan membawa sesalinan deklarasi yang ditandatangani oleh ketiga-tiga pemimpin di mana di dalam deklarasi ini Pakatan Rakyat mengulangi ikrar kami bahawa Pakatan Rakyat akan mempertahankan dasar-dasar seperti kedudukan Islam sebagai agama persekutuan dan menjamin kebebasan mengamalkan agama-agama lain. Pakatan Rakyat mempertahankan kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, dan Pakatan Rakyat mempertahankan hak bahasa ibunda, kedudukan dan kedaulatan institusi Raja-Raja Melayu serta kedudukan hak istimewa orang Melayu dan bumiputera serta hak semua kaum yang telah dijamin oleh perlembagaan. Yang menandatangani ialah saudara Lim Kit Siang, Dato' Seri Haji Awang, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ketika itu Gombak Setia adalah Pesuruhjaya Pas Selangor dan merupakan sebahagian daripada muafakat Pakatan Rakyat. Mengapa hari ini saya tidak tahu apa puncanya tampil dalam dewan, memutar belitkan fakta dan membuat dakyah yang serius yang tidak berasas dan ini kah cerminan akidah seorang Islam yang kononnya memperjuangkan Islam, Melayu dan raja dalam negara pada hari ini.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, saya minta laluan, minta laluan Dato'.

Y.B. TUAN SPEAKER: *Okay*, silakan.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Antarabangsa. Saya hanya hendak mencelah kerana memang sedaplah bila kita dengar Yang Berhormat Bukit Antarabangsa berhujah memang dia hebat. Tapi apa pun bagi saya, saya sedikit kelirulah sebagai Ahli Dewan yang bersidang di sini, soalan saya nampaknya berkecamuk sedikit pandangan Pakatan Rakyat ini kerana ada masa kata kita tak kan biarkan Malaysia menjadi negara Islam yang pernah dihujahkan oleh Ah! Yang kononnya ditandatangani oleh Yang Berhormat Lim Kit Siang, minta maaf sebut nama tapi ah! Daripada DAP, tapi DAP sendiri berpegang pada prinsip kalau tak silap sayalah, kalau tak betul mungkin YB daripada Sekinchan boleh perbetulkan saya

mengatakan bahawa pernah ada seorang Ahli Parlimen mengatakan langkah mayat saya sebelum Malaysia menjadi negara Islam. Jadi, saya rasa keliru sedikit kerana ada masa kata sepakat, boleh, ada masa kata tak boleh. Jadi janganlah kerana dah dekat pilihan raya baru nak bercakap macam ini. Tetapi saya haraplah kalau bercakap hendak menuduh tu boleh, tetapi biarlah faktanya betul dan janganlah berdolak-dalik atau pun bertukar-tukar pandangan selalu. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Yang Berhormat Taman Templer, apa yang saya bacakan tadi adalah muafakat bersama Pakatan Rakyat yang menyatakan mereka mempertahankan soal-soal dasar seperti kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan. Saya tidak menyebut seperti Yang Berhormat Taman Templer sebut. DAP, Keadilan dan Pas mempertahankan dasar di mana kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan, dan menjamin kebebasan mengamalkan agama-agama yang lain, tiada ada percanggahan, tidak ada pertembungan. Ini prinsip yang kita pertahankan, Cuma yang saya rasa kecewa ialah dalam perbahasan dalam Dewan ini kita dengar hebatlah, ya, motivasi yang diberikan. Tetapi, jangan putar belitkan kenyataan-kenyataan yang sepatutnya diberikan dalam Dewan ini. Selaku Exco kanan sudah tentulah peranan dan tanggungjawabnya juga besar. Perbahasan hari ini ingin memperjuangkan Islam, Melayu dan Raja, cantik. Tetapi persoalan saya Islam mana yang hendak diperjuangkan. Melayu mana hendak dipertahankan. Institusi raja mana yang sedang dipertahankan, kerana saya boleh beri banyak maklumat. Yang Berhormat Gombak Setia ketika menjadi Exco Kerajaan Negeri Selangor atas nama Islam, atas nama Melayu, atas nama raja-raja Melayu menggunakan peruntukan untuk pengubahsuaian pejabat Exco sejumlah hampir RM300 ribu.

Y.B. NG SUEE LIM: *Fuhyo.*

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Menteri Besar tak guna satu sen pun untuk mengubahsuaikan pejabat.

Y.B. NG SUEE LIM: *Fuhyo.*

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, adakah itu sebab kenapa Yang Berhormat dipecat? Adakah itu sebabnya kerana menggunakan peruntukan sebanyak 300 ribu. Dulu masa kita dok sebut tak ada pun pihak Yang Berhormat Bukit Antarabangsa menyokong, ya! Pernah kita timbulkan persoalan ini kalau tak silap saya salah seorang ahli Dewan di sini daripada pihak pembangkang ni pernah bawa isu ini, tetapi tak ada pun sambutan. Tapi sekarang ini apabila dah pindah ke sini, sebut pula, jadi saya pun tak tahu, Jadi saya hendak tanya adakah itu salah satu sebab kenapa dipecat. Atau pun ada sebab-sebab lain.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Yang Berhormat Taman Templer apabila ada dakwaan seperti ini kita kena melalui *due process* dan Yang Amat Menteri Besar telah pun menjalankan siasatan melalui Audit Dalaman, penyiasatan yang berterusan, setelah itu barulah tindakan diambil. Perbincangan ini sampai ke peringkat atasan dan

setelah Gombak Setia tahu bahawa tindakan akan diambil mungkin itu menyebabkan beliau mencari alasan untuk keluar daripada Pakatan Rakyat. Ini satu contoh..

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Saya minta maaf Yang Berhormat, bukan keluar, dia dipecat. Kalau keluar secara sukarela.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Templer, saudara juga bukan baru dalam politik ya. Ada cara nak keluar parti ini supaya nilainya nampak lebih tinggi. Kalau dia keluar begitu saja nilai tak ada, dia pilihan raya dah nak dekat kena buat sesuatu supaya dipecat. Takkan Taman Templer tak faham strategi politik ni. Kemudian, ini atas nama Islam, atas nama Melayu atas nama Raja-raja Melayu, seorang EXCO boleh menggunakan peruntukkan untuk pelancaran Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor, satu majlis sahaja, kosnya berapa? RM546,920.00. Kalau wang ini diagihkan kepada rakyat sama ada di Sungai Panjang, Seri Serdang seluruh negeri Selangor, berapa banyak rakyat negeri Selangor dapat manfaatnya? Di mana Islamnya? Kalau tidak menggunakan wang rakyat secara berhemah dan bertanggungjawab? Sebab itu saya tidak mahu ada orang yang datang menjadi jaguh Islam, Melayu dan Raja tetapi bila diberikan kuasa tidak berhemah dalam menggunakan wang rakyat yang telah dibayar pembayar cukai dalam negara ini. Sungai Pelek nak apa? Nak tanya? *Okay.*

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Terima kasih, Bukit Antarabangsa. Saya tidak tahu sebab Bukit Antarabangsa tak sebut tarikh program tu bila pelaksanaan itu. Cuma saya hairan kenapa semasa Yang Berhormat Gombak Setia sebagai EXCO tu, Bukit Antarabangsa sebagai ADUN tidak pernah bangkit di dalam Dewan ini tetapi apabila dipecatnya Gombak Setia dari parti PAS, kemudian hari ni saya nampak Bukit Antarabangsa membongkar semua yang dia buat semasa dia menjawat jawatan itu.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Sungai Pelek, memang pelik la, saya dah jawab dah tadi. Bila ada tuduhan seperti ini kita mesti melalui proses untuk siasatan. Kita tidak seperti pentadbiran UMNO boleh buat fitnah, tohmahan, tidak ada bukti boleh dakwa orang. Kita nak ambil tindakan kena ada siasatan yang menyeluruh yang dilakukan oleh Jabatan Audit dan akhirnya keputusan telah dibuat oleh Kerajaan Negeri apakah bentuk tindakan yang diambil. Saya nak teruskan ada juga tuduhan terhadap Kerajaan Negeri kononnya di bawah Pakatan Rakyat semua kontrak diberikan secara *direct nego* tidak ada keterbukaan, tidak ada ketelusan, tidak ada pengurusan yang baik. Ini juga tuduhan yang tidak berasas. Pada tahun 2005, jumlah kelulusan lantikan terus untuk 31 projek bernilai RM190 juta. Tahun 2006, jumlah kontrak 66, jumlah kelulusan lantikan terus meningkat kepada RM172 juta. Tahun 2007 terus meningkat kepada 87 projek yang mendapat lantikan terus dengan nilai hampir RM400 juta. Pada tahun 2008 apabila Pakatan Rakyat diberikan amanah, angka ini bukan setakat menurun tetapi merudum daripada RM400 juta kepada hanya RM60 juta. Tahun 2009 terus turun kepada RM24 juta, 2010 turun meningkat sedikit kepada RM24 juta dan pada tahun 2011 ianya merudum kepada RM4 juta. Ini membuktikan serangan, tuduhan, tohmahan yang dilemparkan menjelang Pilihan Raya Umum yang Ke-13 ini adalah jahat dan tidak berasas dan daripada semakan awal yang saya buat, lantikan

terus yang dibuat pada tahun 2007 dengan nilai RM396.4 juta atau hampir RM400 juta adalah ekoran pilihan raya kecil di DUN Ijok pada ketika itu untuk menumpaskan Tan Sri Abdul Khalid bin Ibrahim. RM400 juta pada tahun 2011, Pakatan Rakyat, di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat, lantikan terus nilainya RM4 juta. Itu satu fakta yang nak saya kongsi dengan Dewan pada pagi ini. Apa yang memeranjatkan amalan ini lantikan terus ini yang cuba dikekang dan dikurangkan oleh Dato Menteri Besar tetapi disuburkan oleh Gombak Setia ketika menjadi EXCO kanan. Dato' Menteri Besar dah mengingatkan mulai 2009 tidak ada lagi *direct nego*, dasar Kerajaan Negeri yang baru semuanya mestilah tender terbuka. Arahan telah dikeluarkan supaya sebut harga dibuat supaya ada ketelusan, keterbukaan, ada prinsip *value for money*. Tetapi apa yang berlaku setelah kita meneliti perjanjian di antara KPS dan HCM untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan di negeri Selangor di mana KPS diberikan hanya 30% dan HCM diberikan 70%. Kerajaan Negeri pada masa itu bersetuju memberikan konsesi ini selama 7 tahun sehingga 2015 namun apabila Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar diberikan amanah pada tahun 2008 beliau telah mengeluarkan arahan supaya amalan ini dihentikan dan diberikan secara tender terbuka kepada pihak-pihak yang layak mendapat kontrak ataupun kerja-kerja yang berkenaan.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Bukit Antarabangsa, saya ingin bertanya selepas tahun 2009 tadi dinyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membuat arahan supaya tidak ada lagi *negotiate tender* tapi saya ingin menarik perhatian terhadap ada dakwaan yang mengatakan pada tahun 2010 sebanyak RM143 juta dan pada tahun 2011 sebanyak RM100 juta masih dikeluarkan dalam bentuk *negotiated tender*. Jadi saya ingin penjelasan lah tentang apa dakwaan ini yang telah dibangkitkan.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih, Sungai Burong. Itu adalah dakwaan yang tidak berasas dan tidak dibekalkan dengan fakta dan bukti. Saya telah membacakan angka-angka yang cukup tepat di mana projek-projek yang mendapat lantikan terus dari tahun 2005 hingga 2011 yang telah saya bacakan tadi. Sekiranya Sungai Burong ada bukti tambahan, kita bersedia meneliti bukti tersebut sebab amalan pentadbiran hari ini ialah kita terbuka, telus dan tidak ada perkara yang hendak kita sorokkan dan ketepikan. Ya.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Minta penjelasan lagi. Dakwaan ini dibuat oleh orang yang sanggup dipanggil untuk memberikan keterangan. Jadi saya ingin bertanya sama ada bersetuju sekiranya SELCAT memanggil orang yang berkenaan untuk memberikan keterangan bagi menjelaskan demi untuk membersihkan apa yang disebut sebagai ketelusan oleh Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Sungai Burong. Saya dah beritahu tadi Kerajaan Negeri saya yakin bersedia untuk mendengar dan menerima

apa-apa juga maklumat kerana prinsip kita ialah untuk mempertahankan prinsip keterbukaan, ketelusan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri dan saya percaya SELCAT bersedia untuk mendengar perkara ini demi kepentingan rakyat negeri Selangor namun angka-angka telah pun saya berikan sebentar tadi yang membuktikan sebaliknya. Berbalik kepada perkara yang saya ingin sentuh tentang penyelenggaraan jalan-jalan negeri di negeri Selangor yang akan dibuat secara tender terbuka dan Kerajaan Negeri telah mengeluarkan arahan supaya semua kontraktor berdaftar dengan UPEN mulai tahun 2009 dan pastinya mereka perlu mendaftar dengan Kementerian Kewangan dan mempunyai lesen PKK dan mereka perlu melalui proses sebut harga dan tender terbuka. Namun apa yang berlaku walaupun arahan Kerajaan Negeri telah dikeluarkan secara bertulis kepada semua pihak, EXCO pada ketika itu yang bertanggungjawab EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam menggunakan kuasanya membelakangkan dasar Kerajaan Negeri dan mengeluarkan senarai persendirian sebanyak 83 buah syarikat dan diberikan secara terus kepada pihak JKR membelakangkan kerusi dia, membelakangkan perundangan, membelakangkan perundangan, sedangkan ada arahan Perbendaharaan yang hanya memberikan kuasa kepada Pegawai Kewangan Negeri yang disebut sebagai Kelulusan Khas dari segi perolehan di mana hanya Pegawai Kewangan Negeri yang berkuasa untuk memberikan kelulusan termasuk rundingan terus. Itu memang ada di dalam Arahan Perbendaharaan, tetapi apa yang berlaku yang memberikan arahan ini bukan Pegawai Kewangan Negeri tetapi EXCO infrastruktur dan Kemudahan Awam dengan mendapat kerjasama beberapa individu tertentu di dalam Pejabat Perbendaharaan Negeri memberikan kelulusan dan memberikan senarai kepada JKR negeri sebanyak 83 syarikat. Nilai kontrak ini setiap tahun berjumlah RM35 juta. Maka persoalan saya di mana Islam, di mana Melayu, di mana prinsip Raja-raja Melayu yang hendak diangkat pada hari ini sedangkan ketika kamu berkuasa, ini yang sedang dilakukan. Saya bukan nak bawak fitnah, saya bawak dokumen untuk membuktikan di mana apabila audit menjalankan siasatan dalaman apa dapatan Audit Negeri. Pihak Audit telah membuat semakan berkaitan carta aliran JKR. Kita mendapati bahawa senarai kontraktor telah diterima daripada EXCO Infra berdasarkan satu surat bertarikh 6 Januari 2010 yang mana tercatat maklumat senarai kontraktor kelas F bagi Program Kontraktor Jangka Panjang Penyelenggaraan Jalan Negeri untuk Tetuan KPSHCM Sdn. Bhd diterima daripada Encik Anuar bin Sharif, Setiausaha kepada EXCO Kerajaan Negeri Yang Berhormat Dato' Hasan Ali. Ini dapatan Audit..

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh beri penjelasan. Terima kasih lah Bukit Antarabangsa hari ini banyak buat pendedahan yang sensasi ya lah pada saya. Tapi kalau ikut maklumat yang Bukti Antarabangsa beri tadi peristiwa ini 2010, persidangan kali ini 2012 dan dua tahun dan saya percaya dokumen ini boleh diakses oleh pihak EXCO dan sebagainya dan pihak audit pada tahun 2011 pun boleh, tapi malangnya hanya penilaian dibuat apabila individu berkenaan sudah tidak lagi menjadi EXCO. Jadi bagaimana perkara ini? Adakah selama ini Bukit Antarabangsa pun bersubahat melindungi perkara yang sama. Pada saya ini sepatutnya sudah didedahkan awal.

TUAN SPEAKER: Ini sangkaan jahat ni, 36(6) sangkaan jahat, bersubahat itu sangkaan jahat.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya tarik balik, bersubahat tapi kenapa tidak dibuat pendedahan sebelum ini, pada tahun 2011 kita ada 3 kali persidangan, kenapa Bukit Antarabangsa tidak buat pendedahan sekalipun kalau kita kata soal kebenaran, nak kata pertahankan soal integriti sepatut tak kira kawan atau lawan kena sebut daripada awal dan boleh diambil tindakan pada waktu itu kepada EXCO berkenaan tetapi hanya pendedahan dibuat selepas berlaku pemecatan. Ini satu perkara yang saya, saya kata memang tidak sepatutnya wujud dalam pentadbiran Kerajaan Negeri. Saya minta komen.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih sahabat saya daripada Permatang. Nampaknya bersungguh-sungguh UMNO pertahankan Gombak Setia ya, dapat sahabat baru begitu lah.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Bukan, pasal Bukit Antarabangsa pun waktu Gombak Setia buat perbahasan Bukit Antarabangsa tak ada, kalau ada sedap sikit terus boleh jawab secara langsung, baru hari ini pun Bukit Antarabangsa hadir.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Ya, saya tak ada selama dua hari sebab saya hadir di Dewan Rakyat dan hari ini saya tampil untuk menyertai perbahasan dan saya rasa gembira lah kerana UMNO mempunyai sahabat baru, teman baru dan sebagai teman baru kenalah pertahankan. Ini semangat setia kawan tapi nak pertahankan biarlah pertahankan yang benar dan hak. Saya bersetuju kalau saya ada maklumat ini lebih awal saya boleh dedahkan tak ada masalah, tetapi proses yang saya sebutkan tadi tu mengambil masa sebab saya tidak mahu bersubahat dengan fitnah dan tohmahan yang tidak berasas dan saya hanya bersedia untuk tampil sekiranya saya ada bukti yang sahih dan amat menyinggung perasaan saya orang yang mengamalkan sikap begini sekarang dengan mendabik dada ingin menjuarai isu Islam, isu Melayu. Malu saya nak mengaku orang Melayu kalau ada pemimpin Melayu yang mengamalkan prinsip-prinsip seperti ini. Ini yang saya nak bahaskan. Sila Seri Setia.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Tuan Speaker, saya nak bertanya kepada Bukit Antarabangsa, adakah beliau setuju sekiranya kita menyeru rakan-rakan kita dari pihak pembangkang kalau mereka menyeru jentera UMNO, media-media UMNO tidak memberi ruang kepada Gombak Setia jika sekiranya mereka bersetuju dengan kita tentang amalan *negative* yang telah dilakukan oleh Gombak Setia selama ini.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Ya dalam keadaan sekarang dia siapa pun dia kutip nak dapat sokongan sebab sokongan dah tak ada, jadi tak apalah itu kawan baru dia, biarlah cuma saya mintak perkara ini supaya diperjelaskan supaya tidak rakyat keliru kerana Selangor ini di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat, walaupun kita telah diberikan amanah oleh rakyat namun kita diasak teruk oleh Kerajaan Pusat, UMNO dan Barisan Nasional sehingga hari ini belum berhenti tetapi saya mengucapkan tahniah di atas ketegasan Dato' Menteri Besar yang telah berjaya

mengangkat negeri Selangor dan muncul sebagai sebuah negeri yang maju dari segi ekonomi dan pengurusan yang terbaik seperti yang telah dinyatakan dalam laporan Ketua Audit Negara.

Baru-baru ini Tuan Speaker, ada lagi serangan daripada Kerajaan Pusat. Saya bawa bukti Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas atau pun JASA, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia melalui surat bertarikh 12 Disember 2011 yang dihantar kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor menjemput seluruh Penghulu dan Penggawa ke Seminar Penyerlahan Satu Malaysia pada 16 dan 17 Disember 2011 di Pantai Port Dickson, Negeri Sembilan. Maka surat ini telah diterima oleh Kerajaan Negeri dan pihak yang berwajib telah pun meminta supaya surat ini diedarkan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Yang mendukacitakan saya ialah sewajarnya Kerajaan Negeri teliti dulu kandungan program ini. Sekiranya program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan, latihan, menggilap potensi Penghulu dan Penggawa tidak mengapa, saya tidak ada masalah tetapi ini adalah program politik. Nyata pada 17 Disember 2011, 10.30 hingga 12.00 tengahari mengenai isu-isu semasa diberikan oleh Dato' Fuad Tan Sri Hasan. Mengapa perkara ini dibiarkan. Kita tahu siapa Fuad Hasan, adik kepada Musa Hasan, memberi taklimat kepada Penghulu-penghulu di negeri Selangor kemudian Taklimat Keselamatan kononnya, diberikan oleh Tan Sri Abdul Rahim Noor. Tak selamat kalau pergi jumpa Tan Sri Rahim Noor. Bagaimana satu seminar yang kononnya untuk perkasa Penghulu dan Penggawa diberikan oleh Tan Sri Rahim Noor, seorang pengganas dalam pentadbiran polis. Terbukti kalau polis negara boleh bertindak dengan samseng macam mana nak beri taklimat kepada Penghulu dan Penggawa. Persoalan saya, mengapa Kerajaan Negeri tak teliti terlebih dahulu kandungan seminar ini, sebelum surat ini diedarkan dan diarahkan semua Penghulu dan Penggawa untuk hadir dalam seminar di Port Dickson pada 16 dan 17 Disember yang lalu. Ini amat mengecewakan, sebab itu kita perlu berhati-hati.

Serangan masih berterusan tetapi saya juga yakin apabila kita kuat, fitnah juga bertambah kuat. UMNO dan Barisan Nasional hari ini tidak ada *idealisme*, tidak ada isu yang hendak dibawa, hanya membawa budaya samseng, budaya fitnah, budaya maki hamun, ini yang dibawa oleh UMNO pada hari ini. Tetapi kita kena kuat, dari segi pengurusan kita, pentadbiran kita. *Alhamdulillah*, apa yang telah kita saksikan selama 4 tahun ini kalau bandingkan dengan 50 tahun di bawah UMNO, pencapaiannya luar biasa. Baru-baru ini kita dengar bagaimana Yayasan Selangor..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, boleh tanya soalan. Kepada Bukit Antarabangsa, saya nak tanyalah, Bukit Antarabangsa duk kata hari ini UMNO Barisan Nasional duk serang dan dalam serangan itu, apa orang kata, mengamalkan budaya fitnah, samseng dan sebagainya, saya nak tanya kita pun dapat lihat juga, siapa sebenarnya yang mengamalkan budaya fitnah, saya nak tanya, boleh tak bagi, terangkan, misal contoh-contoh yang parti Pakatan Rakyat ini yang bersih daripada fitnah daripada budaya samseng, budaya jalanan ya... menuduh tanpa bukti-bukti dan menabur fitnah kepada rakyat. Ini pun sama juga dan saya lihat juga bahawa kerajaan Barisan Nasional pun diasak oleh pembangkang dengan fitnah kalau kita

tengok laman *blog*, kita boleh *blog* sama-sama. Berapa banyak *blog* fitnah Pakatan Rakyat dengan fitnah Barisan Nasional, ini rakyat semua tahu.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Sungai Burung saya kira kalau nak bandingkan ialah macam bumi dengan langitlah ya.. Memang kita kerja sebahagian daripada kerja kita tumpu soal dasar, soal ekonomi, kita juga perlu membuat pendedahan di atas kepincangan dan kezaliman UMNO dan Barisan Nasional. Cuma bezanya kita dedah dengan fakta, kita dedah dengan maklumat yang tepat. Bila kita kata wang RM250 juta ringgit yang sewajarnya diberikan kepada pengusaha, penternak lembu bukan beli kondominium, kita ada bukti, kita ada maklumat, kita ada dokumen, walau pun menteri pertanian yang kebetulan datang daripada negeri Selangor sahabat baik Sungai Burong pada peringkat awal cuba menafikan tetapi hari ini terbukti, apa yang kita dedahkan itu adalah fakta yang cukup jelas, bukan fitnah.

Bila kita mendesak Perdana Menteri untuk membatalkan Skim Baru Perkhidmatan Awam kerana terbukti satu skim yang zalim yang tidak memberi keadilan kepada pegawai-pegawai rendah dan kumpulan sokongan, walaupun kita ditekan, diserang pada ketika itu, akhirnya Perdana Menteri terpaksa tunduk kerana tahu, pada 8 Mac bila Perdana Menteri umumkan saya terpaksa membatalkan skim ini kerana saya sedar skim ini zalim dan tidak adil. Baru sedar setelah 4 bulan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Boleh minta penjelasan.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Nanti kejap, Skim Baru Perkhidmatan Awam ini memberikan keuntungan yang berlipat kali ganda kepada kumpulan *premier* di atas yang jumlahnya hanya 36 orang yang dapat imbuhan RM70, RM80 ribu, kumpulan sokongan di bawah hanya dapat RM1.70.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Tuan Speaker, minta laluan.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Dapat imbuhan yang kecil di mana keadilan, sebab itu saya nak nyatakan kalau tidak ada Pakatan Rakyat saya percaya Perdana Menteri akan *endorse* SPBA. Hari ini anggota perkhidmatan awam, maklumat yang saya dapat, mereka bersyukur dengan Pakatan Rakyat kerana membela kebajikan majoriti anggota perkhidmatan awam dalam Negara dan...

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Saya minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Sila, sila.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Yang Berhormat, saya nak bertanya, apa yang jadi kepada mereka yang telah tandatangan surat penerimaan SPBA sebelum ini.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Seri Setia, saya simpatilah dengan mereka, dia seronok sekejap saja, sebab mereka telah pun bersara. Mereka diarah bersara untuk masuk dalam skim baru, dah bersara, dan telah diperkenankan oleh Duli Yang

Maha Mulia Tuanku Seri Paduka Yang Dipertuan Agong. Sekarang nak ke mana? Persoalannya Perdana Menteri hari ini *flip-flop*, dia tak boleh mempertahankan keputusan yang dibuat sebab keputusan itu tidak diasaskan kepada *consultation*, perbincangan secara menyeluruh dengan CUEPAC dengan Kesatuan Pekerja, dia *endorse*, tetapi akhirnya skim ini tidak memberikan jaminan keselesaan dan kesejahteraan kepada anggota perkhidmatan awam. Apakah ini fitnah, ini bukan fitnah.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Saya minta penjelasan.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasihlah Bukit Antarabangsa, jangan sampai pepatah Melayu kata, Lembu Punya Susu, Sapi Dapat Nama. SPBA ini bukan isu bila dibatalkan kerana desakan Pakatan Rakyat. Perdana Menteri telah bentang dalam bajet. Dah ada bajet diberi kepada SPBA termasuk merangka pelarasan gaji dan sebagainya, tetapi oleh kerana ada beberapa kelemahan dalam penggubalan dasar ini, saya bersetuju Bukit Antarabangsa kata ada kumpulan *premier* mendapat lebih dan sebagainya dan Perdana Menteri responsif kepada semua desakan dan sebagainya dan sebab itulah Perdana Menteri mengambil tindakan membatalkan, bukan kerana desakan Pakatan Rakyat.

Yang kedua, saya nak bagi contoh, semalam Sekinchan pun ada sebut pasal mengenai demonstrasi peningkatan hasil padilah menyebabkan bayaran dibuat, itu semua fitnah dan juga publisiti yang dibuat oleh Sekinchan bukan kerana desakan Sekinchan. Peningkatan industri insentif hasil padi dibuat seluruh negara bukan dekat Sekinchan sahaja, tetapi Sekinchan menyebut...

TUAN SPEAKER: Dah, dah, sekarang ini Bukit Antarabangsa cakap...

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Semalam, semalam...

TUAN SPEAKER: Kalau semalam tak sempat, itu masalah kamu...

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Ok, ok ...Tuan Speaker...

TUAN SPEAKER: Jangan buang masa ini...

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Saya nak minta Bukit Antarabangsa jangan jadi lembu punya susu, sapi dapat nama dan mengambil kesempatan seolah-olah tindakan itu adalah tindakan Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat. Ini satu perkara yang tak betul.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Pepatah Melayu itu dah berubah sekarang Yang Berhormat, lembu punya susu, Shahrizat dapat nama.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Saya nak mencelah sikit. Dalam isu susu punya, salah MIC...

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Saya tak bincang soal susu sekarang, itu kemudian saya nak teruskan, saya nak jelas kepada Yang Berhormat tentang SPBA ya...

TUAN SPEAKER: Tinggal seminit saja ya...Yang Berhormat.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Seminit ...

TUAN SPEAKER: Sebelum berehat.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: *Okay*, apa tadi lupa..apa dia...SPBA. Baik, Yang Berhormat mengatakan ini keputusan Perdana Menteri tetapi Yang Berhormat kena ingat dia seorang Perdana Menteri, pada masa yang sama dia juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penyelarasan Gaji. Takkan dia tak nampak satu *gap* yang begitu besar ketika dia mempengerusikan mesyuarat sebelum itu. Dia, Pengerusi Yang Berhormat, Jawatankuasa Penyelarasan Gaji Kebangsaan, maka bila dia mempengerusikan mesyuarat takkan dia tak teliti setiap angka, setiap fakta, setiap dokumen untuk menjamin skim baru ini benar-benar adil di antara pegawai di atas dengan pegawai di bawah sebab pegawai di bawah juga memberikan sumbangan yang cukup besar kepada pembangunan negara. Kenapa pegawai kerajaan dipaksa dan diasak untuk menandatangani skim ini sebelum 1 Januari yang lepas dan kita juga tahu sebahagian besar kumpulan *premier* telah pun dibayar imbuhan ini untuk 2 bulan pertama pada tahun ini. Maknanya semua keputusan yang dibuat telah pun dibentangkan kepada Perdana Menteri, dia sedia maklum tentang angkat-angka yang telah dibentangkan melainkan dia tak membaca, dia tak teliti dan dia hanya *endorse* bagi kepentingan politik. Sebab itu saya bukan nak datang sini nak *claim credit*, saya nak menyatakan betapa pentingnya kehadiran keadilan PAS dan DAP dalam politik negara pada hari ini kerana kita bukan nak bawa fitnah, kita nak bincang soal dasar, kita bukan nak bergaduh soal seks, soal liwat, soal tuduhan yang palsu, fitnah, kita nak bincang soal dasar sebab itu ketua umum Dato' Seri Anwar mencabar Perdana Menteri mari kita bincang soal dasar, mari kita berdebat demi kepentingan rakyat, tak terima sampai hari ini. Jadi Tuan Speaker boleh saya sambung petang.

TUAN SPEAKER: Ya, boleh...

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya, Yang Berhormat sekalian, memandangkan jam sudah pukul 12.00 tengahari maka dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan jam 12.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER: Dewan disambung semula. Silakan Bukit Antarabangsa.

Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI: Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker yang memberikan saya untuk meneruskan perbahasan pada penting ini. Pada pagi tadi kita ada berada dalam fasa 1 iaitu untuk respons dan menjawab tohmahan-tohmahan yang telah dilontarkan dan dalam sesi yang kedua petang ini saya ingin tumpu isu-isu dasar yang saya ingin cadangkan kepada Kerajaan Negeri bagi mengangkat martabat rakyat negeri Selangor *insya-Allah*. Yang Berhormat Puan

Speaker pengurusan ekonomi negeri yang terus berkembang di negeri Selangor biarpun berhadapan dengan persekitaran luar yang mencabar membuktikan kemampuan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Negeri mengurus amanah dengan bertanggungjawab walaupun ada tekanan-tekanan ke atas Kerajaan Negeri termasuk tekanan politik daripada Kerajaan Pusat yang menyalahgunakan Institusi Kerajaan bagi tujuan politik mereka untuk merampas Kerajaan Negeri Selangor dengan cara yang tidak demokratik.

Pagi tadi saya mendedahkan sepucuk surat yang diterimakan oleh Kerajaan Negeri daripada Kementerian Penerangan dan Telekomunikasi pada petang ini saya ingin mendedahkan lagi satu surat yang ditandatangani oleh Dato' Haji Abdul Ghani bin Salleh Pengarah Pembangunan Negeri Selangor bertarikh 10 Februari 2012. Di mana kepala surat yang menggunakan Jabatan Perdana Menteri telah menjemput masyarakat perniagaan negeri Selangor untuk menghadiri satu taklimat pembangunan negeri Selangor Perdana Menteri Dato' Seri Najib pada 1 Mac 2012 di Hotel Concorde Shah Alam. Apa yang berlaku adalah sebaliknya. Tidak ada taklimat pembangunan yang diberikan dalam pertemuan dengan masyarakat perniagaan negeri Selangor tetapi Ahli Parlimen Sepang Yang Berhormat Dato' Ir. Mohd. Zain dan Perdana Menteri telah menggunakan pentas tersebut untuk meminta sokongan daripada masyarakat perniagaan supaya menyokong Barisan Nasional dalam pilihan raya yang ke 13. Saya tidak ada masalah untuk Presiden UMNO untuk berkempen dan bertemu tetapi yang perlu saya tegur ialah mengapa Institusi Kerajaan digunakan bagi kepentingan politik dan kepentingan UMNO dan Barisan Nasional.

Ketua-ketua Jabatan harus lebih berhati-hati dalam mengeluarkan surat dengan kepala surat Jabatan-jabatan yang berkenaan dalam konteks ini surat Jabatan Perdana Menteri telah digunakan yang ditandatangani oleh Dato' Haji Abdul Ghani bin Salleh bagi memaksa masyarakat perniagaan untuk tampil dalam program politik UMNO dan Barisan Nasional.

Namun kepimpinan Yang Berhormat Dato' Menteri Besar dan juga Pakatan Rakyat tidak harus gundah gulana kita harus meneruskan kerja dan harus secara konsisten supaya kesejahteraan dan keharmonian masyarakat menjadi keutamaan. Agenda keperkasaan rakyat melalui peningkatan hasil negeri dan pengagihan yang adil kepada semua rakyat menjadi fokus kerajaan membangunkan sebuah masyarakat yang berdaya saing, berspesifikasi dalam urus tadbir negeri serta terjamin kesejahteraan masa hadapan mereka *insya-Allah*. Keadilan Pakatan Rakyat yakin akan melanjutkan perjuangan ini dan terus menerajui rakyat untuk mempertahankan pentadbiran yang demokratik adil, amanah dan bertanggungjawab. *Alhamdulillah* rakyat mengecapi hasil negeri yang merupakan hak mereka dan bukan kurniaan daripada pemerintah. Fakta angka dan statistik yang dikemukakan membuktikan Pakatan Rakyat berupaya untuk mentadbir negeri dan menguruskan negeri dengan berkesan berteraskan prinsip kewangan yang berkhemah, akta kelola yang baik dan prinsip *value for money*. Selain pengurusan ekonomi tadbir urus yang berkesan kerajaan yang unggul. Bagi tadbir urus yang berkesan pentadbiran harus memiliki ciri-ciri menggalakkan penyertaan rakyat keputusan yang berorientasikan penyertaan dan terus berkonsensif,

responsive, berkesan dan cekap saksama dan *inclusive* serta menurut kedaulatan Undang-undang.

Walau bagaimanapun kareh demokrasi yang keterlaluan menjadikan sistem penyampaian Kerajaan yang efisien seterusnya membantutkan produktiviti. Sebagai sebuah Kerajaan reformasi sistem penyampaian perlu menjadi keutamaan demi perkhidmatan kepada rakyat. Teknologi yang tinggi serta serba canggih serta keterbukaan teknologi maklumat harus menjadi asas sistem pentadbiran. Pentadbiran yang memakai teknologi sendiri dapat menyelamatkan kos, masa dan mengurangkan kareh birokrasi dan membebaskan rakyat. Ini bukan sahaja menjamin usaha tadbir urus yang baik tetapi juga merupakan suatu usaha untuk memastikan pengurusan dan sistem pentadbiran yang efisien dan lancar. Kerajaan Negeri Selangor percaya pengurusan yang cekap adalah pengurusan yang mengurangkan birokrasi dan meringankan kos yang ditanggung oleh rakyat. Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin menarik perhatian kepada usaha yang turut disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan berhubung dengan kemudahan *internet* dan juga *wi-fi* berkapasiti tinggi

Sejak tahun 90-an perkhidmatan *internet* digunakan dengan rancak. Berbanding dengan era *pra-internet* perkhidmatan *internet* hari ini mendesak penggunaan kapasiti yang tinggi untuk pengaliran maklumat yang lebih cepat dan bebas. Hal ini adalah berdasarkan peningkatan inovasi teknologi, kaedah sambungan dan kelajuan pengaliran maklumat.

Untuk mendepani kecanggihan kemajuan teknologi hari ini, sudah semestinya Kerajaan Negeri seharusnya menyediakan mengadakan perkhidmatan *internet* yang mampu dimiliki mudah supaya dapat di manfaat oleh masyarakat. Contoh *access internet* yang canggih dan baik adalah seperti di Seoul, Korea yang sangat murah dengan kadar 20 USD sebulan untuk kapasiti sambungan 10 megabait per *second*. Di Malaysia kapasiti sambungan 10 megabait per *second* yang diperkenalkan oleh Uni-fi berharga RM200 sebulan. Sekitar 60 USD. Iaitu tiga kali ganda lebih mahal daripada Seoul. Oleh itu perkhidmatan *internet* percuma yang terbaik untuk kegunaan rakyat adalah melalui perkhidmatan *wi-fi* di mana gred rangkaian akan merebak di seluruh negeri untuk manfaat rakyat. Perkhidmatan *wi-fi* percuma yang sedang disediakan oleh Kerajaan Negeri pada hari ini adalah selaras dengan idea *internet* yang berkapasiti yang tinggi untuk rakyat. Namun begitu sasaran 4000 lokasi di seluruh pelosok negeri harus lah mengutamakan kawasan luar bandar berikutan keperluan yang lebih utama dan menjadi lebuh raya maklumat untuk menjadi *connectivity* di antara rakyat dan juga Kerajaan Negeri. Kemudahan ini akan membantu rakyat luar bandar yang tidak mampu untuk mendapatkan perkhidmatan ini untuk memanfaatkan bagi tujuan pendidikan serta mendapatkan maklumat.

Selain dari mewujudkan *inform society* atau masyarakat bermaklumat perkhidmatan ini juga bagi merapatkan jurang sosial dalam masyarakat serta menyediakan infrastruktur untuk menarik pelabur asing masuk ke negeri Selangor. Harapan kita agar perkhidmatan ini dapat digunakan sebaiknya dan sentiasa diperkemaskan untuk menjamin kepuasan hati pengguna. Asas Tadbir urus yang baik *second* prinsip *value*

for money dan kecekapan pengurusan Kerajaan telah menyumbang kepada simpanan rizab negeri yang terbesar. Kita bersyukur dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana dengan kepimpinan beliau negeri Selangor telah mencatatkan rizab yang tertinggi iaitu RM1.9 bilion. Namun saya memohon di dewan yang mulia ini supaya rizab simpanan negeri yang besar dapat dipertimbangkan untuk digunakan sebahagiannya dalam program-program untuk generasi muda. Bukan memperdayakan wanita itu di sebelah sana. Saya ingin...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya ingin mencelah sedikit. Terima kasih Bukit Antarabangsa. Saya melihat perbahasan yang cukup padat dengan isi tetapi pihak di sebelah sana, saya nak minta pandangan Yang Berhormat bagaimana pihak sebelah pembangkang seorang pun tidak hadir di sebelah petang ini apa peranan mereka sebagai Ahli Dewan. Kenapa mereka ahli di dewan ini apa pandangan komen Yang Berhormat Bukit Antarabangsa?.

Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI: Terima kasih Sekinchan. Mungkin mereka telah melihat banyak fail-fail saya di atas meja saya ini. Yang saya telah menelaah tiga hari tiga malam. Jadi mereka tengok pada tadi, tak beranilah berdepan. Lebih baik dia lari sebelum saya menyerang mereka pada petang ini. Saya ingin menarik perhatian Dewan kepada suatu usaha untuk memberdayakan wanita dan masyarakat melalui penubuhan *women development*. Objektif penubuhan WDC ataupun *Women Development Corporation* adalah untuk membangunkan dasar-dasar Kerajaan yang *responsive* kepada ke perihal gender di samping mempromosikan kesedaran kefahaman gender dan keadilan sosial. Inisiatif ini adalah usaha baik oleh Kerajaan untuk memperdaya kaum wanita khususnya kapisitifasi wanita dalam kepimpinan dan mekanisme dalam membuat keputusan dalam segala bidang. Ini sekali gus dalam membuat ke persekitaran yang *inclusive* dalam sebuah masyarakat yang pelbagai kaum budaya dan agama. Walau pun saya sedari Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan tambahan berjumlah RM30 juta dalam bentuk Geran Selangor untuk memperdayakan wanita. Namun saya yakin memperbentuk WDC ini akan berperanan dengan lebih efektif kerana mempunyai infrastruktur yang lebih jelas dan *insya-Allah* dipimpin oleh golongan wanita yang profesional. Saya yakin dan percaya pentadbiran di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mempunyai iltizam yang kuat untuk melakukan reformasi dalam masyarakat dengan memperdayakan kaum wanita dan generasi muda dalam masyarakat. Semoga usaha yang baik ini akan mempertingkatkan keharmonian dan kemakmuran negeri demi kesejahteraan rakyat. Yang Berhormat Puan Speaker, PKNS merupakan agensi Kerajaan Negeri yang telah diberikan tanggungjawab untuk mendirikan rumah mampu milik bagi golongan berpendapatan antara RM2,500 – RM5,000 sebulan. Projek sulung yang telah dilancarkan di Bangi pada tahun yang lalu adalah jauh lebih murah dengan harga kurang daripada RM100,000 berbanding dengan Rumah Mampu Milik yang diperkenalkan oleh kerajaan persekutuan dengan nilai melebihi RM200 ribu. PKNS telah meletakkan sasaran untuk membina 11,000 unit buah Rumah Mampu Milik di atas tanah-tanah milik PKNS. Berdasarkan syarat-syarat yang terlalu ketat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri termasuk syarat bahawa setiap unit harus dilengkapi dengan 2 tempat letak kereta dan tambahan 200 lagi. Kos pembinaan telah melonjak

sehingga RM180,000 seunit. Ini termasuk kos yang saya nyata tadi iaitu pembinaan *elevated car park* dan kemudahan rekreasi lain termasuk dewan dan *nursey* yang turun menyumbang pada peningkatan kos pembinaan. Kos pembinaan untuk seunit *elevated car park* mencecah nilai RM30,000. Maka kalau diperlukan seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri 2 tempat letak kereta bagi seunit rumah maka kos membina *car park* sahaja mencecah RM60,000. Oleh kerana kos pembinaan seunit rumah bernilai RM180 ribu dan PKNS diminta untuk menjual pada harga RM850 seunit. Ini bermakna PKNS terpaksa menanggung subsidi sebanyak hampir RM100,000 seunit terhadap rumah yang dijual. Sekiranya PKNS diperlukan untuk membina 11,000 unit Rumah Mampu Milik ini bermakna jumlah subsidi yang perlu ditanggung oleh PKNS mencecah nilai RM1.1 bilion dan ini adalah di luar kemampuan PKNS. Maka saya ingin bertanya di dalam Dewan ini apakah rancangan kerajaan untuk meringankan bebanan PKNS dalam usaha untuk menyediakan keselesaan kepada rakyat. Saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mengkaji semula harga yang ditetapkan Rumah Mampu Milik dan juga melonggarkan syarat-syarat termasuk kemudahan tempat letak kereta selain mencari karisma yang berkesan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Saya yakin dan percaya bahawa dasar yang *pragmatic* akan menarik pemaju-pemaju yang lain untuk sama-sama dengan Kerajaan Negeri dalam usaha kita menyediakan Rumah Mampu Milik yang lebih selesa untuk rakyat dan tidak merugikan pemaju termasuk menanggung subsidi yang terlalu tinggi. Kita juga yakin dengan sokongan kerajaan terhadap usaha ini akan membantu PKNS supaya dapat bersaing dengan pemaju-pemaju lain dalam industri pembinaan. Y.B. Puan Speaker Duli Maha Mulia Tuanku juga telah menyentuh dalam titah berhubung isu Tanah Rizab Melayu. Saya menyambung baik nasihat Tuanku supaya Kerajaan Negeri memelihara Tanah Rizab Melayu. Saya yakin Y.A.B. Dato' Menteri Besar Kerajaan Negeri akan mematuhi peruntukkan perlembagaan berkenaan Tanah Rizab Melayu selaras dengan prinsip *rule of law* dan semangat perlembagaan. Namun saya juga bertanggungjawab untuk membawa dalam Dewan Yang Mulia ini tentang siapakah yang telah mengkhianati tanah-tanah Tanah Rizab Melayu sebelum ini. Y.B. Puan Speaker saya ingin menarik pandangan Dewan kepada satu kes di kawasan Parlimen Gombak di dalam Dewan Undangan Hulu Kelang terdapat lebih 100 ekar tanah di bawah kategori Tanah Rizab Melayu di Sg. Sering Hulu Kelang tetapi pentadbiran yang lalu sebelum tahun 2008 telah merampas 76 hektar Tanah Rizab Melayu di Sg. Sering Hulu Kelang dan menyerahkan serta memindah milik daripada Tanah Rizab Melayu kepada Syarikat Transcity Development Sdn. Bhd. Tanpa sebarang gantian tanah di kawasan-kawasan yang lain. Syarikat Transcity Development Sdn. Bhd telah gagal membangunkan tanah berkenaan dan juga berdegil untuk menjelaskan bayaran premium tanah biar pun status tanah tersebut telah ditukar. *Alhamdulillah* setelah Pakatan Rakyat mengambil alih tampuk Kerajaan Negeri Selangor Y.A.M. Dato' Menteri Besar telah meneliti kes ini dan mengambil keputusan merampas semula keseluruhan tanah tersebut dan mengembalikan status tersebut Tanah Rizab Melayu. Ini membuktikan bahawa UMNO dan Barisan Nasional apabila diberikan kuasa telah dikhianati dan mencabuli kepentingan orang-orang Melayu di Negeri Selangor.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Puan Speaker

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Setia ingin mencelah.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Adakah Y.B. Bukit Antarabangsa sedar ada satu lagi kes yang dimohon secara langsung oleh UMNO Bahagian Puchong malangnya Ketua Pembangkang tidak hadir pada hari ini. UMNO Bahagian Puchong mohon untuk menjual tanah yang dimiliki oleh mereka kepada sebuah syarikat bukan Melayu lagi Gemilang Transcity Development Sdn. Bhd di atas tapak Rizab Melayu pada tahun 2010 tetapi telah ditolak oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Sri Muda yang berkongsi maaf Seri Setia yang berkongsi maklumat. Saya memberi satu contoh apa yang berlaku dalam kawasan saya perkara ini penting untuk kita kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini dengan fakta yang begitu jelas supaya rakyat tidak keliru kerana di luar sana pada usaha untuk mendabik dada kerana mereka pejuang-pejuang Melayu, Ketuhanan Melayu, IMR (Institute Of Medical Research) saya tidak tahu lah, JATI ini semua sandiwara apabila diberikan kuasa mereka lah merampas hak-hak orang Melayu dan perkara ini saya minta Kerajaan Negeri harus memaklumkan terus kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa Pakatan Rakyat berikrar bahawa kita akan terus menjaga hak dan kepentingan orang-orang Melayu di dalam negeri Selangor ini tanpa mengorbankan kepentingan dan kaum-kaum yang lain yang ada di dalam negeri Selangor. Satu lagi amalan yang sering dilakukan oleh UMNO dalam menguruskan Tanah Rizab Melayu ialah dengan menukar Tanah Rizab di kawasan Bandar dengan tanah di kawasan luar bandar yang bernilai jauh lebih rendah daripada harga tanah rizab yang asal. Hari ini menyebabkan Tanah Rizab Melayu di negeri Selangor susut nilainya dan memberi impak kepada nilai orang-orang Melayu di negeri Selangor. Inilah amalan khianat UMNO kepada orang Melayu di negeri Selangor ketika mentadbir di negeri ini.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sri Muda ingin mencelah.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Bukit Antarabangsa kerana memberikan laluan untuk mencelah. Saya tertarik dengan Y.B. Bukit Antarabangsa yang memberi satu contoh bagaimana berlaku penyelewengan di penyalahgunaan kuasa di Gombak. Dan sebentar tadi Seri Setia menyebutkan penyelewengan yang cuba dilakukan UMNO Bahagian Puchong yang mana mereka cuma menjual 1 lot tanah kepada sebuah syarikat bukan Melayu sedangkan tanah yang mereka dapatkan itu adalah Tanah Rizab Melayu. Saya ingin berkongsi maklumat bukan itu sahaja saya ingin tambah satu lagi bagaimana UMNO menyalahkan kuasa mereka di mana mereka juga memohon 1 lot tanah di Lot 18908 di Seksyen 25, Taman Sri Muda, Bukit Kemuning, Mukim Klang, Daerah Klang. Apa yang berlaku ialah tanah yang sepatutnya mereka hanya dapat 3 ekar tetapi oleh kerana kuasa politik berada di tangan orang-orang UMNO dan Barisan Nasional mereka tukar daripada permohonan 3 ekar menjadi 4 ekar ini satu lagi bentuk penyelewengan dan mereka tidak membayar cukai tanah. Cukai tanah tidak bayar, cukai pintu tidak bayar yang mana tanah ini sebelum ini adalah milik sebuah syarikat yang bernama Nexstar Sdn Bhd. Yang dirampas dikembalikan kepada Kerajaan Negeri apabila tidak membayar premium

tanah berjumlah RM480,000 tetapi apabila diserahkan kepada UMNO mereka hanya membayar sebanyak lebih kurang RM50,000, RM48,000. Jadi di sini menunjukkan bahawa UMNO ini tidak patut lagi diberi peluang. Saya hendak minta komen Yang Berhormat apa yang sepatutnya kita lakukan kepada penyalahgunaan kuasa ini. Adakah perlu kita ke Putrajaya dulu buat perubahan saya minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih Sri Muda saya dengan penuh rasa keinsafan dan beristighfar kepada Allah S.W.T kita kena kerja kuat seperti yang saya nyatakan tadi UMNO ini patut kita talkin kan dalam Pilihan Raya Umum yang akan datang *insya-Allah*. Banyak contoh yang boleh kita berikan sebab itu jangan disangka dan dituduh Pakatan Rakyat mengkhianati. Pakatan Rakyat bukti tidak menyalahkan mandat diberikan oleh rakyat. Oleh itu saya mencadangkan Kerajaan Negeri dapat merangka satu pelan strategik pengurusan Tanah Rizab Melayu supaya dapat membangunkan secara tersusun dan terpelihara supaya terus menjaga status tanah kepentingan generasi yang akan datang. Selain daripada penyelewengan Tanah-tanah Rizab Melayu baru-baru ini Kerajaan Negeri melalui SELCAT telah memanggil Yayasan Selangor untuk memberi keterangan dalam pendengaran awam tentang pengurusan Yayasan Selangor sebelum tahun 2008 dan setelah Pakatan Rakyat mengambil alih. SELCAT dikejutkan dengan statistik angka yang menunjukkan penyelewengan dan pengkhianatan pentadbiran yang lalu termasuk di dalam pengurusan Yayasan Selangor yang telah memberi kesan yang begitu besar di mana jumlah ketirisan Aset Yayasan Selangor daripada tahun 1991 hingga Mac 2008 mencecah angka hampir RM600,000. Saya memberi contoh di sini pembangunan tanah di Jalan Lapangan Terbang Subang seluas 32 ekar tanah diberikan kepada Puncak Dana Sdn. Bhd dengan perjanjian 30% daripada GDV adalah milik Yayasan Selangor. Ini bermakna GDV bagi pembangunan di kawasan ini bernilai RM987 juta. Maka Yayasan Selangor berdasarkan 30% GDV harus menerima RM380 juta. Namun sehingga ke hari ini Yayasan Selangor hanya menerima RM120 juta kehilangan sebanyak RM181 juta. Kedua tempat letak kereta yang diberikan kepada Scure Parking Sdn. Bhd. Kadar sewa yang terlalu rendah yang diberikan hanya RM100,000 sebulan sedangkan harta yang kita tawarkan di pasaran terbuka pada hari ini RM350 ribu sebulan. Ini menyebabkan Yayasan Selangor kehilangan RM3 juta. Begitu juga dengan usaha sama pembangunan di Hulu Yam seluas 1.6 ekar yang dibangunkan secara bersama dengan SAP Hulu Yam Sdn. Bhd. GDV dianggarkan bernilai RM80 juta. Maka sewajarnya Yayasan Selangor menerima RM24 juta tetapi sehingga hari ini Yayasan Selangor baru menerima RM7 juta. Panjang senarainya yang membuktikan bagaimana pentadbiran dan pengurusan yang lama telah mengkhianati amanah yang diberikan oleh rakyat maka saya mengucapkan tahniah kepada rakyat Selangor yang mengambil keputusan untuk membawa perubahan dalam pilihan raya yang lepas. Akhirnya YB Puan Speaker, saya ingin merumuskan perbahasan pada petang ini dengan merujuk kepada tokoh reformasi Indonesia yang bernama Amin Rais dalam karyanya bertajuk "Menyembuhkan Bangsa Yang Sakit". Mengupas gagasan reformasi untuk sebuah negara republik yang dilihat sedang sakit. Sakit yang dimaksudkan oleh Amin Rais adalah tadbir urus negara yang dibarahi dengan amalan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kronisme. Sakit ini menurutnya akan terus membarah dalam

masyarakat seterusnya membunuh bangsa Indonesia yang merdeka. Untuk menyembuhkan kesakitan ini Amin Rais mengupas perihal kesatuan rakyat untuk membawa perubahan dan melawan barah yang kian meresap ke dalam tubuh bangsa Indonesia. Ini mengingatkan saya kepada kesatuan hati dan iltizam. Rakyat negeri Selangor pelbagai kaum, Melayu, Cina dan India yang bangkit melawan kesakitan yang turut membarah dalam pentadbiran Kerajaan di bawah pentadbiran UMNO. Amalan rasuah, kronisme, penyelewengan dan salah guna kuasa adalah mala petaka yang harus ditentang habis-habisan demi kesejahteraan seluruh rakyat negeri ini. Dengan asas inilah kemenangan rakyat pada 8 Mac 2008 harus dipertahankan dan dilanjutkan demi rakyat khususnya di negeri Selangor. Kita bersyukur kerana menurut laporan kaji selidik yang dibuat oleh badan Penyelidik Profesional Merdeka *Center* mendapati sebanyak 60% rakyat negeri Selangor menyatakan bahawa pentadbiran hari ini berada pada landasan yang tepat dan betul. Dan 64% rakyat berpuas hati dengan pentadbiran YAB Dato' Menteri Besar dan kerajaan Pakatan Rakyat hari ini. Malahan sokongan masyarakat Melayu terus meningkat melebihi 60% sementara sokongan bagi masyarakat Cina dan India sudah mencecah 70% di negeri Selangor. Ditambah lagi dengan kenyataan Tun Daim Zainuddin bekas Menteri Kewangan, Bendahari UMNO orang kuat UMNO dalam wawancara dengan akhbar Sin Chiew Daily bertarikh 15 Mac 2012 yang antara lain menyatakan di mana amat sukar untuk UMNO merampas kembali negeri Selangor yang tampil dengan imej sebuah kerajaan yang berintegriti. Ini jelas menjadi kekusaran UMNO yang tidak dapat menandingi keupayaan pentadbiran ini biar pun baru berusia 4 tahun. Terbukti sekiranya Selangor, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dapat ditadbir dengan baik oleh pakatan nescaya.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Puan Speaker, Terima kasih Bukit Antarabangsa menyatakan bahawa 64% rakyat berpuas hati dengan pemerintahan negeri Selangor bererti 36% tidak puas hati. Apakah agaknya yang 36% ini yang mengisi negeri Selangor yang tidak puas hati, bagaimana kita hendak mengatasi supaya peratus ini dapat meningkat lebih tinggi dari segi kepercayaan, terima kasih.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Itu kita tunggu EXCO jawab dalam sesi penggulangan tapi tidak semestinya 36% tidak berpuas hati, ada juga yang berada di atas pagar yang 64% ini yang *solid*, yakin bahawa YAB. Dato' Menteri Besar dan Pakatan Rakyat telah mentadbir dengan baik dan amanah di negeri Selangor. Kemudian saya sentuh tadi bahawa sekiranya Selangor, Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan telah menunjukkan prestasi yang baik termasuk apa yang dilaporkan dalam laporan Ketua Audit Negara saya percaya *insya-Allah*, Pakatan Rakyat akan dapat sampai ke Putrajaya dalam Pilihan Raya Umum yang ke 13 ini. Saya yakin kejayaan yang dikecapi hari ini adalah natijah daripada kejituan semangat dan kesedaran rakyat untuk berubah dan saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun,

Gagasan reformasi semangat baru,
ketuanan rakyat kita martabatkan,
Rakyat sejahtera negeri maju,
Kemenangan rakyat kita lanjutkan.

Terima kasih, YB Puan Speaker.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW: Puan Speaker:

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Hannah Yeoh, silap, Subang Jaya.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW: Terima kasih Puan Speaker kerana memberi peluang kepada Subang Jaya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Saya mulakan dengan ucapan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri atas kepimpinan cemerlang dalam peningkatan simpanan rizab negeri kepada RM1.9 bilion. Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah menyarankan supaya demi kebajikan negeri dan rakyat Kerajaan Negeri perlu mengutip hasil dan menyimpan rizab yang sewajarnya untuk kegunaan semasa kecemasan. Peningkatan simpanan rizab hanya boleh berlaku kerana adanya pentadbiran yang lebih berhemah, cekap dan telus. Dan ini Bukit Antarabangsa telah menyebutkan tadi saya akan menyebutkan lagi namun demikian simpanan rizab ini tidak mempunyai makna jika faedahnya tidak diterjemahkan kepada akar umbi penduduk negeri Selangor. Oleh itu saya cadangkan dan saya menyeru supaya Kerajaan Negeri menyalurkan beberapa juta setiap PBT khas untuk pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur. Di DUN Subang Jaya yang mempunyai bilangan penduduk yang sangat tinggi. Setiap kali kita mengadakan perjumpaan bersama penduduk mereka sentiasa mempunyai satu permintaan yang konsisten iaitu isu penurunan jalan dan permintaan ini waktu sekarang ini tidak boleh ditunaikan kerana peruntukkan di MPSJ yang tidak mencukupi. Peruntukkan tahunan MARRIS pula tidak mencukupi. Saya difahamkan DUN Subang Jaya mempunyai panjang jalan hampir 195 kilometer dan bajet pembangunan MPSJ untuk tahun ini hanya RM600,000 dan bajet *maintenance* hanya lebih kurang RM800,000. Ini benar-benar tidak mencukupi. Oleh itu saya mohon terutamanya untuk PBT yang meliputi kawasan bandar dan mempunyai jumlah trafik yang sangat tinggi supaya Kerajaan Negeri membantu menambahkan lagi dua kali ganda peruntukkan MARRIS setiap tahun.

Keduanya, pembangunan infrastruktur sangat penting terutamanya apabila ia menyentuh isu keselamatan penduduk tidak harus diberi alasan tiada bajet. Saya bagi satu contoh khas pembinaan jejantas di Persiaran Tujuan untuk para pelajar SK USJ 13 telah diminta sejak tahun 2008. Setiap tahun saya diberitahu tiada bajet. Persiaran 7 ini satu jalan utama di DUN Subang Jaya dan ini kali kedua saya bangkitkan di Sidang Dewan. Saya berharap sungguh jejantas ini akan dibina dalam masa terdekat. Kalau boleh bulan depan kerana keselamatan para pelajar mesti diutamakan. Saya mahu satu jawapan daripada Kerajaan Negeri atau PBT mengenai tarikh pelaksanaan pembinaan jejantas ini.

Ketiga, masalah kesesakan jalan raya. Saya ingin meminta status *slip road* ke lebuh raya KESAS yang telah disyaratkan oleh pihak MMKN terhadap pembukaan jambatan yang menghubungkan Batu Tiga - USJ Height ke Persiaran Setia ke USJ 3A, B, C dan D. Syarat ini belum dikecualikan. Saya juga meminta MPSJ mencari satu jalan keluar

terus ke lebuhraya PLUS untuk lori-lori dari kawasan Taman Perindustrian SIME UEP. Persiaran Tujuan dan Persiaran Setia sudah tidak sesuai untuk menampung kegunaan kenderaan-kenderaan berat ini.

Keempatnya, saya juga ingin meminta supaya Kerajaan Negeri atau MPSJ memperuntukkan satu bajet untuk membina satu *underpass* daya Persiaran Tujuan ke Jalan SS19/6. Buat waktu ini lampu isyarat di simpang SS19 memperlahankan beribu-ribu kenderaan yang melalui Persiaran Tujuan. Saya percaya dengan adanya *underpass* ini kesesakan trafik di Persiaran Tujuan akan dikurangkan dengan mendadak.

Kelima, menyentuh tentang prestasi PBT, saya mengaku sejak 2008 memang ada peningkatan prestasi servis pada penduduk tetapi masih ada banyak ruang untuk diperbaiki. Salah satu cara untuk menambah baik servis ialah membuka lebih banyak kaunter terutamanya kaunter untuk pembayaran cukai dan lesen. Pada bulan Disember yang lalu saya telah pergi ke satu PBT untuk melihat dengan sendiri *queue* untuk pembayaran di kaunter. Saya faham PBT mahu menggalakkan pembayaran *on-line* tetapi saya melihat *queue* ini memang terlalu panjang dan bukan semua kaunter dibuka. Saya mendapatkan nombor dan sebelum nombor saya ada lagi 300 orang yang sedang menunggu untuk membayar hasil kepada PBT tersebut. Oleh itu saya meminta pihak EXCO mengambil berat masalah ini dan saya percaya ini senang untuk diatasi. Servis dengan senyuman, kita ada kempen senyum. Biar penduduk yang membayar dengan gembira.

Keenam, Tuan Speaker, Puan Speaker, maaf, saya mahu bangkitkan isu pekerja kontraktor pembersihan untuk semua PBT. Ramai kontraktor mengupah pekerja asing dan saya telah diberitahu ada daripada kalangan mereka yang tidak dibayar setiap bulan. Enam daripada mereka datang berjumpa dengan saya. Ada yang tidak mempunyai wang untuk membeli makanan. Oleh itu saya meminta EXCO yang memantau *Anti Human Trafficking Committee* dengan izin di semua PBT untuk menjalankan fungsi mereka supaya mempunyai satu proses pembayaran yang boleh mempertahankan hak asasi pekerja-pekerja golongan ini. Kerja pembersihan dan pengutipan sampah sekarang ini di bawah pentadbiran PBT dan negeri. Kita mesti melaksanakan komitmen kita untuk membanteras aktiviti memperdagangkan manusia.

Nombor tujuh, pelantikan ahli majlis. Saya tidak faham kenapa sudah empat tahun kita mentadbir negeri namun setiap kali pelantikan ahli majlis ditunda dan senarai yang tidak lengkap. Kuota NGO 30% juga mesti dipelihara dan bukan diambil oleh wakil politik. Saya masih ditanya oleh penduduk sekarang bila senarai lengkap akan dikeluarkan. Saya meminta Kerajaan Negeri memberi satu tarikh untuk makluman penduduk.

Nombor lapan, isu banjir. Baru-baru ini satu projek Kondominium One Avenue di USJ 1 telah mengalami banjir di *basement* tempat letak kereta mereka dan 346 kereta kosak akibat banjir tersebut. Saya telah melawat tapak bersama MPSJ dan Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor dan syabas kepada JPS yang telah membuat kerja korekan supaya anak sungai penaga mempunyai kapasiti menampung yang lebih

tinggi. Saya telah menulis surat kepada JPS dan saya meminta JPS memasang satu sistem amaran untuk penduduk USJ 1 supaya jika paras air naik sekali lagi semasa hujan lebat para penduduk boleh membuat persiapan meninggalkan tempat tersebut. Saya berharap saya boleh mendapat satu maklum balas mengenai permintaan ini kerana ini penting untuk mengelakkan kerosakan harta dan kehilangan nyawa. Lebih baik mencegah daripada merawat.

Kes ke sembilan Klinik Kesihatan di Subang Jaya. Saya tanya kepada Jabatan Kesihatan Selangor atas status pembinaan Klinik Kesihatan Awam di USJ 1. MPSJ telah pun meluluskan tapak tanah di USJ 1/33. Lawatan tapak telah saya jalankan bersama Pegawai Kesihatan, Jabatan Kesihatan Selangor. Namun masih tiada maklum balas daripada Jabatan Kesihatan Selangor.

Kes kesepuluh, Kementerian Pelajaran sabotaj keinginan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi masalah kekurangan Sekolah Cina di Puchong dan di Selangor. Subang Jaya mengucapkan terima kasih kepada MMKN EXCO yang telah meluluskan permohonan tanah lot 65678 dan 65766 di Taman Tasik Prima Puchong bagi pembinaan SJKC Yak Chee (2) dan SMJK Katholik (2) dan sekolah kanak-kanak Autisme. Tanah rizab sekolah tersebut masih belum dipohon oleh JKPTG (pihak kerajaan persekutuan) dan masih di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Pada 30 September 2011, Kerajaan Negeri Selangor telah menulis surat kepada Kementerian Pelajaran menyatakan sokongan Kerajaan Negeri Selangor terhadap permohonan Lembaga Pengurusan dua sekolah ini SJKC Yak Chee dan SMJK Katolik untuk membina dua sekolah ini untuk membina cawangan sekolah di Taman Tasik Prima Puchong dan memohon kementerian untuk mengeluarkan permit kepada kedua-dua sekolah tersebut. Kesalnya, Kementerian Pelajaran Malaysia menjawab Kerajaan Negeri Selangor dalam surat bertarikh 25 November 2011 dengan menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memutuskan untuk mengekalkan tanah rizab pendidikan yang berkeluasan 13 ekar sebagai tapak SK dan SMK Taman Prima Puchong, jadi KPM tidak dapat mempertimbangkan cadangan Kerajaan Negeri Selangor.

Pada 28 Februari tahun ini, KPM malah memohon tanah rizab sekolah di Tasik Prima Puchong tersebut walaupun Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan kedua-dua lot tanah tersebut kepada kedua-dua sekolah. Memandangkan tanah rizab sekolah di Taman Tasik Prima Puchong masih tertakluk di bawah Kerajaan Negeri Selangor, KPM memang tidak berhak untuk menentukan kegunaan tanah rizab sekolah tersebut. Cara KPM membuat permohonan di tanah rizab sekolah yang sama tersebut menunjukkan bahawa KPM memang tidak berhasrat untuk menyelesaikan masalah kekurangan sekolah Cina di kawasan Puchong dan negeri Selangor, tetapi sebaliknya mereka memang ingin sabotaj usaha Kerajaan Selangor untuk mengatasi masalah tersebut.

Saya bangkitkan di sini supaya penduduk negeri Selangor tidak mempercayai pembohongan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran untuk

membantu sekolah Cina dan sesungguhnya Kerajaan Negeri ikhlas dalam pemberian bantuan kepada sekolah-sekolah di negeri Selangor.

Saya berharap Kerajaan Negeri tidak tunduk kepada sabotaj Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Negeri harus berpegang teguh dengan keputusan memberikan tanah tersebut kepada SJKC Cina, SMJK Katholik dan sekolah kanak-kanak autisme. Jangan benarkan Kementerian Pendidikan menjadikan ini isu perkauman kerana ini satu masalah kekurangan *facility* sahaja.

Akhir sekali, saya nak bangkitkan satu lagi skim pembohongan yang telah dipaparkan dalam *Blog Cybertrooper* Barisan Nasional. Artikel dalam *blog* tersebut mengandungi gambar *voucher* yang dieja dengan salah baucar mereka eja RM1,000 yang bakal dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Mereka mengatakan skim ini skim baru Kerajaan Negeri Selangor “SKIM KESEJAHTERAAN RAKYAT SELANGOR” dan *voucher* ini dikatakan dalam *blog* tersebut semat-mata menandingi “BANTUAN RAKYAT 1 MALAYSIA” BRIM yang diagihkan oleh Kerajaan Persekutuan. Yang paling teruk dan paling serius Logo Selangorku, logo Kerajaan Negeri Selangor dan logo ketiga-tiga Parti Politik PKR, DAP dan PAS digunakan tanpa kebenaran parti masing-masing. Tiga-tiga logo ini telah dicetak atas *voucher* tersebut.

Saya telah sahkan perkara ini dengan ahli-ahli EXCO dan mereka mengatakan ini bukan skim Kerajaan Negeri. Ini menunjukkan betapa desaknya Barisan Nasional untuk menawan Selangor. Adakah ini salah satu taktik murah Perdana Menteri kita yang telah banyak kali mendorong ahli-ahlinya “*to win Selangor at all costs and to win back with whatever weapon at their disposal*” dengan menggunakan fitnah, skim pembohongan untuk menipu dan mengelirukan rakyat Selangor.

Bukan ini sahaja, saya diberitahu ada ADUN yang disabotaj Jom *Shopping* mereka. Penduduk mendapat panggilan telefon daripada orang yang tidak dikenali untuk pergi Jom *Shopping* bersama-sama ADUN dan ini bukan di bawah senarai mereka yang ADUN telah tentukan. Kita juga dapat SMS, berita palsu mengenai pelbagai skim di negeri Selangor untuk menipu penduduk dan membuat mereka marah terhadap Kerajaan Negeri Selangor. Jadi saya menggesa Kerajaan Negeri Selangor menyiasat perkara ini dan jika perlu, melaporkan kes ini kepada pihak polis. Terima kasih.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI IDRUS: Puan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Setia.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Puan Speaker, Seri Setia mohon untuk turut serta dalam Perbahasan Menjunjung Kasih Ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Ucapan Baginda, Baginda telah mengingatkan adalah kita semua berbahas secara rasional dan tertib bukan emosi mengutamakan rakyat bukan parti dengan tujuan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri dan Perlembagaan Persekutuan. Malangnya kita menyaksikan beberapa insiden politik fitnah dan samseng di akhir-akhir ini yang bertentangan dengan semangat demokrasi Negara.

Media-media harus Perdana kita memaparkan bahan-bahan lucah termasuk kepada anak-anak, video-video lucah di edar termasuk berkulitkan gambar Tuan Guru Aziz Nik Mat misalnya. pemimpin-pemimpin pembangkang telah diserang oleh samseng apabila turun ke Majlis Penerangan di seluruh Negara. Padi tadi kita juga mendengar Sungai Pelek telah membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan SJKC. Pertama kononnya peranan Yang Berhormat Ketua Umum Dato' Seri Anwar Ibrahim di dalam protes masyarakat Cina tak nak cambolan terhadap SJKC pada tahun 1987. Lupakah beliau pada tahun itu selaku Ketua Pemuda UMNO Dato' Seri Najib Tun Razak telah memberi amaran untuk menghadapi keris bermandikan darah Cina terhadap semua masyarakat yang menentang dasar kerajaan pada waktu itu. Juga adakah Sungai Pelek tidak sedar nak cakap dengan Sungai Pelek pun susah sebab dia pun tak ada. Jika adakah Sungai Pelek tidak sedar kenyataan yang dirakamkan oleh video yang dibuat Dato' Seri Najib Tun Razak pada 15 Mei 2010 pada pilihan raya kecil Sibul.

Bagi mengatasi masalah banjir yang telah di bawah oleh penduduk disana dengan izin *Can we have a deal or not, can we have an understanding or not. You help me I help you. It is quite simple* bayangkan kenyataan sebegini dibuat oleh seorang Perdana Menteri dan Presiden Parti. Oh nampaknya Sungai Pelek dah hadir. Terima kasih.

Datuk Seri Najib yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO Selangor telah meletakkan Selangor sebagai Negeri barisan hadapan untuk di tawan Barisan Nasional dalam Pilihan raya Umum akan datang. Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Subang Jaya sebenar tadi segala taktik akan digunakan sehinggalah penciptaan *voucer* tadi. Patutlah saya pun dapat panggilan dari penduduk di kawasan saya bertanyakan *voucer* RM1,000. Rupanya baru hari ini saya tahu apakah sebab menerima panggilan tersebut. Termasuk strategi yang digunakan oleh Pembangkang atau Kerajaan Pusat untuk menjatuhkan Kerajaan Negeri Selangor. Kita lihat di dalam beberapa perkara ajaib yang berlaku di dalam daftar pemilih raya Selangor. Di kawasan DUN Seri Setia sendiri misalnya pengundi yang beralamat di Kampung Saujana yang terletak di DUN Seri Setia Parlimen Kelana Jaya tanpa pengetahuan mereka telah dipindahkan ke DUN Kota Damansara dan Parlimen Subang. Ini bertentangan dengan Undang-undang Pilihan raya kerana alamat kad pengenalan mereka sendiri masih terletak dalam kawasan Parlimen Kelana Jaya. Malah terbaru yang mendapati Yang Amat Berhormat Ijok sendiri telah dipindahkan bayangkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dipindahkan daripada mengundi di Kuala Selangor ke Parlimen Lembah Pantai tanpa pengetahuannya juga.

Rakyat sebenarnya Tuan Speaker sudah bergerak ke hadapan, malangnya pimpinan Barisan Nasional dan kunci-kunci mereka nampaknya masih terperangkap dalam Politik usang dan mahu mencabul semangat demokrasi yang ada. Hairan sekali apabila dalam bab ini pejuang yang dapat mempertahankan Melayu Islam tak sentuh langsung pula, mungkin mereka kena belajar adat baktilah. Seri Setia juga mengambil maklum peringatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku tentang tanah rizab Melayu yang telah disentuh beberapa pihak sebentar tadi. Saya masih ingat beberapa hari yang lalu dalam Perbahasan yang ada di dalam Dewan ini pihak Pembangkang telah mencabar kita untuk membawa bukti dan dalam pada hari ini kita telah mendedahkan beberapa

bukti yang telah saya sebut penggadaian tanah rizab Melayu yang telah dibuat oleh UMNO Bahagian Puchong, pemohon pindah milik UMNO Bahagian Puchong. Penerima pindah milik lagi Gemilang Sdn. Bhd. yang mana dalam SSM telah mendapati ia merupakan Syarikat bukan bumiputera. Syor pentadbir tanah ditolak kerana demi mengekalkan kuota bumiputera dan ini telah disokong dan diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Ijok bertarikh 25 Januari 2010. Jelas sekali Yang Berhormat-yang Berhormat Sekalian penyelewengan yang berlaku

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta laluan sedikit. Saya khusyuk dengar apa tentang tanah-tanah yang penyelewengan tanah yang dilakukan oleh UMNO Barisan Nasional. Di sini saya nak tanya adakah Yang Berhormat Seri Setia tahu ada sekeping tanah satu lot tanah di Tanjong Karang Lot 115 yang diberikan kepada UMNO dan telah dijual. Adakah Yang Berhormat sedar perkara ini telah berlaku?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih atas maklumat Sekinchan sebab banyak sangat lot tanah sampai saya pun tak terkira. Yang lebih menakjubkan kita tengok dia berlaku di Tanjong Karang tempat Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO berlaku di kawasan Seri Serdang UMNO Bahagian Puchong yang merupakan Ketua Bahagian, Ketua Pembangkang malangnya dia pun tak hadir pada petang ini. Jadi kita lihat perkara ini berlaku secara berterusan pada zaman UMNO Barisan Nasional dan hari ini telah berjaya dihalang oleh Kerajaan Pakatan Rakyat yang ada.

Yang Berhormat-yang Berhormat Sekalian, jika pada pilihanraya umum ke-12 dahulu Yang Berhormat Sungai Panjang meletakkan objektif pembangkang sifar namun rakyat dengan izin Allah S.W.T. telah buktikan sebaliknya Keadilan, PAS dan DAP telah membentuk Kerajaan Negeri yang kini telah mencapai umur 4 tahun dan boleh berbangga dengan pelbagai pencapaian yang dibuat untuk rakyat demi rakyat. Kita semua maklum tentang program Merakyatkan Ekonomi Selangor meskipun dasar-dasar seperti pemberian air percuma, tabung warisan anak Selangor dan Skim Mesra Usia Emas diserang oleh Barisan Nasional kerana pada hakikatnya dasar-dasar yang mengagihkan negeri untuk rakyat tersebut tidak terbayang oleh BN sebelum ini. Namun akhirnya kita lihat mereka mencontohi dan meniplak dasar-dasar tersebut. Kita lihat contohnya ialah pemberian bil elektrik percuma di bawah RM20 dan bantuan Rakyat 1M adalah gula-gula yang hanya dibuat selepas melihat impak program merakyatkan ekonomi Negeri Selangor. Bezanya jika bantuan rakyat 1M dibuat secara *one off* menjelang pilihan raya Program MES atau Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor diperkenalkan pada 100 hari selepas Kerajaan Pakatan Rakyat dibentuk di Negeri Selangor. 100 hari bukan kita pergi cari projek, bukan kita pergi cari tanah tapi kita cari bagaimana kita nak agihkan hasil kekayaan kepada rakyat. Tidak beberapa lama dahulu pimpinan BN sering nyatakan bahawa hanya mereka yang mampu membawa pembangunan hanya BN yang mampu mewakili Masyarakat Pelbagai Kaum. Namun pencapaian Pakatan Rakyat khususnya di Selangor, Negeri paling maju di negara telah membuktikan benar-benar meleset. Menurut seorang Sarjana Dr. Wee Kee Bing saya memetik kata-katanya pada 5 buah negeri yang dimenangi oleh Pakatan

Rakyat pada Mac 2008 Selangor adalah kes yang mempunyai kes nilai *significant* yang agak berbeza mengambil kira Selangor sebagai Pusat Pembangunan Ekonomi tumpuan *demographic* pembangunan hubungan antara kaum dan minat kepada politik. Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan adalah negeri-negeri yang tidak menggambarkan ciri-ciri Nasional dan Perak tidak membawa makna ekonomi. Lebih penting lagi pencapaian di Selangor juga meliputi kejayaan Institusi bukan material semata-mata sebagaimana dibuktikan dengan adanya Enakmen Kebebasan Maklumat dan penghidupan Jawatankuasa-jawatankuasa terpilih di dalam Dewan khususnya SELCAT. Saya tak faham kenapa pihak Pembangkang bermati-matian nak berlawan institusi-institusi ini sebab sekiranya mereka faham dan tahu menggunakan Institusi ini ialah senjata paling utama yang mereka boleh gunakan untuk memastikan bertanggung jawaban Kerajaan Negeri kepada rakyat.

Tuan Speaker, Seri Setia ingin juga membangkitkan beberapa isu, isu setempat di DUN Seri Setia. Isu sampah telah mendapat perhatian yang cukup lewat daripada media-media Perdana. Sebenarnya banyak masalah ini diperbesar-besarkan kalau kita tengok aduan rakyat seolah-olah masalah hanya ada di negeri-negeri di Pakatan Rakyat. Negeri-negeri lain tak ada aduan rakyat, tetapi kita tidak dapat nafikan ada beberapa masalah sebenar yang wujud. Dan ini wujud termasuk di DUN Seri Setia. Antara rungutan yang diperolehi oleh Seri Setia daripada Pihak Berkuasa Tempatan apabila saya sendiri menyampaikan aduan sampah kepada mereka ialah tentang masalah pusat pelupusan sampah yang tidak di buka 24 jam tujuh hari seminggu. Saya meminta Kerajaan Negeri menilai perkara ini kerana kesannya meski pun kontraktor mengutip sampah mereka terpaksa menunggu masa yang lama untuk membuang sampah di pusat pelupusan sampah. Bagi kontraktor yang tidak bertanggungjawab inilah alasan yang mereka gunakan untuk membuang sampah di tempat-tempat lain. Saya berharap perkara ini segera diambil tindakan.

Satu lagi isu ialah masalah kesesakan lalu lintas, saya berjiran dengan Subang Jaya dan memang ini antara isu utama yang kami hadapi tiap-tiap hari. Seri Setia menghadapi kesesakan khususnya di Lebuh raya Persekutuan dan Lebuh raya Damansara Puchong LDP. Kawasan Seri Setia juga berhadapan dengan pembangunan yang cukup hebat seperti projek *Paradise Icon City* dan lain-lain lagi yang bakal tiba selain daripada projek yang pun ada. Selepas Pakatan Rakyat mengambil alih MPPJ telah memperkenalkan bas komuniti bagi rakyat namun Seri Setia difahamkan penggunaan bas komuniti masih lagi belum mencapai optimum. Seri Setia juga di dalam perbincangan PKNS difahamkan ada rancangan PKNS untuk memperkenalkan sistem pengangkutan bas transit bersama pemaju-pemaju di beberapa kawasan yang tertentu di Petaling Jaya. Justeru Seri Setia berharap Kerajaan Negeri dapat mempertemukan PKNS dan MPPJ agar mereka dapat menggabungkan idea bas komuniti dan bas transit ini untuk menjadi satu sistem bas awam yang diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi seluruh kawasan Petaling Jaya.

Yang Berhormat-yang Berhormat Sekalian, Yang Mulia Tengku Abidin Tuanku M.... pernah menulis bahawa meski pun Malaysia merupakan satu-satu Negara Persekutuan di rantau ini. Namun, pada realitinya semakin kuasa yang ditumpukan pada Kerajaan

Pusat berbeza berbanding dengan negara-negara jiran. Justeru amat bertepatan sekali untuk Yang Amat Berhormat Ijok dan Kerajaan Negeri secara konsisten membangkitkan isu menghidupkan semangat Federalisma sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan Negara. Pembahagian kuasa-kuasa di dalam Perlembagaan antara senarai Persekutuan, senarai Negeri dan senarai bersama menggambarkan keadaan negara sewaktu merdeka. Namun selepas lebih 50 tahun merdeka, sewajarnya semua pihak membincangkan semula senarai-senarai ini. Kuasa-kuasa seperti polis, pendidikan dan pengangkutan awam yang lazimnya diletakkan pada kerajaan tempatan atau negeri di negara-negara lain masih merupakan di dalam senarai persekutuan di Malaysia. Negara Jerman, misalnya, telah memperkenalkan revolusi pendidikan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri pada tahun 2006, di mana kuasa pendidikan diberi khusus kepada Kerajaan Negeri. Kesannya wujud persaingan antara-negeri di Jerman untuk mengekalkan guru dan pelajar terbaik sekali gus meningkatkan pelaburan di dalam sektor pendidikan yang memberi manfaat kepada seluruh negara.

Antara syor Yang Amat Berhormat Ijok yang boleh guna pakai ialah Penubuhan Suruhanjaya Pemberian Geran sebagaimana diamalkan di negara-negara persekutuan Komanwel yang lain seperti Australia dan Kanada. Penubuhan suruhanjaya ini membolehkan agar setiap negeri menerima peruntukan yang ada pada kerajaan pusat berdasarkan kedudukan ekonomi, bilangan penduduk, keluasan kawasan dan sebagainya. Kita tak mahu jadi macam Kelantan, ada minyak tapi sebab bukan parti yang sama yang memerintah, walaupun 90% Melayu Islam, tak dapat royalti minyak. Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga telah menyeru agar perbezaan pandangan politik tidak menghalang usaha-usaha murni untuk kebajikan seluruh rakyat Selangor. Namun amalan penubuhan Jawatankuasa Kemajuan Kampung Pusat (JKKP) yang membayangi JKKK Kerajaan Negeri membuktikan kegagalan BN untuk berbuat demikian. Seri Setia juga berharap pihak Pembangkang dapat turut sama menyokong usaha ini kerana apabila Pakatan Rakyat membentuk kerajaan pusat kelak, negeri-negeri BN juga tidak mahu di diskriminasikan sebagaimana negeri-negeri bukan BN sebelum ini. Justeru dengan itu Seri Setia mohon mencadang. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih, Seri Setia.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Tuan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih, Timbalan Speaker, ahli-ahli Kabinet Kerajaan, rakan-rakan Ahli Dewan, BBC dan juga pembangkang. Batu Caves mengucapkan ribuan terima kasih, dijangkakan Sidang Dewan terakhir sebelum pilihan raya yang ke 13 ini, sekali lagi Batu Caves dapat bersuara dan menyampaikan hasrat rakyat di Batu Caves, apatah lagi diberikan penghormatan sekali lagi untuk sama-sama membahaskan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena dengan pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan yang sedang berlangsung sekarang.

Alhamdulillah, Batu Caves mengucapkan ribuan tahniah dan penghargaan di atas keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam melihat kepentingan pembangunan negeri Selangor yang secara menyeluruh di samping beberapa penekanan yang telah disampaikan oleh baginda terhadap kepentingan kepada seluruh rakyat di negeri Selangor. Ahli-ahli Dewan negeri Selangor menggunakan segala kesempatan yang ada untuk membincangkan kepentingan-kepentingan negeri kita dan seterusnya memberi impak kepada pembangunan negara secara keseluruhannya. Alhamdulillah nampak dengan jelas Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam titah beliau atau titah baginda mengingatkan peri pentingnya penggunaan Dewan, peri pentingnya Dewan ini dimanfaatkan sebaik mungkin bagi kita memperoleh manfaat dan membincangkan dengan kaedah yang berhemah, membincangkan dengan penuh intelek dan seterusnya mampu mengangkat martabat Dewan yang kita panggil sebagai Dewan yang mulia.

Puan Timbalan Speaker dan seluruh ahli Dewan yang mulia. Selepas tahun 2008 kita di Malaysia terutamanya di negeri Selangor berdepan dengan sedikit apa yang disentuh oleh Seri Setia tadi iaitu bebanan untuk berdepan mempertahankan sistem federalisme yang menjadi amalan kepada pembentukan negara Malaysia. Sebenarnya sistem ini bukan baru dibuat pada 1957. Ia telah bermula zaman ketika kolonisasi British iaitu pada tahun 1896, yang merupakan satu perjanjian yang dibuat yang sebelum itu sebelum 1895 seluruh negeri-negeri yang dijajah ataupun di takluk oleh British secara total pada ketika itu ditadbir dan diuruskan dengan secara sistem residen. Bagi memastikan pengurusan serta perjalanan ekonomi di negeri-negeri yang terbabit, maka pada tahun 1896, negeri Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang pada ketika itu kali pertama dalam sejarah Malaysia memperkenalkan apa yang dipanggil sistem federalisma. Setelah perjuangan kemerdekaan yang sangat panjang daripada Tok Janggut, Mat Kilau, Dato' Bahaman. pejuang Melayu nasionalis kiri, pejuang Melayu pejuang Melayu lain, pejuang-pejuang yang lain membentuk negara kita, akhirnya negara Malaysia juga meneruskan sistem federalisme yang mana sedikit sebanyak antara lain sistem federalisma ini memberikan sedikit ruang dan kuasa, khususnya dalam pentadbiran Kerajaan Negeri kepada pengurusan negeri. Sebab itu kita dapat lihat, kalau di sistem persekutuan adanya dua Dewan, adanya pemisahan kuasa eksekutif dan legislatif, coraknya hampir sama di Dewan-dewan negeri dan juga di pentadbiran Kerajaan Negeri yang lain. Ada Dewan Undangan Negeri dan ada eksekutif yang terdiri daripada parti yang memerintah yang terpaksa menjawab dan bertanggungjawab di atas keputusan dan juga perbincangan yang ada di dalam Dewan.

Tuan Speaker, namun begitu selepas kita melalui beberapa detik ini, sehingga masuk tahun keempat ini, kita dapat lihat bahawa sistem federalisma ini telah dicabul dan dirosakkan oleh kerakusan kuasa Barisan Nasional. Ia bukan benda yang baru, negeri Kelantan sebagai contoh, rakan saya Yang Berhormat daripada Seri Setia bangkitkan tadi, berkenaan dengan royalti minyak. Sebelum banyak lagi termasuk penyisihan dan diskriminasi iaitu penghalangan dan juga lambatnya penghantaran geran-geran tahunan wajib yang perlu sampai kepada negeri tersebut.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Minta laluan.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Sila.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Saya tengok Yang Berhormat Batu Caves bercakap ke arah Pembangkang, tapi tinggal Sg. Pelek saja, jadi mungkin lenguh kepala dia untuk bercakap waktu petang ni, kerana ketidakhadiran Pembangkang.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Tak pe lah, tak pe lah. Sana, saya harap Sg. Pelek boleh mewakili 20 yang lain untuk diletak dibahunya, badannya, sebab itu dia jadi kurus daripada yang lain-lain.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta laluan sikit. Saya nak tanya kepada Yang Berhormat Batu Caves, kenapa sejak kebelakangan ni Pembangkang ini begitu lesu, begitu lesu termasuk nak datang menjalankan tugas sebagai Ahli Dewan pun, mereka lesu dan malas. Apa puncanya mereka mempunyai sindrom sedemikian. Sila perelaskan.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Kalau tidak ada angin, pokok tidak bergoyang. Kalau tidak ada sebab perkara tidak berlaku. Mungkin mereka rimas dan rasnya tidak selesa dalam Dewan. Dan ini sebenarnya bagi saya adalah sikap sebenar yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Dewan di sana, termasuk Gombak Setia. Bila dibangkitkan tentang kewujudan dalam Dewan, dia cakap ini perkara remeh. Disebut Meru, perkara remeh-remeh tak bincang. Ini adalah tanggungjawab utama sebagai Ahli Dewan. Kita dipilih sebagai Ahli Dewan ini untuk duduk di dalam Dewan, membahaskan dasar, membahaskan perancangan negeri. Sebab itu nanti saya akan sentuh reformasi Dewan negeri Selangor yang sedikit sebanyak telah ditiru oleh kerajaan dan juga Parlimen Malaysia. Kita ingin menjadikan Dewan Negeri Selangor ini menjadi satu Dewan yang berfungsi dengan fungsinya yang sepenuhnya. Dan bukan hanya menjadi tempat untuk *rubber-stamp* acara tahunan, acara bulanan, acara setiap tiga bulan untuk mendapatkan ataupun mengesahkan sesuatu peraturan enakmen dan sebagainya.

Puan Timbalan Speaker, saya kembali kepada nota yang di siapkan dan juga ingin meneruskan hujah. Kita lihat pada tahun 1963 sebagai contoh. Ahli Dewan Senat ataupun Senator Dewan Negara, yang diwakili oleh negeri-negeri pada ketika itu telah berjumlah 28 orang dengan 2 orang mewakili bagi setiap negeri-negeri yang ada di Malaysia. Dengan tambahan ataupun 22 orang terdiri daripada yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong, yang kebanyakannya dicadangkan oleh kerajaan yang memerintah. Pada tahun 1964, jumlah Ahli Dewan Negeri ataupun jumlah Ahli Dewan Negara yang juga yang merupakan Senator yang dilantik oleh negeri-negeri, adalah berjumlah 28 orang kekal. Dan jumlah yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, Yang Dipertuan Agong, yang sebenarnya sebahagian besar dan semuanya dicadangkan oleh kerajaan yang memerintah berjumlah 32 orang. Daripada sini kita dapat melihat bagaimana fungsi asal Dewan negara, pelantikan senator-senator, untuk memastikan hak-hak negeri dapat dipertahankan, telah

dirampas dan telah digunakan dan telah mengurangkan kuasa yang dipanggil sebagai kuasa federalisme. Malahan pada ketika ini, ahli Dewan Negara selepas tahun 78.....

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Speaker, Speaker. Peraturan 12, Speaker. Peraturan Tetap 12 (1), korum bagi Dewan dan Jawatankuasa Keseluruhan Dewan hendaklah mengandungi tidak kurang daripada 1/3 Ahli Dewan dengan tidak termasuk Pengerusi. Saya kita semak, Tuan Speaker. Kalau tidak, kesian saya. Y.B. kita bercakap tak ada orang nak dengar. Kesian.

TUAN SPEAKER: Tolong semak. Baik kita boleh teruskan.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih, saya tengok, saya hargai Batang Kali, paling cekap bila saya sebut, pentingnya Dewan ni, dia sebutkan tentang kuorum. Tak pe. Terima kasih. Kita dapat melihat pada tahun 78, jumlah wakil-wakil negeri daripada 28 orang telah berkurang menjadi 26 orang dengan tambahan 4 orang daripada pelantikan Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong yang sebenarnya dicadangkan oleh kerajaan yang memerintah. 4 orang mewakili Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan, diikuti dengan 40 daripada 32 tambahan. Maknanya ada 26 wakil negeri, dan ada 44 wakil persekutuan, dalam wakil kerajaan persekutuan dalam Dewan Negara. Inilah gambaran bagaimana budaya ini telah mengurangkan kuasa-kuasa negeri yang akhirnya menyukarkan serta menyulitkan pentadbiran Kerajaan Negeri, lebih-lebih lagi pada tahun 2008 setelah berlaku tsunami politik, berlaku perubahan kuasa pemerintahan di beberapa buah negeri, termasuk di negeri Selangor yang kita sayangi ini.

Tuan Speaker, Puan Timbalan Speaker, sebab itu saya kira, menjadi hasrat dan juga cita-cita Pakatan Rakyat untuk kita memastikan konsep federalisme ini di kembalikan kepada cita-cita asalnya. Iaitu memastikan berlakunya ataupun kembalinya kuasa kepada negeri untuk menentukan berlakunya sikap hormat-menghormati di kalangan kerajaan persekutuan dan negeri. Dan ini adalah cabaran yang paling besar dan Insya-Allah kita akan laksanakan apabila kita sampai ke Putrajaya nanti. Kita dapat lihat pelantikan Ketua Kampung sebagai contoh, nampak kecil tetapi inilah gambaran yang saya sebut tadi bermula dari pelantikan Ahli-ahli Senat hinggan kepada peruntukan perdana di peringkat nasional hingga kepada pelantikan ketua kampung. Yang sangat jelas, ia sebenarnya di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri tetapi ia telah dilantik oleh kerajaan persekutuan yang merupakan saya kira satu pembaziran. Termasuk geran-geran yang dipanggil PLB, Pembangunan Luar Bandar, sebelum ini yang sebelumnya disalurkan oleh Kerajaan Negeri sekarang diurus oleh ICU dan dari Jabatan Perdana Menteri. Ada orang kata, orang nak beri pembangunan, sepatutnya kita terima. Ya, saya tidak ada masalah, tetapi cara dan kaedah itu bagi saya melanggar kepada prinsip pembentukan dan juga hasrat dan cita-cita dan roh kepada negara Malaysia yang mencapai kemerdekaan pada 1957, dan pembentukan Malaysia pada 1963. Sebab itu rata-rata analisis dan juga pandangan sesetengah pihak lihat walaupun negara Malaysia ini mengakui sebagai negara *federalist* tetapi sebenarnya ciri-ciri *centralist* atau ciri-ciri pemusatan kuasa kepada kerajaan persekutuan itu, termasuk rundingan isu air, termasuk banyak lagi isu-isu lain, yang sebenarnya memerlukan usaha

menyeluruh. Jadi, saya berharap sempena masih lagi sambutan ke-50 Dewan Undangan Negeri Selangor dan Parlimen Malaysia yang berjalan serentak ini. Mari kita melihat fungsi federalisme ini. Saya mencadangkan pihak pengurusan dewan, pihak Kerajaan Negeri, supaya kita dapat melihat untuk mengkaji seminar membuat kajian yang menyeluruh untuk memastikan masa depan. Ini bukan untuk kepentingan Pakatan Rakyat dan mana-mana parti tapi saya kira manalah tahu tiba-tiba kerajaan Pakatan Rakyat *Insyah-Allah* pada pilihan raya akan datang memerintah Putrajaya. Ada negeri Perlis diketuai oleh Barisan Nasional, tidak berlaku apa yang dipanggil sebagai diskriminasi kezaliman yang sudah pasti kita dapat elakkan apabila kita perintah dalam negara kita. Ini termasuk juga dengan bagaimana lawatan Perdana Menteri ke negeri-negeri Pakatan. Baru-baru ini Perdana Menteri turun di banyak tempat di negeri Pakatan termasuk di negeri Selangor. Turunnya selaku Perdana Menteri, hadir selakunya Perdana Menteri Malaysia. Suka atau tidak beliau adalah Perdana Menteri Malaysia yang diiktiraf oleh Parlimen. Sebagai Perdana Menteri urusan untuk turun ke negeri haruslah, dan semoleknya di salurkan melalui Pejabat Menteri Besar sebab itu Perdana Menteri hendak turun ke tempat saya tahun 2009 atau 2010, ingin turun di satu kawasan masjid ingin meminta kebenaran. Apa saranan saya pada wakil mereka. Bila bertemu dengan wakil-wakil kita di bawah. Kalau hendak saya uruskan boleh, tetapi melalui Pejabat Menteri Besar, dan kita insya-Allah akan uruskan sebagaimana yang selayak. Tetapi Perdana Menteri mungkin menggunakan dana Perdana Menteri, menggunakan nama Perdana Menteri turun ke negeri-negeri Pakatan, tidak memberi maklum, tidak memberi jemputan. Yang akhirnya membawa mesej-mesej politik tentang total Barisan Nasional, memburuk-burukkan nama Pakatan Rakyat dengan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas. Saya tidak ada masalah, kalau beliau hadir selaku ketua atau presiden UMNO. Tapi apabila turun sebagai Perdana Menteri mengarahkan penjawat-penjawat awam melalui jabatan mereka, mengarahkan wakil-wakilnya tidak melalui *current government* (dengan izin) atau pentadbiran yang sedia ada pada ketika ini, kiranya ia sedikit sebanyak bayangkan sikap tidak matang kita dalam memahami dan menjalankan federalisme dan menghormati keputusan rakyat dalam pilihan raya akan datang. Ia nampak seperti di awang-awang saya sebut ini.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Puan Speaker. Terima kasih Batu Caves saya tertarik dengan isu berkaitan lawatan dengan Perdana Menteri ke kawasan, turun ke kawasan ke Selangor. Saya hendak maklumkan kepada untuk *info* kepada Batu Caves bahawa DUN Sekinchan juga pada bulan lepas Perdana Menteri buat pertama kalinya semenjak pada 54 tahun ada seorang Perdana Menteri turun ke DUN Sekinchan, DUN Sekinchan. Saya ucapkan terima kasih tetapi apa yang saya difahamkan dalam masa singkat lawatan ke Sekinchan Sekolah Yoke Kuan. Masa yang singkat, pukul 12.00 sampai, 1.00 lebih hingga 2.00 balik. Beliau membelanjakan, saya diberi maklumat RM700,000 lebih. RM700,000 lebih bawa bas sebagainya, makanannya RM700,000 lebih. Apakah ini bukannya satu pembaziran yang tidak sewajarnya diamalkan oleh seorang Perdana Menteri yang membazir dalam soal konteks ini? Saya minta pandangan Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Sekinchan. Kalau jamuan hari raya sampai RM92,000. RM700,000 ini saya kira tinggal beberapa kali, 7 kali jamuan hari raya.

Mungkin di mata Perdana Menteri ia sangat kecil tetapi bagi Rakyat Malaysia yang sedang berdepan dengan masalah kenaikan harga barang dan sebagainya. Ia merupakan sebagai satu contoh dan teladan yang tidak elok sebagaimana pentadbiran yang sepatutnya memberi jalan yang *concern*, yang prihatin, yang dapat melihat rakyat di peringkat bawah, tidaklah di atas dan tidaklah

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Puan Speaker.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Sebentar lagi Batang Kali. Tidaklah terlalu menggunakan atas nama Perdana Menteri dan program rasmi untuk turun dengan mewah-mewah. Silakan.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Terima kasih Batu Caves. Saya pun kadang-kadang keliru dengan Sekinchan khususnya. Bila kita memberi bantuan kepada rakyat dia pun, dia kecoh-kecoh. Kita bagi dia RM700,000 ke bukan bagi pada sesiapa, kepada *driver-driver bus*, rakyat yang datang. Itu semua rakyat Selangor sebab Sekinchan tidak boleh sediakan untuk *driver-driver bus* duit dan bajet sebagainya. Jadi kita buatlah jamuan untuk rakyat di sana. Apa salahkan ke? kita meraikan rakyat kita yang tidak di bela oleh Pakatan Rakyat ini? Terima kasih Speaker.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Kita minta dia buat soalan, dia buat tuduhan. Tak apa! Saya nampak ialah kalau dia hendak tuduh, kita boleh tuduh dia kata hendak bagi rakyat tapi bagi kontraktor UMNO, ketua cawangan UMNO yang tiada projek di bawah, lebih kurang mungkin begitulah! Tak apa!. Puan Timbalan Speaker yang saya hormati sekalian sebab itu apabila kita lihat fungsi ini, banyak perkara-perkara yang sepatutnya dapat dijalankan dengan berhemat dengan kedua-dua negeri ini, sentiasa bergantung pada keadaan yang cukup tegang. Saya ambil contoh, saya tidak mahu personal dan peribadi apa yang kita lalui dalam pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Kita tidak ada permasalahan personal malahan kita telah bekerjasama dengan erat. Apa yang ditegaskan oleh pentadbiran negeri adalah kaedah dan cara. Ada tatacara tetapi tidak dimaktubkan. Ia diletakkan di ruangan yang kelabu. Ia hanya digunakan ketika Kerajaan Negeri itu *friendly party* dengan negeri Kerajaan Persekutuan. Tetapi apabila berbeza parti, berbeza fahaman politik gunakan kaedah yang tidak berhemah. Kita tidak ada masalah dengan mana-mana individu dan pegawai dengan penuh harapan dan kepercayaan dilaksanakan. Sebab itulah kita sebagai wakil negeri pada sesi dewan khas pada tahun lalu kita hendak kembalikan kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan dan kuasa dewan negeri ini untuk melantik pegawai-pegawai penting negeri dan kita melihat kembali kesesuaian. Maklumlah saya percaya, kenapa perkara ini berlaku dulu khususnya untuk negeri-negeri bersekutu ini ataupun apa yang dipanggil sebagai *Federalist State* pada ketika itu, kerana pada ketika itu jumlah penjawat-penjawat awam yang berkedudukan dan berkelayakan tinggi daripada sudut pendidikan amat kurang. Tapi sekarang kita sudah membesar, mereka yang hadir ke universiti pun ramai. Mereka yang pergi ke universiti tempatan dan luar negara pun ramai. Jadi saya rasa tidak menjadi satu kesusahan untuk mencari seorang pegawai undang-undang sendiri contohnya. Dan, sistem ini saya kira perlu diperbaiki pada masa hadapan. Dan, perlu ada usaha untuk hormat-menghormati. Termasuk dalam isu air.

Dari negeri Selangor, apabila kita tawar kepada syarikat berkenaan. Syarikat berkenaan pula *deal* pula dengan kerajaan persekutuan. Akhirnya, menyusahkan. Akhirnya, berlaku kecurigaan dan akhirnya menimbulkan masalah dan isu-isu yang panggil isu politik. Bila ditawarkan harga yang munasabah 12% daripada harga asal, tidak diterima. Atau nasihat politik mungkin. Puan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, sebab itulah kalau kita lihat, teguran dan saranan, panduan yang disarankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan Dewan Negeri Selangor ini satu perkara yang sangat penting. Perubahan-perubahan yang dilakukan oleh pentadbiran di bawah Pakatan Rakyat khususnya Tuan Speaker dan juga atas nasihat bersama-sama rakan-rakan Pakatan. Kita telah menjadikan dewan ini sebagai Dewan Negeri yang hidup. Dewan Negeri yang bukan hanya bersidang tiap-tiap 3 bulan, bukan hanya perlu bersidang ketika pembukaan, masuk bulan 6 ada persidangan satu, masuk bulan 9, bulan 10 ada bajet, bukan itu. Sebaliknya Dewan Negeri Selangor ditubuhkan di bawah Peraturan Tetap Dewan perkara 70 atau 71 kalau tidak silap saya untuk melantik jawatankuasa-jawatankuasa. Hal ini bukanlah perkara yang sangat asing di negeri-negeri dan di negara-negara yang mengamalkan *Westminster* demokrasi. Jawatankuasa-jawatankuasa pilihan khas mengenai PBT, Jawatan Pilihan Khas mengenai anak-anak syarikat Kerajaan Negeri, ABASS, Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pejabat Tanah dan Daerah (PADAT) sebagai contoh yang telah ditubuhkan oleh Dewan Negeri Selangor merupakan satu mekanisme sebagaimana ahli-ahli dewan ini dapat berfungsi dengan fungsi yang sepenuhnya. Sebagaimana yang saya pernah sebut, sewajarnya dewan ini menjadikan dewan yang merupakan rumah kedua kita. Di sinilah kita berjumpa, di sinilah kita bertemu, membincangkan dan daripada di sini jugalah kita penubuhan-penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas termasuklah kuasa pilihan khas dan liabiliti, transparansi SELCAT termasuk jawatankuasa khas yang melihat *freedom information* sebagaimana yang sebelum ini. Ini adalah contoh yang kemudiannya, sekarang ini dipraktikkan di Parlimen dengan Jawatankuasa Pilihan Khas menambahbaikkan sistem pilihan raya ataupun *Parlimen Select Community* ataupun PSC yang dianggotai oleh Bukit Antarabangsa. Puan Speaker, namun begitu saya sedikit kecewa dengan reaksi dan maklum balas yang ditonjolkan oleh Barisan Nasional dalam melihat jawatankuasa-jawatankuasa ini. Mereka-mereka melihat jawatankuasa-jawatankuasa ini bukanlah satu badan yang sepatutnya mereka anggotai. Bila kita tawar mereka sebagai pengerusi *Public Account Community (PAC)* Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri mereka menolak. Sedangkan ini amalan di negeri-negeri *Westminster* demokrasi. Bila kita memanggil SELCAT sebagai contoh mereka tidak hadir dengan alasan kononnya mereka hadir untuk memburukkan mereka. Bukan wakil-wakil Barisan Nasional sahaja dipanggil. Seri Setia pernah dipanggil. Seri Muda pernah dipanggil. Ramai yang telah dipanggil tetapi ada pula yang salah faham. Sebentar, sedikit. Salah faham ada yang melihat bahawa jawatankuasa ini seolah-olah menjadi mahkamah.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Maaf, terima kasih Batu Caves, Seri Setia bukan bangun sebab nama Seri Setia disebut tapi sebab hendak bertanya, sebab *respons* dari pembangkang lain-lain, ada yang tolak ini mahkamah, ada yang hadir, ada yang hendak saman dan sebagainya. Jadi pohon pendapat Batu Caves?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih. Saya kira inilah perkara penting yang patut kita lakukan di peringkat persekutuan dan kenapa kita perlu sampai ke Putrajaya. Untuk, kita membetulkan persepsi di kalangan rakyat. Membetulkan persepsi di kalangan ahli-ahli dewan dan ahli-ahli politik negara kita. Bahawa jawatankuasa-jawatankuasa ini bukan mahkamah. Jawatankuasa-jawatankuasa ini bukan penghinaan. Jawatankuasa-jawatankuasa ini ingin melihat bagaimana peraturan kerajaan. Saya pun sangat sedih, bila ada seorang pemimpin, khabarnya bakal *list* Menteri Besar kalau BN menang. Sebut ini mahkamah kanggaru. Kawannya daripada Permatang, DUN di bawah parlimennya, ahlinya, maknanya dia telah panggil Permatang kanggaru. Belajarundang-undang, tidak faham Dewan, lama jadi ahli parlimen, duduk jadi ahli politik. Puan Speaker, kalau fahaman yang sangat mudah ini pun tidak dapat difahami, apakah kita hendak memberi harapan kepada Barisan Nasional untuk memerintah. Ini yang saya sebutkan sebelum ini berlaku persenyawaan haram di antara *legislative* dan eksekutif di banyak tempat. Keputusan yang dibuat oleh kerajaan sewenang-wenangnya diluluskan oleh Dewan dengan kemudahan 2/3, dengan semua mengangguk tanpa membahaskan secara tuntas, ilmiah dan secara waras dan rasional. Puan Speaker sebab itulah! Saya ingin menyeru pada semua pihak termasuk rakyat negeri Selangor. Daripada mekanisme - mekanisme inilah! Kita dapat memastikan kaedah perjalanan serta atur cara yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri berjalan dengan seadilnya Dengan mata dan telinga inilah cara yang sebenar, sewajarnya negeri dapat berjalan, sewajarnya Ahli Dewan dapat berfungsi, sewajarnya ahli-ahli politik dapat berfungsi dan kita bukanlah menang sebab lampu jalan, kita bukanlah menang sebab longkang, kita bukan sebab menang dengan buat jambatan, sebagaimana propaganda yang dimainkan oleh Barisan Nasional. Sejak sebelum merdeka sampailah sekarang sebagai tempat. Kita perlu maju ke hadapan, kemajuan politik. Saya hendak dengar Gombak Setia sebut benda ini ingatnya 50 tahun nak bincang benda ini. Ini dia bincang Meru saya, saya, saya, tak apa nanti saya cerita lain. Sebab itulah bila kita minta ini dapat dipertingkatkan, dewan ini dapat di manfaat dengan lebih tinggi saya ada sedikit kecewa juga kerana kita belum lagi melaksanakan sepenuhnya di peringkat negeri, walaupun kita sudah menjadi ikutan, menjadi pedoman oleh beberapa tempat, termasuk jawatankuasa-jawatankuasa yang saya sebut ini kita perlu segera menetapkan penubuhan selesa iaitu Enakmen yang memberikan kebebasan kepada Dewan dan daripada situlah wujudnya apa yang dipanggil *seperation of power* pengasingan kuasa yang merupakan tunjang dan nadi penting kepada pembentukan Negara kita dan Negeri Selangor Darul Ehsan.

Ahli Yang Berhormat daripada penubuhan itu dengan pengukuhan institusi Dewan inilah maknanya kita dapat memastikan bual bicara, perkataan, kajian, serta lontaran daripada Ahli Dewan ini betul-betul merupakan satu lontaran yang betul. Saya tak nak salahkan di sebelah sana sangat dan juga di sebelah sini atas beberapa kesalahan fakta. Mungkin sebab masa tak ada. malam pergi ceramah, malam pergi program, tidak ada mereka yang membuat kajian. Tapi kecewa jugalah benda-benda yang mudah sebagaimana yang ditonjolkan oleh Ketua Pembangkang. Saya lihat Ketua Pembangkang menyebut bahawa beberapa program-program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri tidak pernah dibuat oleh Kerajaan Negeri. Sedangkan komputer depan mata dia, surat khabar ada berseparah ada di almari, dalam *hansard* ini yang dia

tidak boleh tipu. Dia sebut hadiah RM100 untuk masuk anak baru lahir tidak ada, sedangkan kalau dia buka komputer di access MES dalam laman Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor www.mes.selangor.gov.my access dicari statistik pada tahun 2009 apa yang dipanggil hadiah baru lahir yang dipanggil TAWAS, Tabung Anak Warisan Selangor adalah berjumlah satu RM1,290,700.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Tuan Speaker.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Silakan.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih Batu Caves saya fikir kalau Ketua Pembangkang dia mengharapkan Utusan Malaysia, mengharapkan TV3 memang betul dia tidak dapat maklumat tentang dasar-dasar Kerajaan Negeri. Jadi kita tidak boleh salahkan beliau.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih, Terima kasih. Itu nanti saya sentuh, payah kalau hidup bergantung dengan Utusan ini, dia jadi pelik. Saya sebut tahun 2010, RM1,179,700 telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri melalui Tabung Merakyatkan Ekonomi untuk Tabung Anak Warisan Selangor. Secara keseluruhan Sekinchan suka cakap seluruh, saya pun nak ikut, seluruhnya saudara-saudara RM592,909,644.58 seluruhnya dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri sehingga 31 Disember 2011 untuk program yang dipanggil program untuk merakyatkan ekonomi. Buka-buka sahaja laman web ini ada tiga belas program dilaksanakan termasuk yang dipanggil yang dipanggil tidak ada. Yang dikata tidak ada dia kata Hadiah Anak yang Masuk Universiti tak ada, sedangkan ia ada. Ya saya setuju dengan beberapa kritikan daripada Sungai Pelek. Tetapi saya rasa EXCO ada jawapannya, saya tidak berhak untuk menjawab saya boleh jawab benda yang terpapar dan terpamer di depan, ada rintihan sebagaimana yang berlaku di Sungai Pelak, Batu Caves pun ada dulu Hospital Selayang tidak pernah buat lagi, Hospital Sungai Buluh apa tah lagi maknanya yang lahir di sekitar Gombak dan Batu Caves semua lahir di Hospital Kuala Lumpur. Pada awal-awal kita buat dulu memang ada tetapi saya rasa EXCO akan jawab ada perubahan dan keputusan penting yang mungkin Sungai Pelek belum tahu. Ini tipu-tipu terang, terang tipu saya pun naik pening dia kata bohong, kita buat OSCC tak cukup memanglah kita buat kat Hospital, Hospital ada dua saja Hospital Sungai Buluh, Hospital Ampang Puteri, bukan Hospital Tengku Ampuan Rahimah dengan Hospital Sungai Buloh daripada dua itu kita buat dua tempat daripada tiga tempat itu, nak buat tiga-tiga belum lagi. Isteri bersalin suami dapat cuti, 14 hari, kalau ada sedikit masa semak *hansard* Dewan Undangan Negeri ucapan belanjawan Menteri Besar tahun 2009, Belanjawan 2009 maknanya pada tahun 2008 bulan sebelas sudah ada komitmen untuk dilaksanakan kalau kita telah dilaksanakan. Kalau kita lihat 13 program yang telah dilaksanakan RM592 juta hampir RM600 juta telah dilaksanakan dalam program-program merakyatkan ekonomi. Sebab itu saya sokong sangat agar EXCO yang berkenaan agar buat WIFI percuma terutama di tempat-tempat Pembangkang supaya mereka boleh access internet dan dapat melihat fakta-fakta ini dan tidak menjaja perkara-perkara yang tidak sepatutnya. Begitu juga tentang ataupun gambaran yang cuba dibuat oleh mereka seolah-olah Kerajaan Negeri ini tidak

melakukan program pembangunan selain daripada korek pasir dan jual tanah. Saya dengar di sebelah sana tak ada buat lain Kuang ke saya tidak ingat siapa. Korek pasir jual tanah ini ada dalam laporan statistik Jabatan Statistik Nasional dan saya semak di internet dan saya ada juga yang saya *print*. Kalau kita lihat secara keseluruhan sejak tahun 2008 Kerajaan Negeri Selangor merupakan negeri yang telah merupakan antara negeri-negeri yang mencatatkan kadar pertumbuhan lebih daripada kadar nasional. Pada tahun 2008 sebagai contoh kadar pertumbuhan KDNK keluaran Dalam Negara kasar bagi Malaysia adalah 4.8 manakala Selangor telah mencatat 8.3. Malahan dalam titah Duli Yang Maha Mulia Sultan disebutkan kadar pertumbuhan nasional di Malaysia 5.1% KDNK di Selangor 5.9. Dan kalau ada sedikit masa menyemak tentang bagaimana keluaran Dalam Negara kasar dan juga keluaran Dalam Negeri kasar Negeri Selangor sebagai contoh yang paling terkini tidak ada *detail* yang selepas ini 2011. Kita ada *detail* tahun 2010 Negeri Selangor merupakan sebuah negeri yang mempunyai kadar pertumbuhan yang baik di samping ceraian-ceraian yang bagus, mana faktanya. Sebagai contoh pada tahun 2010 Negeri Selangor merupakan sebuah negeri yang bertumbuh di atas pertanian sebanyak 1.6 % pembuatan 34.1%, pembinaan 4.7%, perkhidmatan 56%, duti import 3%. Kepada rakan-rakan pembangkang tolong sebutkan kepada wakil-wakil mereka hasil negeri yang tumbuh daripada sektor perlombongan dan kuari telah 0.4% sahaja. Pertanian 1.6% jauh lebih tinggi daripada sistem atau pun sektor kuari dan perlombongan pasir dan sebagainya. Apa yang mereka buat adalah contohnya adalah untuk mempengaruhi rakyat di luar sana seolah-olah Kerajaan Negeri tidak membangun, seolah-olah Kerajaan Negeri menghentikan dan boleh memanjangkan propaganda mereka yang sebelum ini maknanya kalau selain daripada Barisan Nasional memerintah maknanya negeri akan kacau bilau sedangkan fakta yang kita ada sejak dari tahun 2008 sumbangan Selangor pada Kerajaan Persekutuan sentiasa melebihi 20%. 22.1% pada tahun 2008, 22.3% pada tahun 2009, 23% pada tahun 2010, 22.1% pada tahun lepas ataupun pada tahun 2011 yang ceraianya telah saya sebut tadi. Sektor-sektornya sangat jelas sektor pembinaan, sektor perkhidmatan, sektor pembuatan dan sebagainya yang merupakan sebahagian daripada akar dan ekonomi Kerajaan Negeri Selangor. Sebab itu cukuplah kepada rakan-rakan pembangkang supaya jangan mengulang-ulang dan membuat cerita-cerita yang tidak wajar seperti ini. Menggunakan media, saya tahu mereka bukannya hendak bercakap dalam Dewan sebab itu Ketua Pembangkang tidak ada di dalam Dewan ini. Mungkin ada hal lain yang lebih penting baginya tetapi dia bercakap dia tidak dalam terlibat nak kita nak bantah pun kita tidak ada masa tetapi mengeluarkan fakta-fakta ini dengan harapan *pick-up* dengan izin diambil, dikedok oleh media, ditayang untuk gambaran kepada negeri-negeri lain dan juga rakyat di seluruhnya yang mungkin tidak mengikuti Sidang kita secara langsung.

Ahli Yang Berhormat sebab itu kalau kita lihat tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh UMNO dan Barisan Nasional kepada Pakatan Rakyat memang sebahagian besarnya tidak berasas. Baru-baru ini ada seorang bekas menteri Ahli Parlimen Sepang mungkin dia tidak sedar kata-kata dia itu mengusik Pengerusi Perhubungan UMNO sendiri, saya sebut bila dia tuduh Pakatan Rakyat kononnya mendapat bantuan asing dengan buku panduan pilihan raya yang dicetak daripada *National Government Institute For Democracy* fahaman saya. Ini satu benda yang ada di dalam laman web MED yang

boleh di *download* perlu ada kursus komputer oleh Unit ICT kita kepada pemimpin-pemimpin UMNO ini. Yang boleh di *download* berucap dalam konvensyen yang tidak sedar dengan apa yang dia cakap ini kemudian dia bangkit lagi ini dibantu oleh *Konrad Adenauer Foundation Yayasan Adenauer* yang berpangkalan di Jerman yang dia tidak sedar ketika dia cakap itu pada tahun-tahun sebelum ini *Konrad Adenauer Foundation* juga pernah membiayai satu pertubuhan lain namanya (MSRC) *Malaysian Strategic Research Centre* siapa ketuanya Razak Baginda. Ini Ir. Zain Menteri ini nak kutuk pengerusi perhubungan sendiri Ya Allah pening kita dibuatnya.

Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN B. ALI: Terima kasih Batu Caves merujuk kepada...baru-baru ini Jawatankuasa Pilihan khas Menteri *Select Committee* berhubung penambahbaikan proses pilihan raya telah mengadakan lawatan kerja ke Eropah khususnya United Kingdom, Jerman dan Denmark. Lawatan ini dianjurkan oleh Kerajaan Pusat dan diketuai dan diterajui oleh Dewan Rakyat, satu aturcara dalam lawatan ini melawat Ibu pejabat *Konrad Adenauer* dan mendengar taklimat daripada Pengerusi *Konrad Adenauer* yang dianjurkan oleh Dewan Rakyat dan Kerajaan Pusat. Jadi mungkin dia tidak jadi menteri dia tidak tahulah keadaan yang sebenarnya. Itu maklumat tambahan Batu Caves masuk dalam ucapan.

Y.B. TUAN AMIRUDIN B. SHARI: Ini arahan ke apa. Terima kasih ketua *whips* dan Bukit Antarabangsa itu yang saya sebut dia macam nak serang kita, tahu-tahu dia serang pengerusi perhubungan negeri sendiri. Tadi Timbalan pengerusi serang ADUN sendiri dipanggil Mahkamah kanggaru. Kanggaru salah satu kanggaru itu sendiri ADUN kawasan dia sendiri yang dia tuduh, kita tidak panggil kanggaru. Kita menghormati mereka. Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, sebab itulah yang saya sebut tadi apabila kita mendengar ucapan-ucapan yang dibuat di media yang dipengaruhi oleh Barisan Nasional ini kadang-kadang kita pun pening. Sebagai contoh baru-baru ni ada sentuhan hati daripada Radio TV Malaysia, mereka menghubungi saya bertanyakan tentang masalah saya di *interview* hampir 40 minit oleh RTM. Isi *interview* saya tak boleh nak jelaskanlah sebab panjang mungkin kita terpaksa bersidang sampai pukul 7. Hampir 45 minit saya bertemu mereka bertanya tentang masalah sebahagiannya yang telah saya jelaskan ini ada sebahagiannya kerjasama dari Majlis Perbandaran Selayang dan sebagainya yang kita perlu kerjasama program-program ke depan masalah-masalah semasa, akhirnya ketika ditayangkan laporan itu satu saat, setengah saat pun tak ada dikeluarkan sebab mungkin kata-kata saya tidak mampu melagakan dengan Jabatan Kerajaan seperti MPS seperti dalam soalan yang ditanyakan. Dia tayang ada sampah banyak bersepah saya tak nafikan awal-awal bulan lalu ada sedikit masalah, Alhamdulillah kita dah tangani. Saya ucap terima kasih banyak-banyak kepada Majlis Perbandaran Selayang. Tetapi gambar yang ditunjuk itu gambar apa. Gambar 3 hari selepas perayaan Thaipusam yang telah dibersihkan. Oleh Majlis Perbandaran Selayang. Dia nak tipu rakyat negeri lain, lukakan hati rakyat di Batu Caves. Cukuplah, cukup. Jangan mengulang-ulang perangai menyambung fitnah. Kita diajar dalam Al-Quran Surah An-Nur sebagai contoh ayat 1 hingga 9, ayat 9 hingga 20. Boleh kita semak, boleh kita baca, boleh kita dapati bagaimana kisah isteri baginda SAW yang difitnah mempunyai hubungan kurang elok dengan sahabat walaupun sahabat itu hanya cuba membantu selepas balik peperangan sehingga

merenggangkan hubungan suami isteri. Inilah juga modal yang ada dalam media-media dan mesin propaganda UMNO dan Barisan Nasional yang akhirnya tak membincangkan dasar. Saya melihat ucapan Ketua Pembangkang apa dasar yang dicadangkan oleh mereka. Apa peranan yang nak dibawa. Kononnya selamatkan Selangor yang kini dianiaya. Tak ada apa. Silakan.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih Batu Caves. Saya nak sentuh tadi sedikit yang sebut fasal fitnah Rasulullah dan sebagainya terhadap Rasulullah. Tentang kes qazaf Dato' Seri Anwar Ibrahim di mana beliau cuba mengambil tindakan qazaf kerana beliau telah dituduh tanpa cukup saksi oleh Saiful tetapi tidak diambil tindakan oleh Mahkamah Syariah di Wilayah dan beliau telah diambil tindakan saman menteri di Jabatan Perdana Menteri sebaliknya menteri tersebut telah menggunakan wang zakat untuk membayar kos guaman. Adakah ini satu perkara yang sebenarnya selari dengan parti yang nak membela Melayu Islam.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Soalan itu mengusulkan saya kembali kepada Gombak Setia. Terima kasih. Saya akan jawab.

Tuan Speaker inilah contoh macam mana apabila kuasa digunakan untuk kepentingan peribadi dan melanggar garis-garis dan juga norma prinsip walaupun namanya menteri agama. Agaknya ada mazhab baru salah satu asnaf yang perlu menerima zakat ini adalah menteri. Asnaf ada lapan dah jadi sembilan. Sedangkan mereka tidak layak. Namanya Jamil Khir. Orang panggil dia amil sebab dia dah boleh kutip zakat. Minta maaf kalau ada menyinggung. Tetapi ini perlu diperbetulkan termasuk apa yang saya tertarik dengan Gombak Setia bila masih lagi di hujung ucapan semalam atau dua hari lepas mengulang fitnah yang telah tertidur. Keputusan 901 dilalui oleh Ketua Pembangkang, Barisan Ketua Pembangkang di Parlimen Dato' Seri Anwar, Penasihat Ekonomi Negeri dan akhirnya beliau tidak bersalah walaupun ada lagi proses rayuan. Dia melalui proses itu. Kalau beliau yang kononnya nak masuk PAS dulu ingin dapat nasihat ulama apakah beliau lupa nasihat Dr. Yusuf Al-Qardhawi yang ada dan disampaikan kepada beliau minta tolong jangan percaya, minta tolong jangan sebar, minta tolong jangan edar fitnah yang sedang tertidur ini. Kalau kita tolong edar, kita tolong sebar ditakuti kita boleh terjurus di dalam fasik dan munafik. Ini bukan kata Jamil Khir. Ini bukan kata ulama-ulama UMNO, ini bukan Ketua Kampung, Pengerusi Kampung, Pengerusi Surau, Nazir Masjid, ini nasihat Dr. Yusuf Al-Qardhawi. Ulama yang menjadi rujukan di peringkat nasional dan internasional. Ulama yang diberikan Anugerah Tokoh Maal Hijrah oleh Kerajaan Persekutuan tetapi masih lagi terdengar kata-kata *cynical* membuat *insinuation* tak nak sebut nama, tak nak bertanggungjawab daripada beberapa pemimpin UNMO dan mesin-mesin propaganda UMNO yang ada pada mereka. Sebab itu nasihat saya pada mereka ini cukup-cukuplah hentikanlah politik yang tidak membangunkan bangsa, negara dan juga rakyat secara keseluruhan. Apakah mana-mana parti politik yang tertentu nak menang dengan sebab liwat. Apakah mana-mana parti politik tertentu nak menang dengan sebab video lucah. Sebaliknya gagal menayang serta mempamerkan polisi apa yang nak dibuat, gagal menandingi Buku Jingga. Bila kita buat Buku Jingga ajak debat dia kata membazir.

Lepas membazir dia kutuk pula. Susahlah macam ni. Kita nak maju ke depan sebagai sebuah negara maju.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih Batu Caves. Seri Setia cuma nak bertanya kita ni mungkin jahil sikit tapi bagaimana pula sekiranya macam Gombak Setia tu dia mantan EXCO agama dia sendiri menggunakan *insinuation* yang sama dalam isu lucah dan sebagainya. Adakah beliau tidak sedar tentang saranan tersebut.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Saya tak nak la memberikan kata-kata yang kurang molek dan cantik tapi sebab dia dah sentuh kawan saya Meru, dia kata gila meroyan kalau macam tu penyakit gila talak dia sama. Psikologi, saya pun belajar psikologi juga. Saya faham psikologi. Kaedah yang diterangkan oleh Gombak Setia dalam ucapan yang lepas, itu namanya pengenalan diri secara defensif, tak berani untuk menjelaskan diri dan dasar ke depan. Defensif mode, menyalahkan orang lain sampai parti lain disalahkan beliau dipecat. Saya tak faham dan saya rasa ia perlu diberi pencerahan politik dan tarbiah yang penting. Orang masuk PAS berpuluh tahun lalu tarbiah dia masuk PAS tiga empat tahun terus jadi Naib Presiden dan nasib dia la jadi macam tu. Namun itu saya rasa kita ada satu pantun. Atau kata-kata dari Dato' A. Samad Said. Mungkin pantun ini boleh melambangkan apa yang berlaku dalam negara kita.

Perkasa Patah Jati Tumbuh, Kita Hilang Anak Berganti.

Itulah yang terjadi dalam negara kita. UMNO dan Barisan Nasional sudah tidak boleh jadi muka depan untuk menyerang Pakatan Rakyat. Apa yang berlaku wujud Perkasa. Apa yang berlaku api-apikan Jati. Apa yang berlaku buatlah mana NGO kononnya ia mewakili rakyat. Sebab ada bantahan dan imej yang terlalu buruk pemimpin UMNO di kalangan mata rakyat dengan sikap mereka sebelum ini. Ada perubahan?. Tak ada. Yang disebut hanya mungkin transformasi. Ia ada pelan tapi pelan itu tidak kesampaian. Pelan itu pelan yang bolak balik. Nak buat GST tak jadi. Nak buat SBPA tak jadi. Apa yang jadi dalam kerajaan Barisan Nasional di peringkat *federal*. Apa *reform* yang berlaku. Apa perubahan yang penting yang berlaku. Tak ada. Dulu dia kutuk kita bagi RM500 air percuma. Saya ingat Kuala Kubu sebut RM11.40 beli bedak pun tak cukup. Sekarang dia bagi RM500 dalam tempoh 50 tahun sekali cuba bahagi cukup tak?. Beli gula-gula pun tak cukup satu hari kalau kira. Tapi akhirnya pada belanjawan terakhir sebelum pilihan raya baru dia buat untuk melaksanakan dan juga meneruskan cita-cita politik kita. Namun saya kira rakyat cukup bijaksana dan rakyat sudah terbuka, rakyat pun faham dan rakyat pun baca, rakyat pun merasai program-program merakyatkan ekonomi yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Akhirnya selepas saya menjelaskan beberapa perkara penting tadi dan juga memperbetulkan beberapa persepsi-persepsi yang ditimbulkan oleh Barisan Nasional.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Batu Caves, saya tertarik dengan saranan, lenggok ayat yang digunakan oleh Batu Caves tetapi dalam soal itu tolonglah jangan persalahkan UMNO kalau ada orang lain dah tak setuju dengan Pakatan

Rakyat, kalau tuan-tuan nak menyokong peliwat ke, orang berbogel ke itu masalah tuan-tuan tapi jangan salahkan UMNO. Dia tubuh JATI itu masalah dia. Bukan masalah parti kita. Itu saya nak bagi tahu, Pakatan Rakyat ni tak ada kerja lain menyalahkan orang saja. Dah sampai sendiri masuk ke bilik berbogel pun nak salahkan UMNO. Parti apa ni?. Terima kasih Speaker.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Batang Kali. Ingatan saya sebelum saya jawab Batang Kali saya nak baca surah An-Nur berkenaan dengan maksiat dan berkenaan buruknya fitnah. Dan jangan memanjang-manjangkan fitnah itu. Tetapi kita dapat lihat Jati tumbuh dalam masa beberapa hari Pakatan Rakyat hantar borang pendaftaran Pakatan Rakyat awal tak dapat. Mana-mana nak lawan parti Keadilan nama parti kita dua minggu dapat, Jati dapat. Saya pun tak faham.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Yang Berhormat saya mohon nak mencelah.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Cukuplah, cukup dah tinggal tiga minit.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Saya semalam minta kalau boleh bagi saya senarai permohonan tu saya akan hantar bantu untuk bagi kelulusan. Sebab kita seronok nak lawak Pakatan Rakyat tu.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Secara tak langsung Permatang seolah-olah nak daftar jadi ahli Pakatan Rakyat. Tak apa tinggal tiga minit. Ini soalan *political*. Saya nak terangkan masalah Batu Caves dalam masa dua minit dengan cukup pantas.

Yang Berhormat, jadi saya cukup menyokong dan menghargai titah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan berharap agar panduan dan sokongan itu terutamanya kepada terutamanya seluruh Ahli Dewan, seluruh Ahli Dewan untuk kita menghayati dan melaksanakan dasar kita dan melaksanakan apa pun dasar yang patut kita laksanakan itu harus menuruti kepada prinsip-prinsip yang sepatutnya. Sebab itu beberapa perkara-perkara yang ditegur dalam dewan terutamanya hal keputusan-keputusan Kerajaan Negeri hal yang berkenaan pelaksanaan projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri haruslah dilaksanakan dengan baik dan teratur.

Saya ini berharap beberapa masalah spesifik di Batu Caves saya ucap terima kasih banyak-banyak kepada Kerajaan Negeri yang cukup prihatin dan jabatan berkenaan MPS, JPS, Pejabat Tanah yang dapat menyelesaikan masalah Batu Caves. Batu Caves dulu banjir *Alhamdulillah* dalam tempoh empat tahun kita dah mengurangkan masalah banjir itu sampai 90%.

Seterusnya berkenaan masalah tanah, masalah tanah di kawasan Batu Caves. Saya kira saya ucap terima kasih Kampung *Indian Settlement* dapat kita selesaikan 50 tahun wakil rakyat di situ daripada UMNO dan Barisan Nasional, dua penggal terakhir daripada MIC mewakili masyarakat India kawasan *Indian Settlement* tak selesai. Namun di bawah Pakatan Rakyat walaupun wakilnya orang Melayu dan Islam tapi kita

dapat diselesaikan. Namun begitu ada beberapa masalah-masalah berbangkit yang perlu kita selesaikan dan saya berharap isu-isu seperti jalan 10D dan beberapa isu-isu yang melingkari setingan sifar yang belum lagi dilaksanakan dengan baik dan belum lagi dapat dilaksanakan dengan baik dapat dilaksanakan termasuk peruntukan MARRIS dan sebagainya.

Jam 4.30 minit petang, jadi saya minta maaf kalau saya tak berhenti, saya dipaksa untuk berhenti dan saya harap kita dapat berjumpa lagi selepas ini membawa perubahan dan menuju Putrajaya *insya-Allah* dalam pilihan raya yang akan datang. Salam reformasi. Assalamualaikum WBT.

TUAN SPEAKER: Terima kasih Batu Caves. Masa untuk berbahas sudah tamat. Pada 26 Mac 2012 pihak kerajaan akan menggulung perbahasan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam sudah pun 4.30 petang maka dewan ditangguhkan sehingga ke hari Isnin 26 Mac 2012 bermula jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)